



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA



# LAPORAN TAHUNAN 2017

[www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

"CEPAT DAN MESRA"

**SEDIA  
MENYELAMAT  
999**



# ISI KANDUNGAN

Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	4
Visi, Misi, Nilai Teras dan Peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	10
Pelan Strategik dan Moto Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	10
Pengurusan Tertinggi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	11
Carta Organisasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	16
Pencapaian	18
Pembangunan Modal Insan	113
Penganugerahan dan Pengiktirafan	136
Program Bahagian-Bahagian	141
Program Utama Jabatan	243



## KATA ALU-ALUAN KETUA PENGARAH

**YAS TUAN MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID**

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tahun 2017 telah kita tinggalkan dengan pelbagai kenangan pahit manis dan suka dukanya. Satu peristiwa yang tidak dapat kita lupakan ialah **insiden kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah** yang telah mengorbankan seramai 23 nyawa iaitu 21 pelajar dan 2 orang tenaga pengajar. Kes ini merupakan yang terbesar selepas kebakaran Maahad Taufiqiah, Padang Lumat, Kedah yang mengorbankan 27 nyawa pelajar 28 tahun yang lalu. Justeru ia telah mendapat perhatian pelbagai pihak termasuk pemimpin tertinggi dan kenamaan negara. Ekoran dari itu, Jabatan telah menubuhkan satu **task force** bagi melaksanakan pemeriksaan ke atas semua pusat tahfiz di seluruh negara. Hasilnya sejumlah **1,238** pusat tahfiz telah dikenal pasti dan diperiksa bagi menilai tahap keselamatannya. Ternyata banyak lagi pusat tahfiz yang tidak selamat dan memerlukan perhatian dari kita semua. Kerajaan telah meluluskan dana segera sebanyak 30 juta ringgit pada tahun lepas dan 50 juta lagi pada tahun ini bagi digunakan khusus untuk memperbaiki aspek keselamatan kebakaran di pusat-pusat tahfiz di seluruh negara. Di pentas antarabangsa pula, kita dikejutkan dengan satu kebakaran rumah kediaman 24 tingkat yang mengorbankan 71 orang penghuni, iaitu kebakaran Grenfell Tower di London. Persoalan yang paling penting di sini ialah, apakah kita akan terus membiarkan sahaja kedua-dua peristiwa ini berlalu, tanpa mengambil apa-apa iktibar darinya? **Bak kata bijak pandai, mereka yang melupakan sejarah, berkemungkinan besar akan mengulangi sejarah pahit yang telah mereka dilalui** atau dalam Bahasa Inggerisnya **“those who forget history, will be condemned to repeat the same mistake”**. Oleh itu pengajaran penting dari dua peristiwa ini yang perlu diingat oleh semua ialah, **never take fire safety for granted**. Jangan sekali-kali kita mengambil mudah tentang aspek keselamatan kebakaran. Saya bimbang kerana ada pihak, atas alasan kekurangan dana, lalu mengabaikan aspek keselamatan kebakaran. Lalu apakah yang kita cari? Adakah dalam kita mengejar keuntungan, kita sanggup menggadaikan nyawa. Pengajaran yang kedua ialah, **“if you don't know, ask**. Kalau kita tidak mempunyai pengetahuan, tanyalah Jabatan Bomba. Kita akan sentiasa bersedia untuk membantu. Jangan disebabkan kejahilan kita tentang aspek keselamatan, nyawa akan terkorban.



**Bak kata bijak pandai, mereka yang melupakan sejarah, berkemungkinan besar akan mengulangi sejarah pahit yang telah mereka dilalui** atau dalam Bahasa Inggerisnya **“those who forget history, will be condemned to repeat the same mistake”**.



## Panggilan Kecemasan 2017

Pada tahun 2017, JBPM telah menghadiri sebanyak **86,982** panggilan kecemasan iaitu **29,356** panggilan melibatkan kebakaran, **54,884** panggilan penyelamatan, **2,392** panggilan khidmat khas dan **350** panggilan palsu. Purata panggilan yang di terima oleh JBPM adalah **238** sehari. Jumlah keseluruhan panggilan menunjukkan **penurunan** sebanyak **6.12%** berbanding **92,307** kes pada tahun 2016. Panggilan kebakaran telah menunjukkan penurunan yang besar iaitu sebanyak **41%** berbanding sebanyak **49,876** pada tahun 2016. Ini satu perkembangan yang sangat menggalakkan. Walaupun masih terlalu awal, saya berharap penurunan ini ada kaitannya dengan kempen dan aktiviti yang kita lakukan selama ini. Panggilan **menyelamat** pula telah meningkat sebanyak **35%** berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan ini dipercayai berpunca dari kepelbagaian aktiviti masyarakat dan sebahagian lagi akibat bencana alam yang merupakan fenomena global pada hari ini. Dalam kepelbagaian aktiviti masyarakat hari ini mereka berhadapan dengan berbagai keadaan kecemasan yang memerlukan khidmat Jabatan bagi mengatasinya. Ini termasuklah kemalangan di tempat kerja, kemalangan jalan raya, kemalangan di tempat rekreasi dan sebagainya. **Negeri Selangor** merekodkan jumlah panggilan kecemasan **tertinggi** iaitu **18,984 kes**, di ikuti **Negeri Johor (10,608)** dan **Negeri Perak (9,119)**.

## Kematian, Kemusnahan Harta Benda dan Harta Diselamatkan

Jumlah **kematian akibat kebakaran** adalah sebanyak **165** orang, meningkat **54%** berbanding sebelumnya. **Taksiran kerugian dan kemusnahan harta benda pula** adalah sebanyak **RM 5,211,971,591.16** iaitu **meningkat** sebanyak **81.81%** berbanding **RM 2,866,742,974.85** tahun 2016. **Manakala taksiran harta yang diselamatkan** juga meningkat sebanyak **42.29%** iaitu **RM 50,967,220,058.39**, berbanding **RM 35,816,919,206.54** pada tahun sebelumnya.

## Response Time

Pada tahun 2017, pencapaian KPI **Response Time** menghadiri panggilan kecemasan dalam tempoh kurang dari 10 minit adalah sebanyak **47%** berbanding **45.02%** pada tahun 2016. Tahun ini, kita mensasarkan KPI ditingkatkan kepada **48.5%**. Saya yakin sasaran ini akan dapat kita capai memandangkan pada tahun ini dijangkakan 20 buah balai bomba baru akan mula beroperasi sebagai tambahan kepada sebanyak **289** buah balai yang sedia ada. Selain dari itu, pencapaian *response time* turut dibantu oleh penwujudan *fire post* di lokasi-lokasi strategik membolehkan pasukan bomba sampai dengan cepat ke tempat kecemasan dengan segera walaupun pada waktu puncak disebabkan kedudukannya di lokasi-lokasi strategik di bandar-bandar besar. Pada masa ini terdapat **16 Fire Post** di seluruh negara.

## Pasukan Bomba Sukarela

*Response time* jabatan juga turut dibantu oleh sebanyak **370 Pasukan Bomba Sukarela (PBS)** dengan keanggotaan seramai **13,467** yang berada di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar. PBS telah menghadiri **1,982** kes kecemasan kesemuanya iaitu **795** kes kebakaran, **246** kes penyelamatan, **784** kes khidmat khas dan **157** lain-lain. Selain itu PBS juga turut membantu jabatan melaksanakan **2515** pemeriksaan pili bomba. Dalam usaha meningkatkan keupayaan PBS, jabatan pada tahun ini akan meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) bagi membolehkan jabatan bertindak sebagai pendaftar kepada PBS. Sehubungan itu, aspek kawal selia, kebajikan dan pengoperasian PBS akan menjadi fokus utama jabatan ke arah meningkatkan lagi keupayaan pasukan yang penting ini.





## Keselamatan dan Pencegahan Bahaya Kebakaran

Bagi tujuan **mengurangkan bahaya kebakaran**, sebanyak **15,014** premis telah diperiksa dan **1,815** premis telah diberikan **Notis Menghapuskan Bahaya Kebakaran**. Sebanyak **266** premis yang tidak mematuhi notis telah dihadapkan ke mahkamah. Sebanyak **RM 217,000.00 denda telah dikenakan oleh mahkamah kepada premis-premis berkenaan.**

## Penyiasatan Kebakaran

Pada tahun 2017, sebanyak **7,373** kes kebakaran telah disiasat iaitu 5,080 kebakaran **struktur** dan **2,293** kebakaran **kenderaan**. Bagi kebakaran struktur, sebanyak **4,799** atau **94.5%** kes berpunca daripada kemalangan, **234** atau **4.6%** kes sengaja bakar, **34** atau **0.67%** kes semulajadi dan **13** atau **0.25%** kes tidak dapat dipastikan. Kebakaran **rumah kediaman** mencatatkan peratusan yang **tertinggi** iaitu sebanyak **68.81%**. Manakala elektrik merupakan sumber nyalaan tertinggi iaitu **2,918** kes dan sebahagian besarnya diakibatkan oleh **Sparks/Short Circuit (1,410 kes)** berpunca dari pendawaian yang uzur dan tidak sempurna. Satu kejayaan besar yang dicatatkan oleh Bahagian Siasatan Kebakaran pada tahun ini ialah, apabila berjaya mengenal pasti punca kebakaran Pusat Tahfiz Ittifaqiah dalam tempoh yang sangat singkat iaitu tak sampai enam (6) jam selepas kebakaran dipadamkan. Hasil tindakan pantas ini dan dari maklumat yang diberi oleh bomba kepada polis, pihak polis telah berjaya menangkap suspek dalam tempoh tak sampai 48 jam. Semua ini adalah hasil dari dedikasi dan kecekapan pasukan forensik jabatan. Tahniah kita ucapkan.

Fungsi penyiasatan kebakaran jabatan akan dimantapkan tidak lama lagi dengan termetrainya Nota Kerjasama (NoU) antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dengan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berkaitan penyelarasan penyiasatan kebakaran yang akan ditandatangani pada 26 Januari 2018.

## Pembangunan Latihan dan Modal Insan

Pada tahun 2017, JBPM telah melaksanakan 902 program latihan yang melibatkan 33,160 peserta dan peruntukan sebanyak RM 18,058,154.00. Pada tahun 2018, sejumlah RM15,829,055.88 diluluskan bagi pelaksanaan 840 kursus kepada 29,342 peserta di akademi-akademi bomba dan pusat-pusat latihan di negeri-negeri. Kursus-kursus peningkatan kompetensi juga akan dianjurkan seperti Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus atau *Subject Matter Expert* dan Kursus *Leadership Development and Assessment Programmes (LEAPs)*.

Jabatan turut memeterai beberapa MoU dengan pihak IPT dalam usaha melahirkan modal insan yang cemerlang. Antaranya, Program **Master of Fire Engineering, USM** yang secara langsung memberi peluang kepada pegawai-pegawai JBPM untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Baru-baru ini, jabatan telah mencipta satu lagi sejarah baru apabila berjaya memeterai satu MoU dengan **Negara Maldives** bagi mempereratkan hubungan antara dua negara menerusi perkongsian khidmat kepakaran dalam bidang kebombaian dan penyelamatan. Pengiktirafan yang diberikan ini menjadi pemangkin kepada jabatan untuk sentiasa meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran di **Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia** selain memastikan perkhidmatan JBPM menjadi **benchmark** kepada rakan-rakan dari negara serantau.

## Pembangunan Balai dan Kelengkapan

Pada tahun lepas jabatan telah diluluskan sejumlah RM262 juta peruntukan pembangunan bagi melaksanakan 57 projek balai dan membuat perolehan jentera serta peralatan. Ini termasuklah perolehan 18 unit **Aireal Ladder Platform (ALP)** yang bernilai RM87,300,000.00.

Tahun 2018 menyaksikan sejumlah RM188 juta peruntukan pembangunan telah diluluskan merangkumi 2 projek pembinaan balai baru, 3 projek naik taraf balai dan 4 projek pembelian bangunan untuk dijadikan balai bomba iaitu di Kukup, Johor, Grand Pier, Melaka, Sungai Koyan dan Kuala Tahan, Pahang.



## Perancangan dan Penyelidikan

Jabatan turut berharap, satu hari nanti kita dapat menjadi peneraju kepada Teknologi Kebombaan Negara dan *National Focal Point* bagi aktiviti penyelidikan kebombaan. Jabatan telah mempunyai pelbagai peralatan dan kelengkapan pengujian yang moden dan terkini yang berkemampuan untuk menguji 'Physical and Chemical Properties' termasuk 'performance' sesuatu produk kebombaan dengan lengkap. JBPM merancang untuk mendapatkan Akreditasi MS ISO 17025 : *General requirements for competence of testing and calibration laboratories* daripada Jabatan Standard Malaysia sebagai sebuah Institut Penyelidikan Kebombaan yang diiktiraf diperingkat antarabangsa. Usaha-usaha turut dilakukan bagi menjadikan jabatan sebagai peneraju penyelidikan berkaitan *Fire Safety, Hazardous and Flammable Material* dan *CBRNe*. Kerjasama dengan Institut Penyelidikan Luar Negara seperti *Korean Fire Research Institute, Korea* dan *CSIRO, Australia* sedang dalam perancangan bagi tujuan memantapkan fungsi penyelidikan jabatan.

## Bahagian Kejuruteraan Jentera

Kecemerlangan perkhidmatan operasi kebombaan dan penyelamatan pada masa ini turut didokong oleh **Bahagian Kejuruteraan Jentera** yang berperanan penting bagi memastikan kenderaan dan peralatan kebombaan berjinjenti sentiasa berada dalam keadaan siap siaga. Pada tahun 2017, sebanyak **20,223** kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan meliputi servis, pembaikan dan breakdown dengan kos **RM 37.75** juta. Penekanan terhadap penyelenggaraan berjadual atau *preventive maintenance* sentiasa diberi perhatian.



## Program Pendidikan dan Kesedaran Awam

JBPM akan meneruskan lagi program-program ke arah peningkatan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap pencegahan dan keselamatan kebakaran. Pada tahun 2017 JBPM telah melaksanakan sebanyak **3,649** ceramah, **3,310** demonstrasi, **1,460** pameran dan **4,633** aktiviti pengungsian bangunan. Di antara kempen kesedaran yang ditekankan oleh jabatan ialah supaya rumah-rumah kediaman dilengkapi dengan **alat pengesan asap dan alat pemadam api** agar kebakaran dapat dikesan awal dan penghuninya boleh bertindak segera sekiranya berlaku kecemasan.

Di bawah **Program Kadet Bomba** pula, seramai **185,841** pelajar sekolah menengah telah menjadi ahli Kadet Bomba. Program keselamatan ini turut diperluaskan ke **Institusi Pengajian Tinggi (IPT)** melalui **Briged Bomba** yang kini telah dinamakan semula sebagai **Kor Siswa Bomba**. Jabatan yakin penglibatan IPT ini akan menjadi pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang lebih mengutamakan ciri-ciri persekitaran selamat dan sejahtera. Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak IPT yang menyahut pelaksanaan program Kor Siswa Bomba ini dan berharap ianya dapat diperluaskan ke semua IPT di seluruh negara.

Disamping itu, jabatan amat menggalakkan penglibatan orang awam dalam penyebaran maklumat berkaitan keselamatan terutama di kawasan kediaman. Sebanyak **347** pasukan **Bomba Komuniti** dan **MyBomba JPP** telah berjaya ditubuhkan dengan keanggotaan seramai **4,570** orang.

Jabatan melihat bahawa masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama menjaga kesejahteraan dan keharmonian negara. Kita dapati antara sebab nilai kerugian meningkat dan bilangan kes kematian yang tinggi adalah disebabkan orang ramai lewat menghubungi jabatan. Sehubungan dengan itu pada hari ini jabatan akan melancarkan satu aplikasi baru yang dinamakan **MyBomba Apps** bagi membolehkan orang awam menghubungi jabatan bagi menyalurkan aduan atau mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan mudah melalui telefon mudah alih mereka.

## Pengurusan / Unit Integriti

Sehingga kini, sebanyak 13,412 pelbagai jawatan telah dibuat pengisian manakala baki sebanyak 677 dijangka dapat di selesaikan pada tahun 2018. Bagi memperkaya dan memperluaskan bidang tugas pegawai (*job enrichment and job enlargement*), pelaksanaan sistem pusingan kerja atau "*jobrotation*" akan diteruskan kepada mereka yang telah berkhidmat disatu-satu tempat melebihi lima (5) tahun atau tiga (3) tahun bagi jawatan yang sensitif.



**Pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik** dan mapan sentiasa menjadi teras jabatan ke arah organisasi berprestasi tinggi. Untuk itu jabatan telah merencanakan pelbagai pengisian agar pegawai-pegawai bebas dari salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah. Penganjuran **Forum Pemerksaan Integriti (FPI)** dengan kerjasama IIM dan SPRM telah diadakan setiap tahun bagi memastikan warga jabatan menghayati penerapan sikap berintegriti secara konsisten dan berterusan. Pada 27 Oktober 2017, **Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR)** telah diadakan bagi memastikan warga kerja JBPM tidak terlibat dalam rasuah atau salah guna kuasa. Kesemua JBPM Negeri juga diseru untuk menandatangani IBR ini sebelum berakhir Januari 2018.

Pada tahun 2017, jabatan berjaya menyelesaikan **110 kes tatatertib**, dengan **21 pegawai** dikenakan tindakan buang kerja iaitu penurunan sebanyak **19%**, berbanding 44 pegawai pada tahun 2016. Penurunan ini membuktikan keberkesanan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2016. Pendekatan SKAI melalui konsep mahabbah dan kasih sayang terhadap keseluruhan warga kerja JBPM, membolehkan kesalahan-kesalahan kecil dapat dibendung dengan segera. Sistem ini juga digunakan untuk memantau mereka yang berpotensi terlibat dalam Keterhutangan Kewangan Yang Serious.

### Persijilan MS ISO Versi 2015

Sebagai usaha berterusan jabatan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan, hari ini dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan bahawa susulan daripada audit naik taraf persijilan MS ISO 9001:2015 yang dijalankan oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd ke atas JBPM pada November 2017, kita telah pun **berjaya** menaik taraf persijilan kepada versi baru tersebut. Kejayaan persijilan ini telah melepasi sasaran yang telah ditetapkan pada peringkat awal kerana persijilan sedia ada sepatutnya tamat pada 12 November 2018. Oleh itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat di atas kerjasama dan komitmen yang tinggi bagi mendapatkan persijilan ini.

### Perancangan Masa Hadapan JBPM

Negara mensasarkan untuk menjadi negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi. Justeru itu, jabatan perlu bersiaga terutama bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang dibawa oleh Revolusi Perindustrian Keempat. Jabatan perlu mampu menangani pelbagai risiko global seperti bencana alam, perubahan iklim, krisis ekonomi, sosial dan teknologi disamping meningkatkan kualiti persekitaran yang mampu menjana komuniti sejahtera dan inklusif.

## Strategi Yang Akan Dilaksanakan

### 1. Pembangunan Balai Bomba dan Jentera

JBPM perlu menyediakan **Pelan Pembangunan Fizikal** agar pembinaan balai bomba dan kelengkapannya dapat dilaksanakan secara terancang dan sistematik dalam usaha mengurangkan tempoh masa bertindak (*Response Time*). Ini penting agar tahap kesiapsiagaan dan pemodenan jabatan seiring dengan teknologi dan tahap urbanisasi negara. **Konsep pembinaan dan reka bentuk bangunan** balai bomba yang seragam mengikut kategori, saiz dan kos perlu disediakan. Selain itu, jenis dan bilangan jentera di setiap balai bomba juga perlu bersesuaian dengan unit-unit atau pasukan khas yang diwujudkan berdasarkan risiko kawasan tersebut.

**Jentera** bomba perlu mempunyai keupayaan, kepantasan, kapasiti pam dan kelengkapan peralatan berteknologi tinggi dan terkini bagi menampung keperluan pemodenan negara. Teknologi seperti *robot, drone, tracking system* dicadang untuk digunakan dalam kerja-kerja pamadaman dan penyelamatan bagi tujuan *size up*, mengesan mangsa, serta merakamkan insiden atau operasi yang sedang dijalankan. Untuk lokasi-lokasi tertentu, perolehan **jentera yang lebih kecil** boleh dicadangkan bagi mempercepatkan masa bertindak terutama di laluan yang sesak atau sempit.

### 2. Latihan dan Kompetensi Pegawai

Sudah sampai masanya untuk jabatan memperkenalkan indikator bagi pengujian pengetahuan yang bercirikan SMART kepada pegawai secara individu atau berpasukan agar kompetensi pegawai sentiasa dikekalkan.

Program latihan perlu menjurus kepada peningkatan kemahiran dan kepakaran berkaitan teknik atau kaedah pengoperasian yang selari dengan teknologi terkini serta memenuhi keperluan pelanggan. Latihan dan SOP bagi menangani kes-kes kecemasan seperti di sewer, terowong, silo, MRT, pelabuhan dan sebagainya juga perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa. Pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat (IT) turut perlu dikuasai oleh setiap pegawai bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan jabatan. Prasarana pembelajaran, infrastruktur dan simulator latihan akan terus diperkasakan sebagai Pemacu Transformasi Organisasi selain menjadikan akademi-akademi bomba ini sebagai gedung ilmu kebombaan dan sumber rujukan kepada pihak dari dalam dan luar negara.





### 3. Memasyarakatkan Perkhidmatan Kebombaan

Setiap rakyat negara ini mempunyai hak yang sama bagi mendapatkan perlindungan kebombaan. Justeru, menjadi tanggungjawab jabatan untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti kebombaan yang boleh memberikan perkhidmatan secara menyeluruh disemua peringkat. Pendekatan jabatan bagi **merakyatkan perkhidmatan kebombaan** melalui konsep **Total Fire Safety** perlu diperkemaskan dengan sasaran untuk melahirkan masyarakat yang berupaya menangani kecemasan di peringkat awal. Adalah menjadi matlamat jabatan untuk melahirkan generasi berpengetahuan dan mengamalkan budaya keselamatan kebakaran dalam kehidupan seharian sebagaimana masyarakat di negara maju.

### 4. Keselamatan Kebakaran Di Bangunan

Kemajuan dan pemodenan negara juga menjadikan industri berkembang pesat yang turut meningkatkan risiko keselamatan masyarakat. Langkah-langkah bagi pendaftaran, pengawalan dan penguatkuasaan aspek keselamatan bangunan *building fire safety* perlu diambil serius. Bagi tujuan kawalan, jabatan perlu menyediakan mekanisma pendaftaran pihak profesional yang berkaitan seperti *Fire Inspector* dan *Fire Safety Auditor* agar undang-undang keselamatan bangunan dipatuhi sepenuhnya.

### Penutup

Sebagai penutup, masih banyak sebenarnya yang boleh kita lakukan dan boleh ditambah baik lagi terutamanya dari segi kecekapan dan kepantasan kita dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Bukan itu sahaja, kepekaan kita kepada isu dan masalah rakyat juga memainkan peranan penting dalam menaikkan imej jabatan dan sekaligus meletakkan kita selaku agensi penyelamat nombor satu Negara.

Akhir sekali, marilah kita berazam untuk terus membaiki setiap kelemahan, peka dan mendengar segala pandangan yang membina dan bertekad untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dengan penuh dedikasi, disiplin dan integriti. Kepada Allah kita mohon hidayah, dan semoga Allah SWT memberi kekuatan kepada kita semua dan melindungi kita serta keluarga dari segala kemalangan dan bencana.





## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



### PUNCA KUASA UTAMA

1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia – Jadual Kesembilan, Perkara 26 (Senarai Bersama);
2. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341); dan
3. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS).

### PELANGGAN

1. Sektor Awam;
2. Sektor Swasta;
3. Badan-Badan Bukan Kerajaan;
4. Badan-Badan Profesional;
5. Pertubuhan Antarabangsa; dan
6. Orang Awam.

### STAKEHOLDER

1. Jemaah Menteri;
2. Exco Negeri;
3. YB Menteri;
4. YB Timbalan Menteri;
5. Ketua Setiausaha, dan
6. Ahli Pasca Kabinet.



### VISI

Menjadi sebuah organisasi kebombaanan dan penyelamatan yang berprestasi tinggi.

### MISI

Memberi perkhidmatan kebombaanan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda.

### NILAI TERAS

1. Berani
2. Suka Menolong Orang
3. Tidak Mementingkan Diri Sendiri
4. Sabar dan
5. Tidak Berputus Asa

### PERANAN

Objektif dan Fungsi JBPM dengan jelas dinyatakan di bawah Seksyen 5 (1) & (2) Akta 341

### MOTO

“CEPAT DAN MESRA”



## PELAN STRATEGIK JABATAN

### Strategi Utama

Memperkasakan Perkhidmatan Kebombaanan dan Penyelamatan untuk Kesejahteraan Kualiti Hidup Masyarakat.

### Strategi 1

Memastikan rakyat mendapat perkhidmatan kebombaanan dan penyelamatan yang berkesan.

### Strategi 2

Mengamalkan Budaya Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran.

### Strategi 3

Memberikan perkhidmatan sokongan yang efektif bagi menjayakan strategi 1 dan 2.



## ➤ PENGURUSAN TERTINGGI JBPM



**YAS TUAN MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID**  
KETUA PENGARAH  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



**YAS DATO' HJ. AMER BIN HJ. YUSOF**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



**YAS DATO' HJ. SOIMAN BIN JAHID**  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



## Pengarah Bahagian



**YS TPjB DATO' ABDUL WAHAB  
BIN HJ. MAT YASIN**  
PENGARAH  
Bahagian Operasi Kebommbaan dan  
Penyelamat  
JUSA C



**YS TPjB EDWIN GALAN TERUKI**  
PENGARAH  
Bahagian Keselamatan Kebakaran  
JUSA C



**YS PKPjB AHMAD IZRAM  
BIN OSMAN**  
PENGARAH  
Bahagian Penyiantasan Kebakaran  
KB54



**YS PKPjB MOHD YUNOS  
BIN ABU HASSAN**  
PENGARAH  
Bahagian Udara  
KB54



**YS PKPjB DATO' YUSOF BIN SIDEK**  
PENGARAH  
Bahagian Perancangan dan  
Penyelidikan  
KB54



**YS PKPjB ABDUL RAZAK BIN MUDA**  
PENGARAH  
Bahagian Latihan  
KB54



## Pengarah Bahagian / Negeri



**YS PKPjB OTHMAN BIN ABDULLAH**  
PENGARAH  
Bahagian Pembangunan  
KB54



**YS PPjB SITI ROHANI BINTI NADIR**  
PENGARAH  
Bahagian Pengurusan Korporat  
KB52



**AIDI AZLI BIN WAHIT**  
PENGARAH  
Bahagian Pengurusan  
M54



**AMRAN BIN AHMAD**  
PENGARAH  
Bahagian Kejuruteraan Jentera  
J52



**YS PKPjB AZMI BIN OSMAN**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Selangor  
KB54



**YS PKPjB HJ. NORDIN  
BIN PAUZI**  
PENGARAH  
JBPM Kuala Lumpur  
KB54



## Pengarah Negeri



**YS PKPjB DATO' HJ. YAHAYA  
BIN HJ. MADIS**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Johor  
KB54



**YS PKPjB NOR HISHAM  
BIN MOHAMMAD**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Pahang  
KB54



**YS PKPjB SAADON BIN MOKTAR**  
PENGARAH  
JBPM Pulau Pinang  
KB54



**KOSONG**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Kedah



**KOSONG**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Perak



**YS PKPjB KAMARUZAMAN MALIK  
BIN ABDULLAH**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Sabah  
KB54



## Pengarah Negeri / Ketua Unit



**YS PKPJB HJ. KHIRUDIN BIN DRAHMAN @HUSAINI**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Sarawak  
KB54



**YS PPJB NAZILI BIN HJ. MAHMOOD**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Kelantan  
KB52



**YS PPJB AZLIMIN BIN MAT NOOR**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Terengganu  
KB52



**YS PPJB NORAZAM BIN KHAMIS**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Sembilan  
KB52



**KOSONG**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Melaka



**KOSONG**  
PENGARAH  
JBPM Negeri Perlis



**YS PgKB I JAINAL @ ZAINAL BIN MADASIN**  
PENGARAH  
JBPM Labuan  
KB48




**YS PgKB I MD. HILMAN BIN ABD RASHID**  
PENGARAH  
JBPM Putrajaya  
KB48




**PPJB NORIZAN BIN HJ. SULAIMAN**  
Ketua  
Unit Integriti  
KB52



# CARTA ORGANISASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA









# PENCAPAIAN

Operasi Kebombaan dan Penyelamatan  
Keselamatan Kebakaran  
Penyiasatan Kebakaran  
Pengurusan Kewangan  
Prestasi Pembangunan  
Pengurusan Aset  
Penyelenggaraan Jentera  
Pengurusan Aduan  
Sistem Pengurusan Kualiti

**LAPORAN TAHUNAN**  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAY MALAYSIA

# OPERASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMATAN

## 1) PENDAHULUAN

Sebagai sebuah Jabatan yang menyerapkan visi untuk menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamatan berprestasi tinggi, Jabatan dilihat komited dalam menyampaikan mutu perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa serta harta benda.


Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang juga merupakan sebuah agensi di bawah kerajaan pusat, sentiasa menyahut seruan kerajaan dalam merakyatkan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat. Penglibatan dan komitmen yang ditunjukkan oleh JBPM sentiasa menjadi perhatian umum dimana JBPM sentiasa memastikan perkhidmatan yang disampaikan memenuhi serta melebihi ekspektasi masyarakat tanpa mengira jantina, bangsa dan agama. Kerjasama dan penerimaan baik daripada masyarakat umum telah berjaya membuatkan JBPM dipandang tinggi sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab di dalam urusan kebakaran dan tugas-tugas penyelamatan.

Bagi mengilustrasikan penerimaan dan kebergantungan masyarakat terhadap perkhidmatan kebombaan di negara ini, satu analisa dibuat berdasarkan jumlah panggilan yang diterima dan jumlah kes yang dihadiri dengan jayanya oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada Tahun 2017. Analisa lebih tertumpu kepada kes-kes kebakaran, penyelamatan dan tugas-tugas khas di seluruh negara.

## 2) ANALISA PERANGKAAN KHIDMAT KEBOMBAAN YANG DIHADIRI

### 2.1. Analisa Jumlah Panggilan Kecemasan Mengikut Negeri


#### KES KECEMASAN MENGIKUT NEGERI



Carta 1 : Panggilan Kecemasan Mengikut Negeri

Sehingga Bulan Disember 2017, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menghadiri sebanyak **86,982 jumlah kes kecemasan**. Daripada jumlah ini, negeri Selangor mencatatkan jumlah tertinggi kes (18,984) diikuti dengan negeri Johor 10,608 kes dan negeri Perak (9,119). Negeri yang paling kurang menerima panggilan kecemasan adalah Perlis (762), W.P Labuan (718) dan W.P Putrajaya (616).


Analisa jumlah panggilan kebakaran, menyelamat, tugas-tugas khas dan panggilan palsu bagi Tahun 2017.



Carta 2 : Kategori Kes Dihadiri JBPM

Daripada jumlah keseluruhan (86,982) panggilan, JBPM telah menerima 29,356 panggilan melibatkan **kes kebakaran** dari Bulan Januari hingga Disember 2017. Dalam tempoh yang sama juga, JBPM telah menerima 54,884 **panggilan menyelamat & khidmat kemanusiaan** dan sebanyak 2,392 panggilan **tugas-tugas khas** telah dihadiri oleh JBPM. Tidak terkecuali, JBPM masih lagi menerima **panggilan palsu** iaitu 0.40% (350) daripada jumlah keseluruhan panggilan iaitu 86,982.

### PERBANDINGAN JUMLAH KES MENGIKUT TAHUN (2013-2017)



Carta 3 : Perbandingan Jumlah Panggilan Mengikut Tahun (2013-2017)




Graf di atas menunjukkan perbandingan statistik jumlah panggilan bagi kes kebakaran, penyelamatan dan tugas-tugas khas yang dihadiri oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi 5 Tahun. (Jumlah panggilan palsu tidak dimasukkan dalam carta kerana jumlah yang terlalu kecil dicatatkan pada setiap tahun).

Berdasarkan Carta 3 di atas, dalam tempoh lima (5) Tahun bermula 2013-2017, angka tertinggi jumlah keseluruhan kes yang dihadiri JBPM dicatatkan pada Tahun 2014 iaitu sebanyak 99,830 kes dan angka terendah dicatatkan pada Tahun 2013 iaitu sebanyak 62,280 kes. Pada Tahun 2015, 2016 dan 2017 masing-masing menunjukkan angka sebanyak 82,600 kes, 92,307 kes dan 86,982 kes. Jika dilihat dari segi jumlah kes dihadiri, Tahun 2016 menunjukkan jumlah kedua terendah iaitu dengan perbezaan sebanyak 7,523 (7.54%) kes lebih rendah berbanding 2014 iaitu 99,830 kes. Bilangan panggilan kecemasan yang tinggi pada Tahun 2014 adalah berpunca daripada dua (2) bencana besar yang melanda seluruh negara iaitu kebakaran terbuka pada awal tahun dan bencana banjir yang berlaku pada penghujung Tahun 2014. Dua (2) faktor yang sama ini turut mempengaruhi peningkatan kes pada Tahun 2016 apabila jumlah kes kebakaran terbuka pada awal tahun dan bencana banjir yang berlaku pada penghujung Tahun 2016 telah memberi kesan peningkatan yang tinggi tetapi tidak melebihi jumlah bagi kehadiran yang sama pada Tahun 2014 yang lalu.

2.2. Analisa kes kebakaran;

**BILANGAN KES KEBAKARAN MENGIKUT NEGERI**



Carta 4 : Kes Kebakaran Mengikut Negeri

Merujuk Carta 4 di atas, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling tinggi kehadiran kes **kebakaran** dengan catatan sebanyak 6,391 kes diikuti dengan negeri Johor (3,610 kes) dan Perak (3,579 kes).

Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas, satu analisa berkenaan **jenis kebakaran** yang berlaku di seluruh negara pada Tahun 2017 dijalankan untuk mendapatkan pola pengwujudan kemerbahayaan di negeri tertentu.

Analisa statistik kepada jumlah panggilan diterima oleh setiap negeri mendapati bahawa antara jenis **kebakaran yang kerap** menyumbang kepada jumlah yang besar adalah;

- i) Kebakaran terbuka
- ii) Bangunan dan isinya
- iii) Lain – lain
- iv) Kenderaan

### JENIS-JENIS KEBAKARAN DI SELURUH NEGARA




Carta 5 : Jenis-Jenis Kebakaran di Seluruh Negara Sepanjang Tahun 2017

Daripada 29,356 kes kebakaran yang dihadiri JBPM, jenis kebakaran paling tinggi yang direkodkan JBPM adalah **kebakaran terbuka** (9,994 kes). Ini diikuti dengan **kebakaran lain-lain** (7,594 kes), **kebakaran bangunan/premis** iaitu 5,485 kes dan **kebakaran kenderaan** iaitu 3,813 kes. Bagi kebakaran mesin, alat perkakas, petrol, bahan kimia, gas, kapal laut, feri, bot dan gerai menyumbang sebanyak 1,883 kes.

- a) **Kebakaran terbuka** adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan kebakaran **kebun/ladang, hutan, belukar dan kebakaran sampah sarap**.

### JUMLAH KES KEBAKARAN TERBUKA MENGIKUT NEGERI



Carta 6 : Jumlah Panggilan Kebakaran Terbuka Mengikut Negeri




**Kebakaran terbuka** adalah merujuk kepada kebakaran yang melibatkan kebakaran kebun/ladang, hutan, belukar dan kebakaran sampah sarap. Dan menurut analisis yang dijalankan didapati Negeri Selangor menghadapi paling banyak panggilan kebakaran terbuka pada Tahun 2017 iaitu 2,162 kes, diikuti Negeri Perak iaitu 1,515 kes dan Negeri Johor sebanyak 1,389 kes.

Berdasarkan kepada statistik di Carta 6 di atas, negeri-negeri lain mencatatkan kehadiran operasi kebakaran terbuka di bawah 1000 kes dalam tempoh 12 Bulan bagi Tahun 2017.

- b) Kebakaran yang **kedua** tertinggi dicatatkan (7,594 kes) adalah **kebakaran melibatkan kategori lain-lain**. Contoh kebakaran yang dikategorikan sebagai lain-lain adalah seperti berikut:
  - i. Kebakaran pondok pengawal yang terbiar
  - ii. Kebakaran tiang/pencawang/kabel elektrik
  - iii. Kotak fuis
  - iv. Tokong/tempat sembahyang kecil milik individu
  - v. Sampah/jerami
  - vi. Kebakaran kain-kain buruk yang ditempatkan dalam tandas awam
  - vii. Colok cina
  - viii. Kebakaran pokok
  - ix. Pusat kitar semula terbuka
  - x. Pondok telefon
  - xi. Ekzos fan/chimney
  - xii. Longgokan kayu
- c) Seterusnya penekanan juga diberikan kepada kebakaran bangunan.

**JUMLAH KEBAKARAN BANGUNAN MENGIKUT NEGERI**




Carta 7 : Jumlah Kebakaran Bangunan Mengikut Negeri Sepanjang Tahun 2017

Sepanjang Tahun 2017 juga, JBPM telah mencatatkan kehadiran sebanyak 5,485 kes **kebakaran bangunan** di seluruh negara. Daripada jumlah ini, Negeri Selangor mencatatkan jumlah paling tinggi dalam kebakaran bangunan dan diikuti Kuala Lumpur dan Kedah.

- d) Bagi memudahkan proses analisa, bangunan-bangunan yang terlibat dengan kebakaran telah dikategorikan mengikut **jenis-jenis bangunan berdasarkan kategori UBBL**. Berikut adalah pecahan jenis-jenis bangunan yang terlibat dalam kebakaran di seluruh negara;


## PECAHAN KEBAKARAN BANGUNAN MENGIKUT KATEGORI UBBL



Carta 8 : Pecahan Kebakaran Bangunan Mengikut Kategori UBBL

Merujuk kepada carta di atas, kategori **premis kediaman** adalah merupakan penyumbang **tertinggi** kepada **statistik kebakaran bangunan** dihadiri JBPM. Jumlah keseluruhan kebakaran premis kediaman yang dihadiri oleh JBPM adalah 3,122 kes (**kategori kediaman kecil dan kediaman lain**).

## KATEGORI KEBAKARAN PREMIS KEDIAMAN



Carta 9 : Jumlah Kebakaran Premis Kediaman


- e) Merujuk kepada Carta 9 di atas, Kategori **kediaman kecil** adalah merupakan kategori **tertinggi** (2,201 kes) terlibat dalam kebakaran di seluruh negara. Kediaman kecil adalah merujuk kepada mana-mana perumahan yang didirikan secara persendirian tanpa melalui syarikat pembinaan seperti rumah persendirian, banglo atau berkembar. Seterusnya statistik kebakaran premis kediaman diikuti oleh **flat/apartment/kondo** (554), **setinggan** (127) dan **rumah panjang/tradisional** (109).





2.3. Analisa kes penyelamatan

**KES PENYELAMATAN MENGIKUT NEGERI**




Carta 10: Kes Penyelamatan Mengikut Negeri

Bagi Tahun 2017, JBPM telah menerima sejumlah 54,884 panggilan melibatkan **kes penyelamatan dan khidmat kemanusiaan**. Negeri yang paling kerap menerima panggilan tersebut adalah Negeri Selangor iaitu 12,491 panggilan diikuti Negeri Johor (6,578) dan Perak (5,439).

- a) Daripada jumlah keseluruhan 54,884 kes penyelamatan yang dihadiri oleh JBPM sepanjang Tahun 2017, berikut adalah pecahan terhadap **kategori penyelamatan** yang telah dijalankan.

**JENIS PENYELAMATAN**




Carta 11 : Jenis-jenis Kecemasan yang dihadiri JBPM

- b) Berikut adalah pecahan operasi penyelamatan kategori **kecemasan lain**:


Berdasarkan Carta 11 di atas, kes kecemasan paling tinggi dihadiri oleh JBPM ialah kes **kecemasan lain/khidmat kemanusiaan** iaitu sebanyak 36,208 kes (66%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18,383 kes adalah merupakan **khidmat menangkap ular atau binatang berbahaya**. Manakala 10,362 kes adalah melibatkan operasi **memusnahkan serangga berbisa**. Baki 7,463 kes adalah lain-lain kes kecemasan seperti kes **cubaan bunuh diri, ancaman pengganas, rusuhan, potong cincin, pokok tumbang** dan lain-lain.

- c) Kategori **kedua tertinggi** dalam statistik kes penyelamatan adalah **kemalangan jalanraya** dimana **7,471** kes telah dicatatkan. Daripada jumlah tersebut, **jalanraya negeri/bandaran** mencatatkan jumlah kemalangan tertinggi iaitu **4,453** kes. **Lebuhraya** adalah kedua tertinggi iaitu **1,355** kes dan selebihnya berlaku di **Jalanraya persekutuan (1,217 kes)** dan **jalan-jalan lain (446 kes)**.



Carta 12 : Statistik Kes kemalangan Jalanraya dihadiri JBPM

Carta 12 di atas menunjukkan pecahan kes kemalangan jalanraya mengikut negeri-negeri di seluruh negara. Negeri Selangor menunjukkan jumlah panggilan kes paling tinggi iaitu sebanyak 1,191 kes, diikuti Negeri Pulau Pinang sebanyak 890 kes, Negeri Johor iaitu 889 kes dan Negeri Perak iaitu 836 kes. Bagi negeri-negeri lain, data statistik menunjukkan panggilan yang dihadiri bagi kes kemalangan jalanraya adalah di antara 13 hingga 684 kes sepanjang Tahun 2017.




Carta 13 : Statistik Kes kemalangan Jalanraya dihadiri JBPM 2013 hingga 2017

Jumlah kemalangan jalanraya menunjukkan pola **peningkatan** hingga Tahun 2017. Berdasarkan Carta 13 di atas, berlaku peningkatan daripada tahun 2015 hingga 2017. Pada Tahun 2013, kes yang dicatatkan adalah sebanyak 6,029 kes kemudian jumlah ini menurun sebanyak 380 kes kepada 5,649 kes. Pada Tahun 2015, jumlah kes kemalangan jalanraya sedikit meningkat iaitu sebanyak 20 kes berbanding 2014 iaitu kepada 5,669 dan seterusnya pada Tahun 2016, jumlah kes kemalangan meningkat dengan mendadak iaitu sebanyak 534 kes kepada 6,203 kes. Pada tahun 2017, kes kemalangan terus meningkat kepada 7,471 kes sekaligus menunjukkan angka tertinggi dalam tempoh lima tahun bermula 2013 hingga 2017.



- d) Sepanjang tempoh lima (5) tahun bermula Tahun 2013 hingga 2017, jumlah tertinggi kehadiran **panggilan kecemasan melibatkan bencana alam** dicatatkan pada Tahun 2014 iaitu sebanyak 11,258 kes. Manakala Tahun 2013, 2015, 2016 dan 2017 merekodkan jumlah panggilan kecemasan di antara 3,008 dan 4,897 kes sepanjang tahun.

**KES BENCANA ALAM TAHUN 2013-2017**




Carta 14 : Panggilan Bencana Alam Tahun 2013 hingga 2017

Keadaan cuaca hujan ekstrim yang melanda bahagian Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada penghujung Tahun 2014 adalah penyebab utama peningkatan jumlah kes panggilan kecemasan melibatkan bencana alam termasuklah menyelamatkan mangsa banjir, insiden pokok tumbang, mencari menyelamatkan mangsa lemas dan lain – lain. Pada Tahun 2017 pula, keadaan cuaca di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia menunjukkan perubahan apabila hujan lebat yang biasanya melanda pada penghujung tahun tidak berlaku dengan ketara. Walaubagaimanapun, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa komited dan bersedia setiap masa bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang berlaku dengan kesiapsiagaan semua pegawai dan anggota, memastikan peralatan menyelamatkan mencukupi dan mengemaskini SOP serta Arahan terkini agar sesuai dengan situasi semasa.

- e) Tahun 2017 terus mencatatkan peningkatan jumlah panggilan melibatkan **“Tumpahan dan Kebocoran Bahan Berbahaya”** dalam tempoh lima (5) tahun bermula Tahun 2013 hingga 2017.

**TUMPAHAN DAN KEBOCORAN BAHAN BERBAHAYA  
 TAHUN 2013-2017**




Carta 15 : Statistik Kes Tumpahan dan Kebocoran Bahan Berbahaya dihadiri JBPM Dari Tahun 2013 hingga 2017

Berdasarkan Carta 15 di atas, jumlah kes Tumpahan dan Kebocoran Bahan Berbahaya yang dihadapi meningkat secara konsisten. Pada tahun 2013, jumlah kes yang direkodkan ialah 1,419 kes di mana jumlah ini meningkat sebanyak (15 kes) 1.1% kepada 1,434 pada Tahun 2014. Pada Tahun 2015 pula menunjukkan sedikit peningkatan berbanding Tahun 2013 apabila berlaku peningkatan sebanyak 51 kes sahaja atau 3.6%. Ini diikuti peningkatan yang direkodkan pada tahun 2016 apabila jumlah tersebut terus meningkat sebanyak 384 kes (25.9%) kepada 1,869 kes. Seterusnya pada Tahun 2017, jumlah kes yang dicatatkan ialah 2,589 kes di mana berlaku peningkatan sebanyak 720 kes (38.5%) sekaligus menunjukkan angka tertinggi dalam tempoh lima tahun bermula 2013 hingga 2017.

#### 2.4 Analisa jumlah tugas-tugas khas mengikut negeri.

##### PANGGILAN TUGAS-TUGAS KHAS



Carta 16 : Statistik Panggilan Tugas-tugas Khas

Bagi **panggilan tugas-tugas khas**, JBPM telah menghadiri sejumlah 2,392 panggilan seluruh Negara sepanjang Tahun 2017. Negeri Sarawak mencatatkan angka tertinggi iaitu 801 kes dan berdasarkan rekod, khidmat tugas-tugas khas adalah seperti senarai berikut:


- Kawal Pembakaran Upacara Keagamaan – 4 kes
- Bantuan kepada agensi kerajaan – 71 kes
- Bantuan Kepada agensi bukan kerajaan – 19 kes
- Gotong royong – 66 kes
- Bantuan keselamatan semasa majlis keraian – 156 kes
- Lain-lain Khidmat Khas – 465 kes
- Kawal pembakaran bunga api – 20 kes

Nota : **JBPM Melaka** mencatatkan jumlah kehadiran tugas-tugas khas kawal pembakaran bunga api tertinggi di seluruh negara disebabkan BBP Alor Gajah, Melaka kerap terlibat dalam **mengawal pembakaran bunga api/mercuron** yang sering diadakan di A'Famosa Resort, Alor Gajah, Melaka.




2.5. Analisa jumlah mangsa terlibat dalam kes kebakaran di seluruh negara

**STATISTIK MANGSA DISELAMATKAN DALAM KEBAKARAN TAHUN 2013-2017**



Carta 17 : Bilangan Mangsa Yang diselamatkan Dalam Kebakaran 2013 – 2017


- a) Carta di atas menunjukkan bilangan **mangsa yang diselamatkan dalam kes kebakaran** di seluruh negara bagi Tahun 2013 sehingga 2017. Graf jelas menunjukkan **pola turun naik** jumlah mangsa yang diselamatkan oleh JBPM dalam kes kebakaran. Pada Tahun 2013, seramai 1,394 orang mangsa diselamatkan. Angka ini dilihat menurun sebanyak 126 orang (9%) kepada 1,268 orang pada Tahun 2014. Kemudian meningkat sebanyak 363 orang (28.6%) kepada 1,631 pada Tahun 2015 dan menurun semula sebanyak 73 orang (4.5%) pada Tahun 2016 kepada 1,558 orang. Seterusnya jumlah ini meningkat sebanyak 134 orang (8.6%) kepada 1,692 pada Tahun 2017.
- b) Antara faktor yang menjadi penyumbang kepada peningkatan jumlah mangsa diselamatkan dalam kebakaran antaranya adalah:
- i) Tahap kesedaran / *public awareness* tentang bahaya kebakaran yang semakin baik di kalangan masyarakat. Ini termasuklah kesedaran awam mengenai keperihatinan tentang sistem keselamatan kebakaran dalam bangunan dipasang dan diselenggara dengan baik;
  - ii) Teknik pemadaman SOFT yang berkesan melalui kaedah *Offensive Fire Fighting* dan pemakaian *personal protection equipment* (PPE) termasuk alat pernafasan yang lengkap membolehkan penyelamatan mangsa dapat dilakukan di dalam bangunan yang terbakar;
  - iii) Peranan dan komitmen masyarakat yang menyeluruh termasuklah pengembangan Pasukan Bomba Sukarela (PBS), Bomba Komuniti serta masyarakat setempat yang memberikan respon semasa bermulanya kebakaran di premis – premis bangunan kediaman, sekolah, pejabat dan lain-lain.
- c) Dalam tempoh yang sama juga dapat dilihat **pola turun naik jumlah kematian mangsa** dalam **kes kebakaran**. Carta dibawah menunjukkan statistik mangsa mati dalam kes kebakaran bagi Tahun 2013 hingga 2017.

**STATISTIK MANGSA MATI DALAM KEBAKARAN TAHUN 2013-2017**

Carta 18 : Mangsa Meninggal Dunia Dalam Kebakaran (2013 - 2017)

Pada Tahun 2013 sehingga 2017, JBPM merekodkan pola naik turun angka kematian mangsa dalam kes kebakaran. Sebanyak 142 orang mangsa mati pada Tahun 2013, menurun sebanyak 3 orang mangsa (2.1%) kepada 139 orang pada Tahun 2014. Angka ini meningkat sebanyak 19 orang mangsa (13.7%) kepada 158 orang pada Tahun 2015 dan menurun pada Tahun 2016 iaitu sebanyak 51 orang mangsa (32.3%) kepada 107 orang. Namun pada Tahun 2017, jumlah mangsa mati telah meningkat sebanyak 58 orang mangsa (54.2%) sekaligus menunjukkan jumlah mangsa mati dalam kebakaran paling tinggi dalam tempoh lima (5) tahun bermula 2013-2017. Salah satu penyumbang terbesar statistik mangsa mati dalam kebakaran adalah daripada insiden kebakaran Pusat Tahfiz Ittifaqiah, Keramat, Kuala Lumpur.

d) Analisa statistik kes kebakaran yang menyebabkan kematian


**STATISTIK MANGSA MATI DALAM KEBAKARAN MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2017**

Carta 19 : Statistik Mangsa Mati Dalam Kebakaran Mengikut Kategori

Berdasarkan Carta 19 di atas, sepanjang Tahun 2017, kes kebakaran yang menyebabkan kematian paling tinggi dicatatkan bagi kategori kebakaran kediaman iaitu sebanyak 84 mangsa diikuti kategori kebakaran kenderaan sebanyak 64 mangsa.




2.6. Analisa taksiran harta diselamatkan oleh JBPM



Carta 20 : Taksiran Jumlah Harta Diselamatkan

- a) Carta di atas menunjukkan penurunan jumlah taksiran diselamatkan daripada Tahun 2013 hingga 2017. Pada Tahun 2013, jumlah taksiran diselamatkan merekodkan sejumlah RM 12 billion. Angka ini dilihat meningkat sebanyak RM 13 billion (108.3%) kepada RM 25 billion pada Tahun 2014 dan terus meningkat sebanyak RM 5 billion (20%) kepada RM 30 billion pada Tahun 2015. Pada Tahun 2016 pula, berlaku peningkatan jumlah harta diselamatkan sebanyak RM 6 billion (20%) kepada RM 36 billion. Pada Tahun 2017, jumlah ini terus meningkat dengan mendadak sebanyak RM 15 billion (41.7%) kepada RM 51 billion sekaligus menunjukkan jumlah harta diselamatkan akibat kebakaran paling tinggi dalam tempoh lima (5) tahun bermula 2013-2017.
- b) Dalam tempoh yang sama juga, analisa mengambil kira jumlah kerugian yang dicatatkan akibat kebakaran di seluruh negara.




Carta 21 : Perbandingan Taksiran Kerugian dari Tahun 2013 hingga 2017

Carta 21 di atas jelas menunjukkan **pola naik turun taksiran kerugian** akibat kebakaran daripada Tahun 2013 sehingga 2017. Pada Tahun **2015**, JBPM mencatatkan **jumlah tertinggi taksiran kerugian** dimana dianggarkan sebanyak RM 4.4 billion **kerugian disebabkan kebakaran** di seluruh negara. Jumlah ini meningkat semenjak 3 tahun sebelumnya iaitu Tahun 2012 apabila jumlah kerugian dicatatkan berjumlah RM1.1 bilion. Peningkatan yang konsisten berlaku 2 tahun seterusnya apabila catatan jumlah kerugian menunjukkan sejumlah RM 1.9 bilion (Tahun 2013) dan RM 2.8 bilion (Tahun 2014). Tahun 2016, jumlah kerugian akibat kebakaran menunjukkan jumlah tersebut menurun sebanyak 34.1% atau RM 1.5 bilion berbanding tahun sebelumnya. Namun pada tahun 2017, jumlah kerugian meningkat semula kepada RM 3.1 bilion.

c) Analisa statistik kes kebakaran yang menyebabkan kerugian harta benda

### TAKSIRAN KERUGIAN AKIBAT KEBAKARAN MENGIKUT KATEGORI BANGUNAN TAHUN 2017



Carta 22: Taksiran Kerugian Akibat Kebakaran Mengikut Kategori Bangunan Tahun 2016

Berdasarkan Carta 22 di atas sepanjang Tahun 2017, kes kebakaran yang melibatkan kategori kediaman lain seperti rumah/kondo/flat/asrama/tradisional menunjukkan kerugian paling tinggi iaitu RM 1.41 bilion diikuti kebakaran kilang iaitu RM 1.08 bilion. Seterusnya kes kebakaran kedai/kedai makan iaitu RM 270.64 juta. Manakala bagi kategori kebakaran lain-lain, pejabat, bengkel dan storan dan am (Stor dan gudang) masing-masing berjumlah RM 22.09 juta, RM 21.9 juta, RM 17.4 juta dan RM 220.77 juta.

#### 2.7. Cadangan bagi mengurangkan angka kerugian dan kematian akibat kebakaran

Berdasarkan analisa ini, sepanjang Tahun 2017 angka kerugian akibat kebakaran melibatkan kediaman kecil menunjukkan angka yang paling tinggi diikuti premis kediaman lain seperti rumah teres/kondo/flat/asrama/tradisional/rumah kedai. Kerugian ketiga tertinggi ditunjukkan oleh kategori kebakaran sektor perkilangan termasuklah industri pembuatan, gudang dan bengkel dan kemudian diikuti oleh premis kedai, storan dan am, pejabat dan tempat perhimpunan. Jumlah kematian akibat kebakaran pula menunjukkan jumlah tertinggi dalam kebakaran melibatkan kategori rumah kediaman. Tempat kedua tertinggi ditunjukkan oleh kenderaan akibat kemalangan atau lain – lain punca seperti jenayah dan sebagainya, diikuti tempat ketiga iaitu kediaman lain. Seterusnya institusi, kedai dan lain-lain.

Berdasarkan bacaan statistik di atas, berikut adalah antara cadangan dan langkah bagi mengurangkan angka kerugian dan kematian akibat kebakaran:-

2.7.1. Meningkatkan kempen kesedaran awam bagi kumpulan sasaran iaitu di premis kediaman di taman perumahan, rumah flat atau kondominium dan juga rumah-rumah panjang. Selain daripada itu juga, kempen ini boleh diadakan di tempat tumpuan orang ramai seperti kawasan premis perniagaan iaitu di pusat membeli belah, pasaraya, kedai, kedai makan/restoran dan lain – lain. Kempen juga boleh ditingkatkan lagi di kawasan yang melibatkan sektor perindustrian seperti kilang, gudang dan bengkel. Kempen – kempen kesedaran awam ini termasuklah ceramah, mengedar risalah (*door to door*) di premis kediaman dan kawasan yang berisiko tinggi bagi mengurangkan kerugian harta benda dan mengelakkan kemalangan jiwa akibat kebakaran.

2.7.2. Jabatan perlu meningkatkan penguatkuasaan undang - undang mengikut peruntukan Penghapusan Bahaya Kebakaran menurut Akta Perkhidmatan Bomba 1988 di premis – premis yang tidak mempunyai Sijil Perakuan Bomba (*Fire Certificate*) dan kawasan – kawasan yang telah dikenalpasti berisiko tinggi.





- 2.7.3. Mengurangkan *response time* apabila berlaku kebakaran melalui langkah – langkah berikut:-
  - 2.7.3.1. Meningkatkan pelaksanaan program *Fire Post* yang menempatkan jentera dan pasukan Bomba di kawasan yang paling banyak menerima panggilan kecemasan. Langkah ini dilaksanakan melalui kajian terperinci yang dijalankan oleh setiap Balai Bomba dan Penyelamat termasuklah waktu yang paling sesuai iaitu ketika banyak berlaku panggilan kebakaran.
  - 2.7.3.2. Meningkatkan pengwujudan lebih banyak Pasukan Bomba Sukarela di kawasan – kawasan yang berkepadatan tinggi dan strategik supaya *response time* dapat dikurangkan.
  - 2.7.3.3. Mewujudkan lebih banyak Bomba Komuniti dengan penglibatan penduduk taman-taman perumahan dalam memperluaskan kesedaran awam akan kepentingan pencegahan kebakaran dan tindakan awal sekiranya berada di dalam kecemasan di samping menjalinkan hubungan langsung antara Bomba dan masyarakat termasuk mengadakan latihan memadam kebakaran.
  - 2.7.3.4. Penubuhan *Emergency Response Team* (ERT) yang bertindak sebagai *first responder* Jabatan dalam menangani insiden-insiden yang boleh dikawal sebelum ketibaan pasukan Bomba.
Jadual 3 : Medium Penerimaan Aduan Pelanggan Bagi Tahun 2017

#### MEDIUM PENERIMAAN ADUAN PELANGGAN



Carta 2 : Medium Penerimaan Aduan Pelanggan Bagi Tahun 2017


#### 4. TABURAN PENERIMAAN ADUAN PELANGGAN MELALUI IBU PEJABAT MENGIKUT NEGERI

Jadual 4 menunjukkan taburan aduan pelanggan dari serata negeri yang ditujukan ke Ibu Pejabat JBPM. Negeri Selangor merupakan negeri yang tertinggi menerima aduan dari orang awam iaitu sebanyak 65 kes dengan diikuti Kuala Lumpur sebanyak 34 kes dan Negeri Johor sebanyak 21 kes. Kesedaran dan keprihatinan orang awam terhadap tahap keselamatan kebakaran di negeri-negeri ini sangat membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia secara tidak langsung dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan. Pembangunan dan kemajuan yang terus meningkat saban hari di negeri-negeri pesat ini membuatkan masyarakat mula menyedari bahawa tahap keselamatan diri menjadi keutamaan walaupun mereka berada dimana sahaja.



BIL	JBPM Negeri	JUMLAH	PERATUSAN (%)
1	JBPM Selangor	65	34.39
2	JBPM Kuala Lumpur	34	17.99
3	JBPM Pahang	12	6.35
4	JBPM Perak	3	1.59
5	JBPM Johor	21	11.11
6	JBPM Pulau Pinang	18	9.52
7	JBPM Kedah	7	3.70
8	JBPM Sabah	4	2.12
9	JBPM Sarawak	4	2.12
10	JBPM Kelantan	1	0.53
11	JBPM Terengganu	1	0.53
12	JBPM Negeri Sembilan	9	4.76
13	JBPM Melaka	3	1.59
14	JBPM Perlis	1	0.53
15	JBPM Labuan	0	0.00
16	JBPM Putrajaya	1	0.53
17	Ibu Pejabat	5	2.65
<b>JUMLAH</b>		<b>189</b>	<b>100</b>

Jadual 4 : Taburan Penerimaan Aduan Pelanggan Mengikut Negeri



Carta 3 : Taburan Penerimaan Aduan Pelanggan Mengikut Negeri

## 5. ISU-ISU ADUAN PELANGGAN MENGIKUT BAHAGIAN BAGI TAHUN 2017

Secara keseluruhan isu-isu aduan pelanggan bagi tahun 2017 boleh dilihat berdasarkan bidang tugas bahagian-bahagian seperti di Jadual 5. Isu aduan pelanggan yang tertinggi ialah dari Bahagian Keselamatan Kebakaran iaitu sebanyak 120 kes. Isu utama yang diadukan oleh masyarakat adalah berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Kebimbangan masyarakat terhadap tahap keselamatan kebakaran premis (apartment/hotel/pejabat/kilang/sekolah) yang diduduki adalah seperti berikut:

- i. Sistem keselamatan kebakaran yang mengalami kerosakan/ tidak diselenggara
- ii. Pintu rintangan api yang berkunci/ rosak


- iii. Laluan/ tangga kecemasan yang terhalang
- iv. Kerosakan lift bomba
- v. Menyimpan bahan mudah terbakar
- vi. Alat pemadam api tamat tempoh
- vii. Tiada sokongan perlesenan

Isu dari Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat menyumbang aduan kedua tertinggi dengan sebanyak 49 kes. Kebanyakan isu aduan dari bahagian ini adalah berkaitan Pili Bomba. Pili bomba merupakan sumber air yang utama dalam operasi pemadaman kebakaran. Kerosakan, kehilangan, kebocoran dan apa jua kecacatan yang berlaku terhadap pili bomba ini, kini menjadi suatu kerisauan terhadap masyarakat. Jabatan sangat berterima kasih kepada masyarakat yang kini lebih prihatin terhadap permasalahan-permasalahan ini. Perkara seumpama ini sedikit sebanyak dapat membantu memperkemas kesiapsiagaan jabatan dalam menjalankan tugas-tugas pemadaman kebakaran. Terdapat juga laporan kerosakan pili bomba ini berpunca dari vandalisme. Perkara yang kerap berlaku adalah kecurian di beberapa bahagian pada pili bomba berkenaan. Walaubagaimanapun, kehilangan bahagian tersebut telah menjadikan pegawai-pegawai bomba lebih kreatif dalam menghasilkan satu alat ganti yang inovatif. Alat berkenaan boleh disimpan di dalam jentera dan digunakan pada pili bomba yang mengalami kehilangan pada sesuatu bahagian.

ISU BAHAGIAN	JUMLAH	PERATUSAN (%)
Bahagian Keselamatan Kebakaran	120	63.49
Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat	44	23.28
Lain-lain		
- Pembakaran terbuka		
- Perkhidmatan yang tidak memuaskan	25	13.23
- Permasalahan pegawai		
<b>JUMLAH</b>	<b>189</b>	<b>100</b>

Jadual 5 : Isu-Isu Aduan Pelanggan Mengikut Bahagian

#### ISU ADUAN MENGIKUT BAHAGIAN



Carta 4 : Isu-Isu Aduan Pelanggan Mengikut Bahagian

## 6. TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN PELANGGAN BAGI TAHUN 2017


Jadual 6 menunjukkan bilangan dan peratusan kes aduan yang dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang dipecahkan mengikut peringkat. Tempoh penyelesaian aduan ini adalah berdasarkan jenis dan bentuk aduan yang diterima. Berdasarkan piagam pelanggan jabatan telah menyatakan bahawa aduan jenis mudah perlu diselesaikan dalam tempoh masa 5 hari dan aduan jenis sederhana perlu diselesaikan dalam masa 15 hari. Manakala bagi aduan yang kompleks tempoh masa yang diberikan diantara 15 hari sehingga selesai dimana ianya memerlukan siasatan dan penyelarasan lanjut dari agensi-agensi terlibat.



Tempoh	Jumlah Selesai	Jumlah Selesai (%)
1 hari	10	5.29
2-5 hari	64	33.86
6-10 hari	64	33.86
11-15 hari	38	20.11
16-20 hari	12	6.35
21-30 hari	1	0.53
31-60 hari	0	0
>60 hari	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>189</b>	<b>100</b>

Jadual 6: Jumlah Tempoh dan peratusan penyelesaian aduan pelanggan

### TEMPOH PENYELESAIAN ADUAN



Carta 5 : Bilangan dan peratusan tempoh penyelesaian aduan pelanggan

## 7. ANALISA ADUAN

Berdasarkan penerimaan aduan bagi tahun 2017, terdapat peningkatan dari segi bilangan aduan yang diterima jika dibandingkan dari tahun 2015 dan 2016. Peningkatan aduan ini boleh dikatakan satu perkembangan yang agak baik dari segi kesedaran masyarakat berhubung tahap keselamatan kebakaran di setiap premis yang didiami mahupun dikunjungi. Kebimbangan dan kepekaan mereka terhadap isu berkaitan tahap keselamatan premis ini terus meningkat saban tahun. Berdasarkan statistik operasi bagi tahun 2017 berhubung jumlah kematian akibat kebakaran menunjukkan peningkatan yang agak tinggi iaitu sebanyak 54% dari tahun sebelum ini. Ini merupakan salah satu faktor peningkatan jumlah aduan pada tahun ini. Selain itu, program-program yang dilaksanakan diperingkat jabatan kepada pelbagai kumpulan sasaran seperti Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), Bomba Komuniti, MyBomba JPP dan Pasukan Kadet Bomba turut menyumbangkan peningkatan tahap kesedaran masyarakat berhubung perkara ini. Jadual 7 menunjukkan perbandingan jumlah aduan mengikut tahun.

TAHUN	BILANGAN ADUAN MENGIKUT BAHAGIAN			
	Keselamatan Kebakaran	Operasi	Lain-lain	Jumlah Keseluruhan
2015	94	74	7	176
2016	97	65	19	181
2017	120	44	25	189

Jadual 7: Perbandingan jumlah aduan mengikut bahagian bagi tahun 2015, 2016 dan 2017.

## 8. KESIMPULAN

Dalam usaha untuk menjadikan jabatan sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menjadikan pengendalian aduan pelanggan sebagai salah satu tanda aras untuk menilai tahap kepuasan pelanggan dan stake holder terhadap perkhidmatan yang diberikan. Kepekaan masyarakat terhadap isu keselamatan kebakaran kini kian meningkat dan seterusnya banyak membantu jabatan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan ke tahap yang lebih memuaskan terhadap orang ramai.

## 9. GAMBAR



# SISTEM PENGURUSAN KUALITI TAHUN 2017

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang telah bermula sejak tahun 1999 lagi dengan Versi MS ISO 9002:1994. Selaras dengan penambahbaikan standard oleh International Organisation For Standardization (ISO), JBPM beralih pula kepada pensijilan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2005 dan persijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2009 sehinggalah pada hari ini. Selaras dengan penambahbaikan standard MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015, Jabatan juga tidak akan ketinggalan akan meneruskan komitmen bagi peralihan kepada versi tahun 2015 sebelum September 2018. Pengenal elemen Risk Based Thinking bagi menggantikan elemen 'pencegahan' dalam versi 2008 bagi memastikan risiko dalam setiap proses kerja akan dapat ditentukan dan dikawal bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kebombaanan memenuhi jangkaan pelanggan.



Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Jabatan merangkumi Proses Perkhidmatan Utama (Operasi Kebombaanan, Keselamatan Kebakaran dan Penyiasatan) dan Proses Perkhidmatan Sokongan (Latihan, Pembangunan, R&D, Kejuruteraan, Pengurusan & Pentadbiran) dan didokumenkan merangkumi Manual Kualiti, 12 Prosedur Kualiti (PK), 33 Prosedur Sokongan (PS) dan Dokumen Sokongan. Diharapkan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO JBPM akan dapat mencapai objektifnya iaitu memastikan jabatan mempunyai proses kerja yang sistematik yang seterusnya akan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kebombaanan kepada pelanggan.



## PERATUSAN STATUS KETIDAKCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI JANUARI HINGGA JUN TAHUN 2015 (FASA I)

NEGERI	OPERASI KEBOMBAAN					KESELAMATAN KEBAKARAN						PENYIASATAN	PENGURUSAN	KORPORAT		R&P	
	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N (M)	N (S)	O	
PERLIS	3.33	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
KEDAH	0.41	0.00	1.21	0.78	0.00	0.00	0.00	0.00	4.48	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
P.PINANG	0.08	0.00	2.61	2.36	7.69	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	5.86	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
PERAK	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	9.15	0.00	0.00	0.00	0.00
K.LUMPUR	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	29.17
SELANGOR	18.47	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
PUTRAJAYA	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
N.SEMBILAN	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
MELAKA	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
JOHOR	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	7.07	0.00	0.00	1.28	0.00	0.00	0.00	0.00
PAHANG	8.86	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	10.73	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
KELANTAN	1.73	0.00	3.71	5.47	0.00	2.64	0.00	0.00	2.13	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
TERENGGANU	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	33.33	0.00	0.00	0.00
SABAH	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
SARAWAK	0.02	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	1.71	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.07
LABUAN	0.15	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.71	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH % KETIDAKCAPAIAN	4.51	0.00	0.39	0.36	0.51	0.10	0.00	0.00	0.23	0.76	0.11	0.33	0.63	0.30	0.00	0.00	0.38

### PRESTASI

PERATUSAN	SASARAN PENCAPAIAN	STATUS
0%	Mencapai Objektif Kualiti	AMAT BAIK
>0% - 1%	Tidak Mencapai Objektif Kualiti	BAIK
>1% - 4%	Tidak Mencapai Objektif Kualiti	SEDERHANA
>4% - 10%	Tidak Mencapai Objektif Kualiti	LEMAH
>10%	Tidak Mencapai Objektif Kualiti	AMAT LEMAH

### PETUNJUK

- A - Jentera Bomba pertama hendaklah keluar dari Bay Jentera ke lokasi operasi kebommbaan tidak melebihi 60 saat daripada masa terima panggilan di Bilik Kawalan Balai.
- B - Mengeluarkan laporan pengesanan kebakaran dalam tempoh satu (1) hari dari tarikh kejadian
- C - Laporan kebakaran disediakan dan dihantar ke Bahagian Operasi Negeri tidak melebihi 14 hari dari tarikh kejadian
- D - Laporan Khidmat Khas disediakan dan dihantar ke Bahagian Operasi Negeri tidak melebihi 14 hari dari tarikh kejadian
- E - Perangkaan Bulanan Operasi hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat JBPM Putrajaya sebelum atau pada 2 hari bulanan setiap bulan berikutnya
- F - Memproses pelan Arkitekural (bangunan) dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima
- G - Memproses pelan 'M&E' dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan yang lengkap diterima
- H - Mengeluarkan surat pelepasan perakuan berperingkat (G8 dan G9) atau surat sokongan (CFO) dalam tempoh 7 hari dari tarikh pemeriksaan sekiranya semua syarat dipatuhi
- I - Memproses permohonan pelesenan yang lengkap dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan
- J - Mengeluarkan Notis Penghapusan Bahaya Kebakaran dalam tempoh 7 hari selepas tarikh pemeriksaan dijalankan sekiranya terdapat bahaya kebakaran
- K - Mengeluarkan Perakuan Bomba dalam tempoh 5 hari dari tarikh pembayaran fi diterima
- L - Melengkapkan Kertas Penyiasatan Kebakaran dalam tempoh 14 hari selepas penyiasatan kebakaran dimulakan
- M - Semua perolehan bekalan dan perkhidmatan hendaklah diakui penerimannya dan bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil (termasuk invois dan dokumen berkaitan) lengkap diterima
- N - Aduan Pelanggan hendaklah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan
  - i. Aduan Kategori Mudah - 5 hari
  - ii. Aduan Kategori Sederhana - 14 hari
- O - Penetapan markah Soal Selidik hendaklah ketagap cemerlang iaitu sekurang-sekurangnya 75%

## ANALISA RINGKAS PENCAPAIAN DATA PENGUKURAN OBJEKTIF KUALITI (DPOK) JBPM NEGERI TAHUN 2017

NEGERI	ULASAN
1 Perlis	Pada tahun 2017, JBPM Negeri Perlis mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan pencapaian objektif kualiti semua bidang dalam tahap 'AMAT BAIK' kecuali bidang A yang berada dalam tahap 'SEDERHANA'.
2 Kedah	Secara keseluruhannya, JBPM Negeri Kedah telah berjaya mengekalkan prestasi yang baik pada tahun 2017 namun 2 bidang iaitu Bidang C dan Bidang I perlu diberi perhatian.
3 Pulau Pinang	JBPM Negeri Pulau Pinang masih berjaya mengekalkan pencapaian DPOK dalam status yang baik walaupun terdapat 4 bidang yang sedikit merosot iaitu Bidang C, D, E, dan L.
4 Perak	JBPM Negeri Perak berjaya mencapai tahap 'AMAT BAIK' dalam semua bidang kecuali Bidang M iaitu berkaitan kewangan berada dalam status 'LEMAH'.
5 Kuala Lumpur	Pada tahun 2017, JBPM Kuala Lumpur telah berjaya mencapai prestasi 'AMAT BAIK' kecuali bidang O (Pencapaian Soal Selidik Pelanggan)
6 Selangor	JBPM Selangor mencatatkan ketidakcapaian AMAT LEMAH dalam Bidang A manakala bidang lain mencapai 100% pencapaian. Kemerosotan pencapaian Bidang A memerlukan tindakan pembedahan dan pencegahan bagi memastikan perkhidmatan utama jabatan dapat dipertingkatkan.
7 Melaka	JBPM Negeri Melaka berjaya mencapai 100% pencapaian 'AMAT BAIK' dalam semua bidang pada tahun 2017.
8 Negeri Sembilan	JBPM Negeri Sembilan berjaya mencapai 100% pencapaian 'AMAT BAIK' dalam semua bidang pada tahun 2017.





NEGERI	ULASAN
9 Johor	JBPM Negeri Johor mencatatkan prestasi yang baik dengan semua bidang mencapai 100% kecuali 1 bidang berstatus LEMAH iaitu bidang J.
10 Pahang	Secara keseluruhan, pada tahun 2017 pencapaian DPOK JBPM Negeri Pahang berada dalam keadaan baik namun Bidang A dan Bidang J perlu diambil perhatian yang berada dalam status 'LEMAH' dan 'AMAT LEMAH'.
11 Terengganu	JBPM Negeri Terengganu mencatatkan prestasi yang baik dengan semua bidang mencapai 100% kecuali 1 bidang berstatus 'AMAT LEMAH' iaitu bidang N (M) iaitu berkaitan dengan aduan pelanggan kategori Mudah.
12 Kelantan	JBPM Negeri Kelantan mengalami sedikit kemerosotan pada tahun 2017 berbanding pencapaian DPOK pada tahun 2016. Didapati 4 bidang mencapai status 'SEDERHANA' (A, C, F & I) dan 1 bidang berada dalam status 'LEMAH' (D)
13 Labuan	JBPM Labuan turut mencatatkan peningkatan prestasi yang memberansangkan pada tahun 2017 dengan semua bidang berada dalam status 'AMAT BAIK' dan 'BAIK'.
14 Sabah	JBPM Negeri Sabah berjaya mencapai 100% pencapaian 'AMAT BAIK' dalam semua bidang pada tahun 2017.
15 Sarawak	JBPM Negeri Sarawak turut mencatatkan peningkatan prestasi yang memberansangkan pada tahun 2017 dalam semua bidang kecuali Bidang K yang berada dalam status 'SEDERHANA'.
16 Putrajaya	JBPM Putrajaya berjaya mencapai 100% pencapaian 'AMAT BAIK' dalam semua bidang pada tahun 2017.

## PENCAPAIAN AUDIT KUALITI DALAMAN MENGIKUT NEGERI TAHUN 2017

NEGERI	PENEMUAN KETIDAKAKURAN		
	OFI*	NCR** MINOR	NCR MAJOR
Negeri Sembilan	4	-	-
Sabah	7	4	-
Perak	15	1	-
Melaka	1	3	-
Labuan	4	1	-
<b>JUMLAH</b>	<b>31</b>	<b>9</b>	<b>-</b>

Pada tahun 2017, pihak Urusetia Induk MS ISO JBPM telah membuat Audit Kualiti Dalaman di 5 JBPM Negeri sahaja dengan menggunakan Standard MS ISO 9001:2015 sempena peralihan persijilan JBPM daripada MS 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015 dimana semua keperluan dalam Standard MS ISO 9001:2015 telah pun dipenuhi dan bagi persediaan Auditan 'Surveillance & Upgrading' daripada pihak SIRIM QAS SDN. BHD. Daripada auditan tersebut, beberapa penemuan-penemuan melibatkan Ketaakuran (NCR) dan Peluang penambahbaikan (OFI) yang telah direkodkan oleh pasukan audit dalaman. Kesemua penemuan tersebut telahpun diambil tindakan pencegahan dan pembetulan oleh semua negeri yang terlibat. Perkara ini juga telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Ibu Pejabat dan negeri. Audit Kualiti Dalaman tahun 2017 mencatatkan penemuan 9 Ketaakuran NCR (Minor) dan 31 Peluang Penambahbaikan (OFI) daripada 5 JBPM Negeri.

Daripada jumlah tersebut, Seksyen 4 (Konteks Organisasi) mencatatkan 1 ketaakuran NCR (Minor), Seksyen 5 (Kepimpinan) mencatatkan 1 OFI dan 2 ketaakuran NCR (Minor), seksyen 7 (Sokongan) mencatatkan 18 OFI dan 3 ketaakuran NCR (Minor), Seksyen 8 (Operasi) mencatatkan 9 OFI dan 2 ketaakuran NCR (Minor) dan Seksyen 9 (Penilaian Prestasi) mencatatkan 3 OFI dan 1 ketaakuran NCR (Minor). Daripada data di atas, didapati Seksyen 7 adalah Seksyen yang paling tinggi mencatatkan ketaakuran NCR (Minor) sebanyak 3 penemuan dan Peluang penambahbaikan (OFI) sebanyak 18 penemuan.



Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Pemakluman dan sebaran Sistem Pengurusan Kualiti versi 9001:2015 kepada semua pegawai diperingkat Bahagian/Zon/Balai tidak berkesan dan menyeluruh.	OFI	7.4	Pegawai Dokumen Negeri	JBPM Negeri Sembilan	24-Oct-17
2	Tiada pembuktian Buku Log Pegawai EMRS di beberapa Balai Bomba dan Penyelamat	OFI	9.1	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Sembilan	24-Oct-17
3	Borang pelepasan tanggungjawab dan borang maklumat peribadi tidak dapat dibuktikan.	OFI	7.5.1	Bahagian Latihan Negeri	JBPM Negeri Sembilan	24-Oct-17
4	Data Statistik Aktiviti Pendidikan Awam dan Pertubuhan Cawangan Program Kesedaran dan Keselamatan Awam Bahagian Keselamatan Kebakaran yang dihantar dari Balai-balai ke Zon 1 Negeri Sembilan tidak sama dengan maklumat yang Zon 1 hantar ke Bahagian Keselamatan Kebakaran Negeri.	OFI	7.1.5	Zon 1 Negeri Sembilan	JBPM Negeri Sembilan	23-Oct-17

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Tiada bukti Bahagian Operasi menggunakan borang lampiran 3 (Borang Kebenaran Pelepasan Peralatan) untuk proses tentukan peralatan kepada Syarikat Drager Malaysia Sdn Bhd Cawangan Bintulu.	NCR (Minor)	8.4.2 (d)	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Sabah	8-Nov-17
2	Tiada pemantauan dari Bahagian Operasi Negeri berkenaan kompetensi anggota EMRS di BBP Ranau dan BBP Lahad Datu seperti arahan dalam Prosedur Operasi Seragam EMRS	NCR (Minor)	7.2 (d)	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Sabah	8-Nov-17
3	Bahagian Operasi hendaklah memastikan kesahihan data Objektif Kualiti sebelum diterbitkan sebagai perangkaan bulanan dan tahunan	OFI	7.1.5	Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat	JBPM Negeri Sabah	8-Nov-17
4	Objektif Kualiti yang dibangunkan tidak difahami oleh pegawai yang melaksanakan aktiviti proses pelan menyebabkan kegagalan mencapai objektif kualiti	NCR (Minor)	5.2.2	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Negeri Sabah	9-Nov-17
5	Bahagian Penyiasatan Kebakaran hendaklah menyediakan senarai peralatan pejabat (KEW PA 13) dan dihantar ke Bahagian Pengurusan untuk perancangan secara berkala.	OFI	7.5.3.1 (a)	Bahagian Penyiasatan Kebakaran	JBPM Negeri Sabah	8-Nov-17
6	3 unit tabung oksigen di dalam jentera EMRS (BNA 1714) didapati isi kandungannya kosong dan tamat tempoh pada 20 Oktober 2017	NCR (Minor)	7.1.5.1 (b)	BBP Lahad Datu	JBPM Negeri Sabah	6-Nov-17
7	5 Unit tabung oksigen di dalam jentera EMRS (BMS 7142) hendaklah diselenggara mengikut tempoh had penggunaan tabung tersebut.	OFI	7.1.5.1 (b)	BBP Sandakan	JBPM Negeri Sabah	7-Nov-17
8	Pelaksanaan Buku Daftar Pelesenan hendaklah menggunakan format sepertimana JBPM / PK / O6 (Lampiran 3)	OFI	7.5.1 (b)	Zon Kudat	JBPM Negeri Sabah	7-Nov-17
9	Borang pemeriksaan Penghapusan Bahaya Kebakaran (MBK 1A) dan pemeriksaan semula (MBK 1B) menggunakan format lama.	OFI	7.5.1 (b)	BBP Kota Marudu	JBPM Negeri Sabah	7-Nov-17
10	2 unit alat pemadam api mudah alih jeni CO2 telah tamat tempoh dan perlu diselenggara bagi tahun 2017	OFI	7.1.3 (d)	BBP Kota Marudu	JBPM Negeri Sabah	7-Nov-17
11	Pengurusan Kadet Bomba hendaklah menggunakan Borang Maklumat Peribadi (Lampiran 5) dan Borang pelepasan Tanggungjawab (Lampiran 6) seperti mana kehendak PS 26	OFI	7.5.3.1 (a)	BBP Ranau	JBPM Negeri Sabah	6-Nov-17



Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Nombor Laporan Kebakaran di antara Buku Harian Balai dan JBPM 1 (SPI) tidak selaras.	OFI	8.5.2	Bahagian Operasi Kebomhoan dan Penyelamat	JBPM Negeri Perak	26 Okt 2017
2	Borang Soal Selidik Bahagian Keselamatan Kebakaran (Lampiran 3B) masih menggunakan format lama.	NCR (Minor)	7.5.3.2	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Negeri Perak	26 Okt 2017
3	Kelulusan permohonan memasuki rumah/kuarters jabatan di Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh melebihi tempoh 14 hari.	OFI	8.5.1 (C)	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Perak	24 Okt 2017
4	Tiada penggunaan pelabelan Barcode bagi aset alih secara menyeluruh di peringkat bahagian, zon dan balai di JBPM Negeri Perak	OFI	8.5.2	Bahagian Pengurusan	JBPM Negeri Perak	24 Okt 2017
5	Borang KEJ 6 (Ujian bersama dan penyerahan KB/PKB selepas penyerahan) tidak diserahkan kepada pelapor.	OFI	8.2.3.1	Bahagian Kejuruteraan Jentera	JBPM Negeri Perak	25 Okt 2017
6	Tiada penubuhan dan pelantikan komiti bagi mengendalikn perjalanan proses analisa Soal Selidik Pelanggan	OFI	9.1.1	Unit Perhubungan Awam	JBPM Negeri Perak	26 Okt 2017
7	Tahap pemahaman dan pengetahuan anggota perlu dipertingkatkan bagi mengetahui Dasar Kualiti dan Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015	OFI	7.3	Pegawai Dokumen Negeri	JBPM Negeri Perak	26 Okt 2017
8	Kemudahan kaunter serahan pelan, ruang perbincangan, ruang bilik fail dan ruang work station perlu ditambah baik bagi mencapai keakuran perkhidmatan	OFI	7.1.3	Zon 1, Ipoh	JBPM Negeri Perak	24 Okt 2017
9	Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Pelan telah dilaksanakan dan diluluskan oleh seorang pegawai	OFI	8.2.3.1	Zon 2, Taiping	JBPM Negeri Perak	24 Okt 2017
10	Pemeriksaan semula bagi Notis MBK perlu dilaksanakan selepas tamat tempoh notis yang dikeluarkan	OFI	8.6	Zon 2, Taiping	JBPM Negeri Perak	24 Okt 2017
11	Borang penyerahan mangsa dan barangan awam perlu dibuktikan penggunaannya	OFI	8.5.5	BBP Kemunting	JBPM Negeri Perak	25 Okt 2017
12	Borang serah tugas jentera dan peralatan perlu ditandatangani untuk pengesahan bagi tahun 2016 dan 2017	OFI	9.1.1	BBP Kemunting	JBPM Negeri Perak	25 Okt 2017
13	Post Mortem bagi kes kebakaran perlu dilaksanakan dalam masa 72 jam selepas kebakaran berlaku	OFI	8..2.3.1	BBP Kemunting	JBPM Negeri Perak	25 Okt 2017
14	Susunan kasut kombat anggota operasi terabur	OFI	7.1.4	BBP Teluk Intan	JBPM Negeri Perak	24 Okt 2017
15	Laporan JBPM 1 tidak dilengkapkan sepenuhnya	OFI	8.5.1	BBP Setiawan	JBPM Negeri Perak	26 Okt 2017
16	Penggunaan rekod senarai aset di lokasi (KEW PA 7) perlu menggunakan format yang terkini	OFI	7.5.3.2	BBP Gerik	JBPM Negeri Perak	23 Okt 2017

Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Didapati Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Bil 1/2017 telah diadakan pada 3 November 2017 tidak mengikut tempoh Januari - Jun yang telah ditetapkan di dalam PS 01 : Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.	NCR (Minor)	9.3.1	Pegawai Konsultn	JBPM Negeri Melaka	15-Nov-17
2	Didapati KEW PA 2 dan KEW PA 3 pada bahagian pemeriksaan tidak dikemaskini dari tahun 2012 hingga tahun 2017 setelah pemeriksaan dilaksanakan.	NCR (Minor)	4.4.2	Bahagian Penyiasatan Kebakaran	JBPM Negeri Melaka	15-Nov-17
3	Surat Pelepasan Tanggungjawab (Lampiran 7/ PK 8) tidak digunakan bagi program/Kursus Bomba bersama Media di Gunung Ledang yang melibatkan 100 orang peserta pada 02 April 2017.	NCR (Minor)	8.2.2 (a.1)	Bahagian Latihan Negeri	JBPM Negeri Melaka	15-Nov-17
4	Rekod penyelenggaraan peralatan tidak bermotor hendaklah mengikut format seperti di lampiran 3 PS 07 MS ISO 9001:2015 : Rekod penyelenggaraan Tidak Bermotor.	OFI	7.5.3.2	BBP Jalan Kubu	JBPM Negeri Melaka	13-Nov-17



Bil	Penemuan Audit	Laporan Ketakakuran	Seksyen	Bahagian/Zon/Balai	Negeri	Tarikh
1	Kesedaran terhadap pelaksanaan MS ISO 9001:2015 berada pada tahap yang kurang memuaskan.	OFI	7.3	Pegawai Dokumen Negeri	JBPM Labuan	15-Nov-17
2	Pelantikan Sub-Fleet Manager (SFM) bagi bahagian dan balai tidak dilaksanakan.	OFI	5.3	Bahagian Pengurusan	JBPM Labuan	15-Nov-17
3	Pengesahan Ahli Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga tidak ditandatangani.	OFI	7.5.2 (c)	Bahagian Pengurusan	JBPM Labuan	15-Nov-17
4	Objektif Kualiti yang dibangunkan tidak difahami oleh pegawai yang melaksanakan aktiviti proses pelan menyebabkan kegagalan mencapai objektif kualiti	NCR (Minor)	5.2.2	Bahagian Keselamatan Kebakaran	JBPM Labuan	16-Nov-17
5	Persekitaran balai termasuk ruangan pejabat tidak diselenggara dan diurus dengan baik semasa pemeriksaan dijalankan.	OFI	7.1.4	BBP Labuan	JBPM Labuan	15-Nov-17

## PENCAPAIAN AUDIT PEMANTAUAN SIRIM TAHUN 2016

NO.	LOKASI AUDIT	PENEMUAN KETIDAKAKURAN		
		NCR Major	NCR Minor	OFI
1	Ibu Pejabat JBPM	0	1	2
2	JBPM Negeri Perak	0	0	6
3	JBPM Negeri Sabah	0	0	2
4	JBPM Labuan	0	0	1
<b>JUMLAH</b>		<b>0</b>	<b>1</b>	<b>11</b>

Auditan daripada pihak SIRIM dijalankan 1 kali setahun di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mengikut Standard MS ISO 9001:2015. Pada tahun 2017, Audit Surveillance & Upgrading telah diadakan pada 20 November – 24 November 2017 melibatkan Ibu Pejabat dan 5 JBPM Negeri iaitu JBPM Negeri Sembilan, JBPM Negeri Sabah, JBPM Negeri Perak, JBPM Negeri Melaka dan JBPM Labuan. Auditan tersebut telah mencatatkan 12 penemuan iaitu 1 ketaakuran Minor dan 11 Peluang-Peluang Penambahbaikan (OFI). Auditan yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menaik taraf pensijilan daripada MS ISO 9001:2008 kepada versi MS ISO 9001:2015.

Butiran penemuan ketaakuran adalah seperti Jadual di bawah:

BIL	LOKASI	SEKSYEN	KETERANGAN	STATUS
1	IBU PEJABAT JBPM	4.4.1 (f)	<p><b>Sistem Pengurusan Kualiti dan prosesnya</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pernyataan risiko dan peluang telah didokumenkan oleh organisasi melalui daftar penilaian risiko mengikut bahagian, negeri dan balai, namun ada juga risiko yang boleh juga dikenalpasti. Cth : Keselamatan anggota, kemalangan semasa perjalanan.</li> <li>- Organisasi telah mengenalpasti kaedah penilaian risiko dan peluang untuk digunapakai oleh pemilik proses, termasuk matriks kebarangkalian dan keseriusan (impak), namun begitu nilai/pengukuran bagi impak (kerugian/ kerosakan/reputasi dll) perlu ditentukan dan ianya perlu bersesuaian dengan organisasi dan juga "appetite".</li> </ul>	OFI
2	IBU PEJABAT JBPM	9.3.2	<p><b>Input Kajian Semula Pengurusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Kajian semula pengurusan telah dilaksanakan secara berkala, semakan terhadap keperluan input masih boleh ditambah baik. Seperti : keberkesanan tindakan mengatasi risiko dan maklumbalas pihak berkepentingan (selain pelanggan)</li> <li>- Laporan status perjawatan menunjukkan kekosongan sebanyak 1021 dari gred KB 19 hingga gred KB 38 dari keperluan 13342 anggota. Diperhatikan, tindakan organisasi kurang jelas.</li> </ul>	OFI



BIL	LOKASI	SEKSYEN	KETERANGAN	STATUS
3	IBU PEJABAT JBPM	8.5.1	<p><b>Kawalan Penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan</b>                      Semakan proses permohonan, terdapat perincian prosedur tidak dipatuhi :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Borang senarai semakan penerimaan tidak dipakai (6.2.2)</li> <li>- Permohonan pelan tidak didaftarkan dalam buku rekod pendaftaran fail projek (6.3.1)</li> <li>- Catatan proses tidak direkodkan dalam Buku Rekod Individu (6.5.2)</li> <li>- Senarai kehadiran tidak di tanda tangan oleh ahli mesyuarat JKP (6.8.1)</li> <li>- Maklumat catatan minit mesyuarat mudah hilang - ditulis dengan pensil/tiada pengesahan minit mesyuarat untuk digunakan sebagai punca rujukan.</li> </ul>	NCR MINOR
4	JBPM Negeri Perak	9.1.3	<p><b>Analisa dan Penilaian</b>                      Analisa dan penilaian boleh dilaksanakan bagi menilai tahap keberkesanan dan penambahbaikan berterusan ke atas program / kursus yang dijalankan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Teman pili bomba</li> <li>b) Program Kesedaran Awam</li> <li>c) Maklumbalas borang penilaian kursus</li> </ul>	OFI
5	JBPM Negeri Perak	8.5.1	<p><b>Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Cara pemantauan yang sedia ada ke atas peserta yang akan menghadiri kursus boleh ditambahbaik bagi memaksimumkan jumlah kehadiran mengikut kuota ditetapkan</li> <li>b) Pengisian borang KEJ 1, laporan kerosakan/ servis KB/ PKB dan KEJ 6 Ujian bersama dan penyerahan KB/ PKB selepas penyeleenggaraan boleh dikemaskini.</li> <li>c) Pengurusan setor PPDA, Operasi dan setor minyak boleh dikemaskini terutama dalam perkara berikut:-                      Kawalan keluar masuk bangunan:-                     <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kemaskini senarai barangan</li> <li>ii. Pelabelan barangan</li> <li>iii. Semakan barangan (Stock checking)</li> </ul> </li> </ul>	OFI
6	JBPM Negeri Perak	7.1.3	<p><b>Prasarana</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pengesahan pegawai dalam Buku Log Kenderaan boleh dikemaskini</li> <li>b) Pemantauan berkala ke atas First Aid EMRS Kit boleh dilaksanakan bagi mengelakkan ubatan tamat tempoh, peralatan rosak dan penggantian peralatan yang telah digunakan.</li> <li>c) Pemeriksaan harian peralatan (checklist) untuk jentera FRT dan EMRS boleh dikemaskinkan.</li> <li>d) Alat pemadam api kecil di dalam kenderaan EMRS/FRT telah melepasi tempoh sah guna</li> <li>e) Satu regulator tangki Oksigen di dalam kenderaan EMRS telah bocor dan laporan dimajukan ke Bahagian Operasi Perak pada 10 Jan 2017</li> <li>f) Sebanyak 13 daripada 20 buah peralatan komunikasi Gern di BBP Seri Manjung telah rosak sejak April 2015 dan sehingga kini tiada penggantian</li> </ul>	OFI
7	JBPM Negeri Perak	7.3	<p><b>Kesedaran</b>                      Program kesedaran MS ISO 9001:2015 yang dilaksanakan boleh ditambahbaik dengan menyediakan bukti-bukti pelaksanaan seperti rekod kehadiran, tarikh dan pengisian program.</p>	OFI
8	JBPM Negeri Perak	7.1.5	<p><b>Sumber Pemantauan dan pengukuran</b>                      Didapati penimbang alat pemadam api telah melebihi tempoh sah guna iaitu 1 November 2017. Surat permohonan pemakluman untuk kalibrasi telah dihantar ke Bahagian Keselamatan dan kebakaran pada 18 Sept 2017</p>	OFI
9	JBPM Negeri Perak	7.2	<p><b>Kekompetenan</b>                      Merujuk kepada Prosedur Operasi Seragam (POS), JBPM Bahagian IV: Operasi Kecemasan, No POS 6.6, Khidmat Kemanusiaan Menangkap Ular, didapati anggota belum menghadiri kursus menangkap ular sedangkan kerja tersebut telah dilakukan oleh mereka.</p>	OFI

BIL	LOKASI	SEKSYEN	KETERANGAN	STATUS
10	JBPM Negeri Sabah	7.1.3	<b>Prasarana</b> BBP Sembulan telah memastikan semua peralatan jentera dan peralatan lain diselenggara untuk operasi namun begitu masih terdapat peralatan jentera dan peralatan lain yang belum diselenggara walaupun permohonan penyelenggaraan telah dikemukakan seperti berikut:- a) Kerosakan roller shutter pintu keluaran kedua b) Kerosakan roller shutter belakang kiri jentera BMD 4508 akibat dari kerosakan panel bahagian atas walaupun telah dilaporkan pada 20.3.17; c) Terdapat pemadam api yang tiada pengesahan dari pihak JBPM; d) Peralatan-peralatan yang tidak lengkap dalam jentera BMD 4508 seperti dalam senarai semak peralatan jentera	OFI
11	JBPM Negeri Sabah	8.5.1	<b>Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan</b> BBP Sembulan telah melaksanakan proses-proses operasi kebombaan melalui Sistem Tugas Baru (STB) yang merupakan inisiatif baru dan ia boleh dijadikan sebagai penanda aras ke arah peningkatan mutu perkhidmatan yang lebih baik, namun begitu ia boleh ditambahbaik dengan mendapat kelulusan daripada pihak Ibu Pejabat selaku Urusetia Pelaksanaan SPK	OFI
12	JBPM Labuan	6.1	<b>Tindakan untuk menangani risiko dan peluang</b> JBPM Labuan boleh menambahbaik perancangan tindakan untuk menangani risiko dan peluang dengan menimbangkan klausa 4.1 dan 4.2 dalam merancang pelan tindakan yang lebih mantap. Contoh yang boleh dipertimbangkan termasuklah kebakaran di kapal-kapal asing, kapal-kapal tambatan, protokol yang perlu ditubuhkan, dipatuhi dan lain-lain.  Selain itu isu-isu pengoperasian seperti "greasing of movable platforms" di jentera-jentera bomba, sliding door yang tidak berfungsi baik dan lain-lain perkara kebarangkalian kerosakan jentera bomba yang boleh melambatkan proses pemadaman api boleh dilihat semula.	OFI

Secara kesimpulannya, pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tahun 2017 berada dalam kawalan dan sentiasa mematuhi keperluan-keperluan Standard yang telah digariskan oleh MS ISO 9001:2015. Pelaksanaan SPK juga seiring dengan hasrat jabatan bagi memastikan Dasar dan Objektif Kualiti JBPM akan dapat dilaksanakan demi memenuhi keperluan pelanggan. Di samping memenuhi keperluan pelanggan, adalah diharapkan juga JBPM mempunyai satu sistem kerja yang teratur dan dapat menyemai Budaya Kerja Cemerlang kepada segenap warga JBPM.



## PERLAKSANAAN PROJEK PEMBINAAN SEMULA DAN BAIK PULIH RUMAH DI BAWAH PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN KETUJUH (NBOS7)

Pada tahun 2017, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melaksanakan sebanyak 44 Projek Pembinaan Semula Rumah dengan kos RM 1.83 juta dan 47 Projek Membaik Pulih Rumah dengan kos RM 639,000.00 juta di bawah program NBOS7 dengan menggunakan peruntukan daripada Bahagian Kesejahteraan Bandar, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perak (MAIPK).

### Senarai Projek NBOS House Build 2017

Bil.	JBPM NEGERI	JUMLAH PROJEK
1	Perak	6
2	Pahang	3
3	Terengganu	2
4	Sarawak	3
5	Johor	5
6	Selangor	10
7	Kedah	2
8	Negeri Sembilan	3
9	Kelantan	4
10	Melaka	1
11	Sabah	3
12	Perlis	1
13	Labuan	1
<b>Jumlah</b>		<b>44</b>
<b>Kos</b>		<b>RM1,830,000.00</b>

### Senarai Projek NBOS House Repair Tahun 2017

Bil.	JBPM / AKADEMI	JUMLAH PROJEK
1	Perak	2
2	Pahang	2
3	Terengganu	6
4	Sarawak	7
5	Johor	1
6	Negeri Sembilan	2
7	Kelantan	8
8	Melaka	4
9	Sabah	6
10	Pulau Pinang	3
11	Perlis	3
12	Labuan	1
13	ABPM Wilayah Tengah	2
<b>Jumlah</b>		<b>47</b>
<b>Kos</b>		<b>RM 639,000.00</b>

### ANTARA PROJEK NBOS HOUSE BUILD TAHUN 2017



ALOR STAR,  
KEDAH



KG SELAMAT D,  
SIK KEDAH



CHENDERING,  
KUALA TERENGGANU



WAKAF BHARU,  
TUMPAT KELANTAN



KG. LINTANG,  
LAWAS, SARAWAK



KG. SRI PANDAN,  
PUTATAN, SABAH

### ANTARA PROJEK NBOS HOUSE REPAIR TAHUN 2017



KG. TATALUAN SEPULUT,  
KENINGAU, SABAH



KG. RHU RENGGEH,  
MARANG



BATU KAWA,  
KUCHING, SARAWAK



KG. PANTONG MELAYU,  
SIMUNJAN, SARAWAK



### MAJLIS PENYERAHAN KUNCI RUMAH NBOS 2017

Majlis Penyerahan di Benta, Pahang oleh YB Dato' Sri Ir. Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Abd. Razak, ADUN Benta



Majlis Penyerahan di Lawas, Sarawak oleh YB Datuk Amar Hj Awang Tengah Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak



Majlis Penyerahan di Sik, Kedah oleh YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, KSU KPKT



Majlis Penyerahan Kunci Rumah oleh YB Tan Sri Dato' Sri Panglima Hj Annuar bin Hj. Musa, Ahli Parlimen Ketereh



Majlis Penyerahan di Alor Setar, Kedah oleh YAB Dato' Seri DiRaja Ahmad Bashah bin Md Hanipah, Menteri Besar Kedah





# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Latihan dan Kursus  
Seksyen Pembangunan Sumber Manusia

**LAPORAN TAHUNAN**

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAY MALAYSIA

# LATIHAN DAN KURSUS

## A. Pengubalan dasar dan garispanduan berhubung kait dengan latihan kebombaam.

1. Sejumlah 1 garispanduan telah digubalkan dalam 1 siri bengkel yang diadakan sepanjang tahun 2017. Garispanduan tersebut adalah seperti berikut:

Garispanduan : Perintah Tetap Ketua Pengarah : Reben Perkhidmatan dan Pingat Kebesaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Tarikh : Oktober 2017  
Tempat : Ibu Pejabat JBPM Putrajaya  
Catatan : PTKP yang dikeluarkan dapat memberi garis panduan yang jelas berkenaan tatacara pemakaian reben perkhidmatan dan pingat kebesaran mengikut kelayakan. PTKP ini merupakan satu terma rujukan seragam yang digunakan oleh setiap pegawai JBPM seluruh negara

## B. Merancang dan mengkoordinasi program latihan / kursus.

Pelaksanaan Program Latihan Formal Yang Dirancang

Pada tahun 2017, Bahagian Latihan JBPM telah menjalankan 902 siri kursus yang melibatkan peruntukan kewangan sejumlah RM 18,058,154.00 juta berbanding 709 siri kursus melibatkan peruntukan kewangan sejumlah RM 17,347,247.00 pada tahun 2016.

Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 27.2% siri kursus. Secara keseluruhannya, Bahagian Latihan JBPM telah melaksanakan 99.6% siri kursus daripada jumlah 906 siri kursus yang dicadangkan bagi tahun 2017.


PERKARA	BIL SIRI KURSUS	
	SASARAN	PENCAPAIAN
Kursus Functional	802	802
Kursus Wajib	14	10
Kursus Umum	44	44
Kursus Institusi Swasta Dalam Negara	42	42
Kursus Kepakaran Luar Negara	5	4
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>906</b>	<b>902</b>

JADUAL 1 : Prestasi pencapaian pelaksanaan siri kursus pada tahun 2017



Daripada jumlah kursus yang dilaksanakan dalam tahun 2017, sebanyak 661 (70.0%) kursus dikhususkan kepada bidang Operasi Kebombaan. Sebanyak 287 (30.0%) siri kursus fokus kepada bidang-bidang lain bagi tahun 2017. Pecahan pengkhususan siri kursus mengikut bidang adalah seperti di Carta 1.


**PENGKHUSUSAN SIRI KURSUS MENGIKUT BIDANG**



CARTA 1 : Pecahan pengkhususan siri kursus mengikut bidang-bidang JBPM bagi tahun 2017

Prestasi pencapaian bilangan siri kursus yang telah dilaksanakan berbanding sasaran pelaksanaan siri kursus bagi tahun 2017 seperti di Carta 2, yang menunjukkan Kursus Functional, Kursus Kepakaran Luar Negara, Kursus Umum dan Kursus Institusi Swasta Dalam Negara mencapai pelaksanaan siri kursus 100%. Manakala, Kursus Wajib mencapai 71.4% pelaksanaan siri kursus bagi tahun 2017.


**PENCAPAIAN SIRI KURSUS BAGI TAHUN 2017**



CARTA 2 : Prestasi pencapaian bilangan siri kursus yang telah dilaksanakan berbanding sasaran pelaksanaan siri kursus pada tahun 2017

Daripada jumlah kursus yang dilaksanakan dalam tahun 2017, sebanyak 22,907 (69.0%) orang peserta hadir berkursus dalam bidang Operasi Kebombaan. Kehadiran pegawai-pegawai daripada perkhidmatan teras yang lain mencatatkan 10,253 (31.0%) orang peserta hadir berkursus. Pecahan kehadiran peserta kursus mengikut bidang-bidang adalah seperti di Carta 3.


## PERATUSAN KEHADIRAN PESERTA MENGIKUT BIDANG



CARTA 3 : Pecahan kehadiran peserta kursus mengikut bidang-bidang pada tahun 2017

Sebanyak 431 siri kursus telah dirancang pada awal tahun 2017 untuk pelaksanaan di peringkat Bahagian Latihan Negeri JBPM. Secara keseluruhannya, semua negeri berjaya melaksanakan siri kursus yang dirancang. Jumlah pelaksanaan siri kursus di Negeri melebihi siri kursus yang dirancang pada awal tahun. Ini adalah disebabkan oleh inisiatif bahagian latihan negeri dalam melaksanakan kursus di peringkat Negeri.

## PELAKSANAAN SIRI KURSUS DI BAHAGIAN LATIHAN NEGERI



CARTA 4 : Prestasi pencapaian pelaksanaan siri kursus di bahagian latihan negeri pada tahun 2017



Peserta kursus BATG menjalani latihan di pusat latihan di JBPM Johor



Kursus Pemantapan ISO 9001 yang dihadiri oleh peserta dari Negeri Kedah



### PERLAKSANAAN DASAR LATIHAN SUMBER MANUSIA


Pekeliling Perkhidmatan JPA Bil.6 Tahun 2005 mengenai Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam telah menggariskan setiap penjawat awam perlu menghadiri/mengikuti latihan atau kursus sekurang-kurangnya tujuh hari dalam tempoh setahun, bagi melengkapkan diri dengan sikap (attitude), kemahiran (skills) dan pengetahuan (knowledge) yang bersesuaian. Sehingga bulan Disember 2017, jumlah kakitangan di JBPM adalah seramai 13,489 orang. Laporan keseluruhan latihan pembangunan pegawai dan kakitangan JBPM adalah seperti Jadual di bawah:

Kumpulan	Bilangan Perjawatan	Bilangan Anggota yang diisi	Kursus Pendek (Bil. Anggota Yang Hadir)							Kursus Panjang > 3 Bulan
			1 Hari	2 Hari	3 Hari	4 Hari	5 Hari	6 Hari	7< Hari	
JUSA	5	5	0	0	0	0	0	0	5	0
Pengurusan dan Profesional	538	515	0	0	0	0	0	0	447	68
Sokongan I (Gred 27-40)	1,258	1,130	0	0	0	0	0	0	1,130	0
Sokongan II (Gred 1-26)	12,288	11,840	0	0	0	0	0	0	11,493	347
<b>JUMLAH</b>	<b>14,089</b>	<b>13,489</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>13,074</b>	<b>415</b>

Jadual 2: Bilangan penjawatan dan pegawai yang menghadiri kursus bagi tahun 2017

Kesimpulannya, objektif JBPM untuk memastikan setiap kakitangan memenuhi keperluan tujuh hari latihan dalam setahun adalah tercapai dengan 13,489 iaitu (100%) orang pegawai dan kakitangan JBPM telah berjaya menghadiri tujuh hari berkursus sepanjang tahun 2017.

### PERATUSAN PEGAWAI YANG MENGHADIRI 7 HARI BERKURSUS TAHUN 2017



CARTA 5 : Carta peratusan pegawai yang menghadiri 7 hari berkursus tahun 2017

## Latihan Bekalan Perolehan Jentera dan Peralatan Bagi Tahun 2017

Disamping kursus yang dirancang, Bahagian Latihan dengan kerjasama pembekal jentera dan peralatan telah mengendalikan sebanyak 19 siri latihan yang melibatkan seramai 463 orang peserta. Penganjuran latihan ini bagi memenuhi keperluan dalam kontrak bekalan jentera dan peralatan berkenaan. Tempat bagi latihan perolehan ini adalah di Pusat Kejuruteraan Jentera, Bandar Baru Salak Tinggi dan negeri.

BIL	JENIS LATIHAN	JUMLAH SIRI	JUMLAH PESERTA
1	Latihan Pengendalian GIRN, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia – Semenanjung, Sarawak dan Sabah	3	125
2	Latihan Pengendalian Aerial Ladder Platform (ALP) – Operator, Pemanduan Jentera dan Penyelenggaraan	6	48
3	Latihan Pengendalian GIRN JBPM	3	129
4	Latihan Pengendalian Foam Tender JBPM – Operator dan Pemanduan, Penyelenggaraan Body Foam Tender dan Penyelenggaraan Chassis Enjin	3	90
5	Latihan Pengendalian Peralatan Cardiopulmonary Exercise Testing (CPET)	1	20
6	Latihan Pengendalian Peralatan Indicative Fire Resistant Test Furnace For Vertical And Horizontal Specimens	1	16
7	Latihan Pengendalian Peralatan Fourier Transform Infrared Spectroscopy(FTIR) Mr And Nir Spectrophotometer Coupled With 2 Dimension(2D)	1	20
8	Latihan Pengendalian LPG PUSPEK	1	15
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>19</b>	<b>463</b>

Jadual 3 : Pelaksanaan latihan bekalan perolehan jentera dan peralatan bagi tahun 2017

### C. Melaksanakan Program Tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

#### i. Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali ke-27

- Tema : Sehat Sejiwa Mencegah Kebakaran  
Anjuran Bersama : Bahagian Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Latihan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Labuan, Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan dan Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.
- Penyertaan : 16 Kontijen-kontijen dari setiap negeri  
Tempat : Zon Semenanjung : Rantau Eco Park, Rantau Negeri Sembilan  
Zon Borneo : Kolej Matrikulasi Labuan  
Tarikh : 17.5.2017 hingga 20.5.2017 (Zon Semenanjung)  
22.5.2017 hingga 24.5.2017 (Zon Borneo)  
Jumlah Peserta : 704 orang peserta terdiri daripada 16 kontijen  
Aktiviti : Kawad Kaki (Campuran), Kawad Operasi Kering (lelaki/perempuan), ASPEC Challenge (lelaki/perempuan), Cadet Challenge (Campuran), Ikatan dan Simpulan (Campuran), Brain & Brawn Challenge (lelaki/perempuan) dan Kuiz (Campuran)

Majlis perasmian pembukaan pertandingan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali ke-27 telah diadakan di Rantau Eco Park, Rantau Negeri Sembilan. Majlis perasmian ini disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan, Menteri Besar, Negeri Sembilan pada 17hb Mei 2017. Majlis ini turut dihadiri oleh YAS Datuk Wira Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian-Bahagian, YS Pengarah-Pengarah Negeri, YS Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Pegawai-pegawai kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Berikut adalah keputusan keseluruhan bagi pertandingan:

Johan : Kontinjen Negeri Sembilan  
 Naib Johan : Kontinjen Negeri Sabah  
 Ketiga : Kontinjen Negeri Selangor



Sekitar Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan Kali ke-27

## ii. Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat (PKK) Kebangsaan Kali ke-19 Tahun 2017

Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
 Penyertaan : Kontinjen-kontinjen dari setiap negeri  
 Tempat : Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Marang, Terengganu  
 Tarikh : 10 hingga 15 September 2017  
 Jumlah Peserta : 736 orang peserta terdiri daripada 16 kontinjen  
 Aktiviti : Antara acara-acara yang telah dipertandingkan ialah Pertandingan Kawad Kaki, Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat di Air, Pertandingan Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan, Pertandingan Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalan Raya, Pertandingan Sindiket Perancangan Strategi Operasi, Fire Fighter Combat Challenge, Fire Fighter Combination Drill, Fire Fighters Challenge dan Pertandingan Search and Rescue Navigation (Sarnav).

Bagi mengeratkan hubungan sirattulrahim diantara JBPM dengan Bomba agensi luar dan Pasukan tindakan Kecemasan (ERT), beberapa aktiviti telah diadakan dalam Pertandingan Kawad Kecekapan kali ini.

### a) Pasukan Tindakan Kecemasan

Penyertaan : TLP Terminal Johor, Keloil Bottling Sdn Bhd Kelantan, Sanmina Penang B Pulau Pinang, Mara Kuala Lumpur, Palmaju Edible Sdn Bhd Johor, Poly Plastic Pahang, KPJ Ipoh Perak, Toray Plastics (Malaysia) Sdn Bhd Pulau Pinang, Perbadanan Putrajaya, Putrajaya, Sanmina Penang A Pulau Pinang, Berjaya Time Square Kuala Lumpur, UNISZA A Terengganu, UNISZA B Terengganu, Malakoff Power Bhd. Perak, Felda Kuala Lumpur dan ERT Hospital Sungai Buloh Selangor.

Jumlah Peserta : 80 orang peserta terdiri daripada 16 pasukan

Aktiviti : Antara acara yang telah dipertandingkan ialah Pertandingan Kawad Operasi Memadam Kebakaran dan Menyelamat

### b) Pasukan Bomba Agensi Luar

Penyertaan : North Port Sdn Bhd, Penang Port Sdn Bhd, PC MTBE Sdn Bhd, Kuantan Port Konsortium Sdn Bhd, Kualiti Alam Sdn Bhd, Petronas Kerteh, dan Bomba Airport Sultan Mahmud.

Jumlah Peserta : 67 orang peserta terdiri daripada 7 agensi

Aktiviti : Antara acara yang telah dipertandingkan ialah Pertandingan Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan

Majlis perasmian penutupan pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Kali ke-19 telah diadakan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Terengganu. Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh YB Haji A. Latiff Bin Awang, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Tranformasi Kerajaan Negeri Terengganu pada 14hb September 2017. Majlis ini turut dihadiri oleh YS PKPjB Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid, YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian-Bahagian, YS Pengarah-Pengarah Negeri, YS Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Pegawai-pegawai kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Berikut adalah keputusan keseluruhan bagi pertandingan:

a. Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Kali Ke-19 Tahun 2017:

KEPUTUSAN KESELURUHAN				
NEGERI	KEDUDUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA
Selangor	1	2	2	0
Pulau Pinang	2	2	1	2
Melaka	3	2	0	0
Perlis	4	1	1	0
Sabah	5	1	0	1
Kedah	6	1	0	1
Perak	7	0	2	1
Johor	8	0	1	2
Kelantan	9	0	1	1
Sarawak	10	0	1	0
WP Labuan	11	0	0	1
WP Kuala Lumpur	12	0	0	0
Pahang	13	0	0	0
WP Putrajaya	14	0	0	0
Negeri Sembilan	15	0	0	0
Terengganu	16	0	0	0

Jadual 4: Keputusan Keseluruhan Pertandingan Kawad Kecekapan Peringkat Kebangsaan Kali ke-19 Tahun 2017



Pertandingan Kawad Operasi Penyelamatan Kemalangan Jalanraya



Pertandingan Kawad Operasi Menyelamat Di Air



Search and Rescue Navigation (SARNAV)



Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan





b. Keputusan keseluruhan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)

BIL.	PASUKAN
1.	Toray Plastics (Malaysia) Sdn Bhd Pulau Pinang
2.	Keloil Bottling Sdn Bhd Kelantan
3.	Sanmina Penang B Pulau Pinang
4.	UNISZA B Terengganu
5.	Perbadanan Putrajaya, Putrajaya
6.	Berjaya Time Square Kuala Lumpur
7.	KPJ Ipoh Perak
8.	Malakoff Power Bhd Perak
9.	Mara Kuala Lumpur
10.	Poly Plastic Pahang
11.	Felda Kuala Lumpur
12.	TLP Terminal Johor
13.	ERT Hospital Sungai Buloh Selangor
14.	UNISZA A Terengganu
15.	Sanmina Penang A Pulau Pinang
16.	Palmaju Edible Sdn Bhd Johor

Jadual 5: Keputusan Keseluruhan Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT)

c. Keputusan keseluruhan Pasukan Bomba Agensi Luar

KEDUDUKAN	NAMA PASUKAN
1	Kuantan Port Konsortium Sdn Bhd
2	PC MTBE Sdn Bhd
3	Penang Port Sdn Bhd
4	Northport Sdn Bhd
5	Bomba Airport Sultan Mahmud
6	Kualiti Alam Sdn Bhd
7	Petronas Kerteh

Jadual 6: Keputusan Keseluruhan Pasukan Bomba Agensi Luar

iii. **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat (KIK) Kebangsaan Kali ke-28 Tahun 2017**

- Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
 Penyertaan : Kontijen-Kontijen dari Setiap Negeri  
 Tempat : Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan  
 Tarikh : 14hb hingga 18hb Oktober 2017  
 Jumlah Peserta : 145 orang peserta terdiri daripada 16 Kontijen  
 Aktiviti : Persembahan pasukan KIK, sesi viva dan dokumentasi, pameran kumpulan KIK.

Berikut adalah keputusan keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Kategori Primer Peringkat Kebangsaan JBPM Kali Ke-28 Tahun 2017:

KEPUTUSAN	NEGERI	PROJEK
TEMPAT PERTAMA	WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN (SETIA IV)	SETIA WATER STOPER (ALATAN "BANDAGE" PADA HOSE)
TEMPAT KEDUA	KEDAH (MARBLE)	MARBLE MULTI ADAPTOR AIR GUN (ALAT BANTUAN CAT PILI BOMBA)
TEMPAT KETIGA	PAHANG (FUEGO)	ADJUSTABLE SPLINT ( BANTUAN PERAWATAN)

Jadual 7: Keputusan Keseluruhan KIK (Kategori Primer) Peringkat Kebangsaan JBPM Kali Ke-28 Tahun 2017

KEPUTUSAN	NEGERI	PROJEK
TEMPAT PERTAMA	PAHANG (HIGHLANDS)	MEDIUM MEMUDAHKAN MENGESAN PENDAKI YANG SESAT
TEMPAT KEDUA	SELANGOR (THE LIGHT HOUSE)	BOAT LAUNCHER UNTUK MENURUNKAN BOT OPERASI
TEMPAT KETIGA	PERAK (STORM)	MEDIUM MELAKSANAKAN TUMPAHAN MERKURI

Jadual 8: Keputusan Keseluruhan KIK (Kategori Hybrid) Peringkat Kebangsaan JBPM Kali ke-28 Tahun 2017

Bersempena dengan sambutan Hari Inovasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Tahun 2017, Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat menganjurkan Pertandingan Bahagian Operasi Cemerlang dan Balai Cemerlang. Cawangan Pengurusan Balai diberi mandat penuh untuk mengawal selia dan mengurus tadbir program ini secara keseluruhannya.

Pertandingan ini merupakan satu bentuk pengukuran terhadap pelaksanaan aktiviti kerja dari perspektif kualiti dan kuantiti. Pengukuran kualiti dan kuantiti akan dilaksanakan oleh Panel Audit yang dilantik khusus untuk menjayakan program ini.

Selain dari menjayakan sambutan Hari Inovasi, pertandingan ini juga bertujuan untuk mewujudkan amalan berdaya saing dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan melaksanakan tugas yang berkualiti berkaitan operasi. Program ini juga dapat meningkatkan semangat bekerja di kalangan pegawai-pegawai di Bahagian Operasi dan Balai melalui unsur percambahan idea, kreativiti dan inovasi.

Konsep pertandingan ini adalah menggunakan konsep pengaplikasian Perancangan, Pelaksanaan, Pencapaian dan Pemantauan, serta Penilaian (PDCA) kepada semua aspek pelaksanaan kerja di Bahagian dan Balai.

Semua proses dan aktiviti yang terlibat dalam tugas harian akan dinilai mengikut kaedah pengaplikasian PDCA. Bahagian Operasi Negeri dan Balai Bomba dan Penyelamat hendaklah menentukan pelaksanaan konsep PDCA dapat dibuktikan melalui dokumentasi dan rekod yang perlu disediakan semasa penilaian dibuat.

Audit bagi pertandingan ini telah dimulakan pada 21 Julai 2017 dan berakhir pada 28 September 2017. Kesemua Bahagian Operasi JBPM Negeri dan Balai Bomba dan Penyelamat telah diaudit oleh Juru Audit yang dilantik dari kalangan Pegawai Bahagian Operasi Kebommbaan dan Penyelamat, Ibu Pejabat JBPM.

JBPM Negeri Kedah telah dinobatkan sebagai juara dengan markah keseluruhan sebanyak 94.73%. Tempat kedua pula disandang oleh JBPM Labuan dengan markah sebanyak 93.48% manakala tempat ketiga disandang oleh JBPM JOhor dengan markahnya sebanyak 91.63%.

Bagi pertandingan Balai Cemerlang Kategori A/B, BBP Kota Tinggi telah dinobatkan sebagai juara dengan markah keseluruhan sebanyak 90.53%. Tempat kedua pula disandang oleh BBP Bentong dengan markah sebanyak 88.65% manakala tempat ketiga disandang oleh BBP Pengkalan Chepa dengan markahnya sebanyak 88.28%.

Manakala bagi pertandingan Balai Cemerlang Kategori C, BBP Pekan telah dinobatkan sebagai juara dengan markah keseluruhan sebanyak 87.38%. Tempat kedua pula disandang oleh BBP Teluk Kemang dengan markah sebanyak 84.19% manakala tempat ketiga disandang oleh BBP Tangga Batu dengan markahnya sebanyak 84.08%.



## PENGOPERASIAN PEGAWAI BOMBA BANTUAN (PBB)

Pegawai Bomba Bantuan (PBB) telah dilancarkan pada 5 Mei 2014 sempena Sambutan Hari Bomba yang berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. PBB dilantik berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 iaitu seksyen 4 dan PUA.125 Peraturan-Peraturan Bomba (Pegawai Bomba Bantuan). Sehingga Disember 2017 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melantik seramai 2030 PBB di seluruh negara melibatkan 155 buah balai bomba kategori C dan D.


Pada 2018, JBPM bercadang mengambil seramai 500 PBB bagi pengisian 29 buah balai bomba baru di seluruh negara. Dianggarkan pengambilan ini melibatkan perbelanjaan sekitar RM 30,994,560.00. Ini adalah pendekatan semasa yang terbaik yang jabatan mampu lakukan bagi 29 balai baru ini setelah mengambil kira ketetapan kerajaan pada masa kini dengan polisi perjawatan keajaip.

Bil	Negeri	STATISTIK PENGAMBILAN PBB 2014-2018					
		2014	2015	2016	2017	Plan 2018	Jum
1	Selangor	56	48	42	125	42	313
2	P.Pinang	27	44	41	0	36	148
3	Terengganu	27	33	12	80		152
4	Perak	53	126	38	52		269
5	Kedah	6	7	7	63	32	115
6	Johor	44	57	65	48	72	286
7	Melaka	13	34	0	5	18	70
8	Sabah	50	92	24	48	54	268
9	Kelantan	41	69	7	55	54	226
10	Sarawak	17	84	58	0	48	207
11	N.Sembilan	9	55	15	99	54	232
12	Pahang	23	53	16	41	72	205
13	Perlis	0	21	0	0		21
14	W.P Labuan					18	18
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>366</b>	<b>723</b>	<b>325</b>	<b>616</b>	<b>500</b>	<b>2530</b>

Jadual 1 (a): Statistik Pegawai Bomba Bantuan (PBB) 2014-2018

Pada tahun 2014, bermula fasa pertama pengambilan PBB seramai 366 PBB diambil bagi mengisi keperluan keanggotaan 76 buah balai bomba kategori C yang dialih daya dari 24 jam ke 12 jam. Seterusnya, pada tahun 2015, seramai 723 PBB diambil bagi menyelesaikan pelaksanaan alih daya balai bomba dan balai bomba baru kategori D. Manakala pada tahun 2016, bilangan PBB terus berkembang kepada 1,414 PBB dan pada tahun 2017 seramai 616 PBB diambil bagi mengisi keperluan anggota di seluruh negara yang melibatkan balai C dan D yang baru. Pada penghujung tahun 2017, jabatan mempunyai seramai 2030 orang PBB melibatkan 155 buah balai bomba kategori C dan D di 13 buah negeri.

Pada tahun 2018 ini, dianggarkan seramai 500 PBB akan diambil diperingkat awal bagi menampung keperluan anggota bomba untuk tujuan pengoperasian 29 buah balai C dan D yang baru. Pengambilan ini juga dijangka akan meningkat setelah program penajajaran balai diselesaikan dan pada peringkat awal penajajaran ini wujud keperluan pengambilan PBB seramai 2,000 PBB.



Jadual 1 (b): Carta Kedudukan Pegawai Bomba Bantuan (PBB) Mengikut Negeri 2014-2018

Pada masa kini, JBPM Negeri Selangor mempunyai bilangan PBB tertinggi seramai 313 PBB dan diikuti oleh JBPM Negeri Johor seramai 286 PBB, JBPM Negeri Perak seramai 269 PBB, JBPM Negeri Sabah seramai 268 PBB. Pada tahun 2018, JBPM Wilayah Persekutuan Labuan bakal memiliki balai bomba kategori D iaitu BBP Ranca-ranca yang mana PBB yang akan diambil seramai 18 PBB. Pada penghujung tahun 2018 dijangkakan jabatan akan mempunyai seramai 2,530 PBB di seluruh negara.

Namun begitu dalam pengambilan PBB, jabatan mengalami kesukaran peruntukkan yang terhad terutamanya dalam perolehan Personal Protective Equipment (PPE) untuk PBB. Bagi pengambilan 500 PBB dianggarkan sebanyak RM 3,542,400.00 diperlukan bagi perolehan PPE. Situasi ini tidak mengambil kira lagi PBB sedia ada yang belum dibekalkan dengan PPE. Namun begitu, cabaran ini tidak menghalang jabatan untuk mengoperasikan 29 balai baru pada tahun 2018 dan beberapa langkah proaktif sedang diambil bagi menangi senario ini.

PENGAMBILAN PEGAWAI BOMBA BANTUAN 2017		
BIL	NEGERI	PENGAMBILAN PBB
1	Selangor	136
2	Kedah	63
3	Pulau Pinang	96
4	Kelantan	102
5	Sarawak	35
6	Sabah	52
7	Pahang	42
8	Negeri Sembilan	75
9	Perak	55
10	Johor	64
11	Terengganu	77
12	Melaka	5
13	Perlis	0
<b>JUMLAH</b>		<b>802</b>

Jadual 1 (c): Pengambilan PBB Tahun 2017

## UJIAN AIR KENCING PEGAWAI BOMBA BANTUAN (PBB) TAHUN 2017

Pada tahun 2017, telah dijalankan beberapa saringan ujian air kencing atas penyalahgunaan dadah dengan kerjasama pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Ujian dijalankan sebanyak dua kali sebagaimana arahan yang telah ditetapkan oleh Jabatan untuk menjalankan pemeriksaan tersebut.

JUMLAH PEMERIKSAAN URINE TEST KIT TAHUN 2017				
BIL	NEGERI	BERKALA	MENGEJUT	JUMLAH
1	Selangor	2	1	3
2	Kedah	0	0	0
3	Pulau Pinang	1	0	1
4	Kelantan	0	0	0
5	Sarawak	1	0	1
6	Sabah	1	1	2
7	Pahang	1	0	1
8	Negeri Sembilan	1	0	1
9	Perak	1	1	2
10	Johor	1	0	1
11	Terengganu	1	0	1
12	Melaka	0	0	0
13	Perlis	1	0	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>14</b>

Jadual 2: Jumlah Saringan Ujian Air Kencing Tahun 2017




## PASUKAN BOMBA SUKARELA (PBS)

Pasukan Bomba Sukarela (PBS) sepanjang 2016 hingga 2017 menunjukkan peningkatan dari segi bilangan penubuhan dan keanggotaannya. Pada tahun 2016, sebanyak 359 PBS telah ditubuhkan dengan keanggotaan 13,349. Manakala pada tahun 2017 sebanyak 370 PBS dengan keanggotaan 13,467.

Bil	Negeri	2016		2017		UNJURAN 2018	
		Jum. PBS	Anggota PBS	Jum. PBS	Anggota PBS	Jum. PBS	Anggota PBS
1	Johor	31	908	31	908		
2	Pahang	33	1665	40	1700	2	50
3	Melaka	7	240	7	240		
4	Negeri Sembilan	18	456	19	480		
5	Selangor	25	765	27	805	2	50
6	Terengganu	12	321	12	321	2	50
7	Kelantan	14	365	14	365	1	25
8	Perak	38	1687	38	1687	2	50
9	Pulau Pinang	34	1631	35	1650		
10	Kedah	44	1554	44	1554		
11	Perlis	10	374	10	374		
12	Sabah	40	1358	40	1358	2	50
13	Sarawak	39	1810	39	1810	2	50
14	W.P Kuala Lumpur	9	129	9	129		
15	W.P Labuan	5	86	5	86	1	25
<b>Jumlah</b>		<b>359</b>	<b>13349</b>	<b>370</b>	<b>13467</b>	<b>14</b>	<b>350</b>

Jadual 1: Statistik Pasukan Bomba Sukarela (PBS) dan Anggota 2016-2018


Peranan PBS di kawasan sub-urban, rural area dan remote area pada Skala Profil Risiko Smartmaps JBPM 1-9 sangat bersesuaian kerana ia merupakan Alternative Services Delivery (ASD) terbaik jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan kebombaanan di kawasan berkenaan yang berimpak tinggi. Di bawah program PBS ini juga secara langsung jabatan telah merakyatkan perkhidmatan kebombaanan kepada masyarakat dalam memastikan kesejahteraan kehidupan mereka dari bahaya kebakaran selari dengan polisi kerajaan merakyatkan perkhidmatan awam.



Analisa di atas menunjukkan peningkatan di antara tahun 2016 hingga 2017 sebanyak 3 peratus (3%) dari segi jumlah pasukan dan keanggotaannya pula meningkat sebanyak 1 peratus (1%) . Pada tahun 2018 disasarkan sebanyak 14 PBS baru ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 350 iaitu peningkatan sebanyak 4 peratus (4%) dari jumlah pasukan dan keanggotaan meningkat sebanyak 3 peratus (3%). Perancangan tahun 2018 adalah berdasarkan Skala Profil Risiko Smartmaps JBPM yang mengambil kira 16 faktor setelah kajian dibuat secara dalaman jabatan dengan kerjasama peringkat negeri.

### PENGLIBATAN PBS DALAM PENGOPERASIAN KEBOMBAAN 2015-2017

Pada tahun 2015, PBS telah menghadiri kes kebakaran sebanyak 1,161 iaitu 97 peratus (97%) dari jumlah kebakaran sebanyak 40,865 di seluruh negeri tahun 2015. Pada tahun 2016 pula, PBS telah menghadiri 3,025 kes kebakaran iaitu 93 peratus (93%) dari jumlah kebakaran sebanyak 49,875 pada tahun 2016. Jumlah kebakaran pada 2017 pula (sehingga November 2017) adalah sebanyak 27176. PBS telah menghadiri kes kebakaran sebanyak 796 dengan peratusan 97 peratus (97%) dari jumlah kebakaran diseluruh negeri.




Jadual 2 (a): Graf Operasi Kebomboa Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Mengikut Negeri 2015-2017

Sepanjang tempoh tiga tahun 2015 hingga 2017, JBPM Negeri Kedah mencatatkan jumlah PBS paling aktif respon kepada insiden kecemasan 2,127 kes yang dihadiri. Dan diikuti oleh JBPM Negeri Pulau Pinang sebanyak 1,338 kes yang dihadiri. Bagi Zon Borneo pula, JBPM Negeri Sabah sebanyak 399 kes yang dihadiri dan diikuti oleh JBPM Negeri Sarawak sebanyak 343 kes yang dihadiri. Manakala, bagi Zon Pantai Timur didahului oleh JBPM Negeri Pahang sebanyak 966 kes yang dihadiri diikuti JBPM Negeri Terengganu dan Kelantan iaitu masing-masing sebanyak 824 dan 170 kes dihadiri. Manakala jumlah keseluruhan keaktifan PBS di Zon Tengah pula dimonopoli oleh PBS di bawah JBPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah kes yang dihadiri sebanyak 519 kes diikuti oleh JBPM Negeri Selangor dan Johor iaitu masing-masing sebanyak 443 dan 369 kes. Seterusnya diikuti oleh JBPM Negeri Sembilan sebanyak 129 kes dan JBPM Negeri Melaka sebanyak 30 kes yang dihadiri.





Umumnya kita mengetahui, jika dilihat sejarah pengembangan PBS dari tahun 1987 lagi, sememangnya PBS di bawah JBPM Negeri Kedah dan Pulau Pinang merupakan antara pasukan yang paling aktif disebabkan faktor Corporate Social Responsibility (CSR) di dua buah negeri ini. Elemen CSR yang dimaksudkan adalah seperti sumbangan bantuan ahli perniagaan setempat, ahli politik dan pihak swasta sekitar negeri berkenaan. Senario ini, memberi kesan positif kepada keupayaan PBS di negeri tersebut untuk terus memberi sumbangan kepada jabatan ini. Namun begitu, akhir-akhir ini dilihat satu petanda positif di sebelah Zon Borneo Sabah dan Sarawak, di mana peranan ahli politik setempat dan pihak swasta melalui kaedah CSR semakin terserlah. Kesedaran yang wujud dalam kalangan CSR di Zon Borneo tersebut merupakan satu penanda aras yang positif bagi pengembangan PBS sebagai first responder di dalam setiap insiden atau bencana yang berlaku di kawasan sekitar mereka.



Jadual 2 (b): Graf Operasi Kebombaan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) 2015-2017

Sepanjang tempoh tiga tahun 2015 hingga 2017, jenis insiden tertinggi adalah kebakaran mencatat sebanyak 4,981 kes dihadiri oleh PBS dan diikuti khidmat kemanusiaan sebanyak 2,566 kes, penyelamatan sebanyak 946 kes dan yang terendah adalah lain-lain kes sebanyak 578 kes. Di sini memberi gambaran yang jelas sepanjang tempoh tiga tahun PBS banyak membantu JBPM dalam menangani insiden kebakaran khususnya di kawasan sub-urban, remote dan rural area.

Pada tahun 2017, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat mengambil langkah mengukur keluaran PBS dan "Response Time" PBS bagi kebakaran, penyelamatan dan lain-lain melalui pewujudan satu sistem yang diintegrasikan Sistem Pelaporan Insiden (SPI) dengan MERS 999 dan MyApps PBS. Hasilnya tahun 2017 menunjukkan PBS menyumbang sebanyak 6.76 peratus (6.76%) dalam keluaran JBPM melibatkan insiden kebakaran iaitu sebanyak 2551 kes kebakaran.

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Dihadiri	Response Time	
			Di bawah 10 mnt	Lebih 10 mnt
1.	Johor	108	48	60
2.	Melaka	24	24	0
3.	Negeri Sembilan	62	29	33
4.	Selangor	131	96	35
5.	Kuala Lumpur	72	36	36
6.	Perak	68	46	22
7.	Pulau Pinang	503	372	131
8.	Kedah	993	526	467
9.	Perlis	12	0	12
10.	Kelantan	107	95	12
11.	Terengganu	22	11	11
12.	Pahang	162	76	86
13.	Sarawak	155	98	57
14.	Labuan	60	48	12
15.	Sabah	72	36	36
<b>Jumlah</b>		<b>2551</b>	<b>1541</b>	<b>1010</b>

Jadual 2 (c) (i): Statistik Keluaran Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Tahun 2017

Bil.	Response Time	Jum. Keseluruhan kes kebakaran	Jum Kes Dihadiri PBS	Pencapaian Response Time (%)
1.	Di bawah 10 minit	37,729	1541	4.08
2.	Lebih 10 minit		1010	2.68
<b>Jumlah</b>			<b>2551</b>	<b>6.76</b>

Jadual 2 (c) (ii): Statistik Keluaran Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Tahun 2017

Sepanjang tahun 2017, PBS telah menghadiri insiden kebakaran sebanyak 2,551 kes dari keseluruhan kes kebakaran. Dari jumlah berkenaan 1,541 kes di bawah 10 minit dengan catatan 4.08 peratus (4.08%) dan 1010 kes lebih dari 10 minit dengan catatan 2.68 peratus (2.68%).

PBS juga memainkan peranan dalam membantu JBPM dalam pengurusan pili bomba khususnya pili bomba yang berada berhampiran dengan PBS. Ia amat penting bagi memastikan pili bomba di kawasan sub-urban, remote dan rural area berada dalam keadaan baik dan berfungsi apabila diperlukan. Pada masa yang sama anggota PBS juga berperanan sebagai teman pili bomba bagi pili bomba berhampiran dengan mereka.

## STRATEGI TINDAKAN JBPM DALAM MENTRANSFORMASI PBS

Bagi menyusun semula pengurusan PBS supaya peranan PBS memberi impak yang lebih berkesan kepada "Response Time" JBPM dan selari dengan Pelan Strategik JBPM 2013-2020 adalah seperti berikut:

1. Pindaan Akta Perkhidmatan Bomba sedia ada (Akta 341) melibatkan peruntukkan-peruntukkan kuasa khusus untuk pengurusan PBS yang lebih jelas.
2. Meletakkan PBS di bawah JBPM melalui strategi pendaftaran semula dari ROS kepada JBPM.
3. Mengkaji semula modul dan pelaksanaan latihan PBS bagi memastikan keupayaan dan kemahiran anggota PBS berada di tahap yang bersesuaian dengan peranan PBS sebelum ketibaan bomba dalam sesuatu operasi.



4. Mewujudkan peraturan dan SOP pengoperasian PBS selari dengan Pindaan Akta Perkhidmatan Bomba sedia ada (Akta 341).
5. Memperkasakan kebajikan PBS melalui pemberian Insurans Perlindungan, Personal Protective Equipment (PPE), geran inisiatif tahunan dan elaun.
6. Meningkatkan keluaran PBS dengan menambah bilangan Volunteer Fire Rescue Vehicle (VFRV).
7. Memperkasakan pengurusan peralatan dan kelengkapan PBS seperti pam angkut dan hose fitting bagi memastikan sumbangan PBS dalam respon sesuatu insiden lebih berkesan.
8. Re-image PBS dari segi penyediaan pakaian seragam dan balai bomba berkonsep sub-station berskala kecil untuk PBS bersesuaian dengan risiko.

## KONVENSYEN PASUKAN BOMBA SUKARELA (PBS) TAHUN 2017

### 1. LOKASI KONVENSYEN

#### a) Zon Tengah

Terdiri daripada JBPM Negeri Selangor, JBPM Negeri Sembilan, JBPM Negeri Melaka & JBPM Kuala Lumpur yang telah diadakan pada 21 Julai 2017 hingga 23 Julai 2017.

#### b) Zon Timur

Terdiri daripada JBPM Negeri Pahang, JBPM Negeri Terengganu & JBPM Negeri Kelantan yang telah diadakan pada 28 Oktober 2017 hingga 29 Oktober 2017.

#### c) Negeri Sabah

Konvensyen di Negeri Sabah telah diadakan pada 28 Oktober 2017 hingga 29 Oktober 2017.

#### d) Zon Utara

Terdiri daripada JBPM Negeri Pulau Pinang, JBPM Negeri Kedah, JBPM Negeri Perlis & JBPM Negeri Perak yang telah diadakan pada 25 November 2017 hingga 26 November 2017.

### 2. LATAR BELAKANG KONVENSYEN PBS

Konvensyen ini diadakan dengan pelbagai pengisian yang bermanfaat dan dilihat perlu dalam usaha memantapkan lagi pengurusan PBS secara keseluruhan. Pengisian sepanjang konvensyen kali ini dipelbagaikan dengan program seperti berikut:

- a) Pertandingan kawad kecekapan di antara PBS negeri-negeri yang menyertai konvensyen
- b) Program kempen memupuk kesedaran pada masyarakat mengenai bahaya kebakaran kepada penduduk setempat
- c) Program Jiwa Murni - penjagaan pili bomba dan pengurusan sumber air
- d) Taklimat memperkasakan pengurusan PBS
- e) Program memupuk ukhwah dan semangat perpaduan di kalangan warga PBS yang terdiri pelbagai bangsa dan latar belakang

### 3. OBJEKTIF KONVENSYEN PBS

- a) Mempertingkatkan perpaduan dan ukhwah di kalangan warga anggota Pasukan Bomba Sukarela (PBS)
- b) Usaha memperkasakan pengurusan Pasukan Bomba Sukarela (PBS).
- c) Usaha berterusan mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan anggota PBS dalam ilmu kebombaam.
- d) Merapatkan hubungan antara warga Pasukan Bomba Sukarela dengan kerajaan khusus warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- e) Platform membincangkan atau mendapatkan cadangan dan idea baru dari Pasukan Bomba Sukarela (PBS).

**GAMBAR-GAMBAR SEKITAR MAJLIS KONVENSYEN PBS**



**4. TUNTUTAN INSURANS**

Pemerkasaan kebijakan PBS dan PBB melalui pemberian Insurans Perlindungan dapat membantu sedikit sebanyak bebanan yang ditanggung oleh mereka. Jadual dibawah merupakan jumlah kes dan amaun tuntutan yang dikemukakan oleh negeri-negeri;

**JUMLAH KES DAN TUNTUTAN INSURANS PBS DAN PBB PADA TAHUN 2016 & 2017**

(Amaun yang sehingga Disember 2017 – Jumlah keseluruhan asal 37 kes)

BIL.	NEGERI	KES TAHUN 2016			KES TAHUN 2017		
		TUNTUTAN KEMATIAN	TUNTUTAN PERUBATAN	AMAUN DITUNTUT	TUNTUTAN KEMATIAN	TUNTUTAN PERUBATAN	AMAUN DITUNTUT
1.	PERLIS	-	-	-	1	1	RM 18,000
2.	KEDAH	-	-	-	-	-	-
3.	P. PINANG	-	-	-	-	-	-
4.	PERAK	1	1	RM 18,100	-	-	-
5.	SELANGOR	1	-	RM 17,000	3	-	RM 51,000
6.	K. LUMPUR	-	-	-	-	1	RM 1,000
7.	N. SEMBILAN	-	-	-	1	-	RM 49,000
8.	MELAKA	-	-	-	1	-	RM 17,000
9.	JOHOR	-	-	-	-	-	-
10.	PAHANG	-	1	RM 1,000	-	-	-
11.	TERENGGANU	1	2	RM 19,000	1	1	RM 17,125
12.	KELANTAN	-	1	RM 1000	1	-	RM 17,000
13.	SABAH	-	-	-	3	-	RM 51,000
14.	SARAWAK	2	1	RM 49,025	-	-	-
15.	LABUAN	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>5</b>	<b>6</b>	<b>RM 105,125</b>	<b>11</b>	<b>3</b>	<b>RM 221,125</b>



## 5. AUDIT PASUKAN BOMBA SUKARELA (PBS)

### PENDAHULUAN

Pengauditan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) ini adalah merupakan pengauditan mula diperkenalkan pada tahun 2013 dan pada tahun 2017 sebanyak 370 PBS diseluruh Malaysia telah diaudit.

Pengauditan ini adalah untuk PBS terus memberi impak yang positif kepada masyarakat melalui bantuan dan sokongan perkhidmatan kebombaannya setelah kerajaan melalui JBPM menyalurkan peruntukan dan bantuan bagi memberi perlindungan kepada masyarakat khususnya di "rural area". Ia juga secara langsung akan memberi sumbangan kepada elemen pencapaian 'response time' JBPM di kawasan-kawasan 'rural area' dan pembudayaan keselamatan kebakaran diterapkan ke dalam kehidupan masyarakat di Malaysia.

### TUJUAN AUDIT

Tujuan audit dijalankan adalah bagi memastikan perkara-perkara seperti berikut:

- 1.1 Memastikan PBS terus berfungsi seiring dengan perancangan dan ketetapan JBPM.
- 1.2 Untuk mengelakkan daripada berlakunya peralatan-peralatan yang dibekalkan tidak diuruskan dengan baik.
- 1.3 Bagi memastikan PBS terus memberi sumbangan yang bermakna di dalam pengurusan operasi kebombaannya di kawasan mereka iaitu "rural area".
- 1.4 Mengenalpasti keperluan PBS yang perlu bagi mempertingkatkan keupayaan PBS dalam memberi sumbangan kepada National Average Response Time (NART) JBPM.
- 1.5 Menilai pencapaian prestasi dan penentuan tahap keaktifan setiap PBS

### 2. METHODOLOGI PENGAUDITAN PBS

- 2.1 Naziran dan lawatan ke PBS oleh pegawai negeri-negeri berkaitan.
- 2.2 Membuat analisa ke atas penemuan yang diperolehi bagi tujuan penambahbaikan.
- 2.3 Menerapkan dan mengamalkan konsep Plan, Do, Check dan Action (P.D.C.A) di dalam keseluruhan program ini.

### 3. SKOP PENGAUDITAN YANG DILAKUKAN

Pengauditan yang dijalankan telah bermula pada pertengahan 1 Disember 2017 sehingga 29 Disember 2017 melibatkan skop-skop seperti berikut;

- 3.1 Pengurusan Persatuan
  - 3.1.1 Pematuhan kepada Seksyen 6 Akta Pertubuhan
  - 3.1.2 Perlantikan Jawatankuasa
  - 3.1.3 Perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa
  - 3.1.4 Kursus dan latihan ahli
  - 3.1.5 Program penganalisaan risiko
  - 3.1.6 Kerjasama dalam pasukan
  - 3.1.7 Analisa keaktifan pasukan
- 3.2 Kesiapsagaan
  - 3.2.1 Kenderaan
  - 3.2.2 Peralatan bermotor dan tidak bermotor
  - 3.2.3 Kelengkapan Pakaian Operasi (PPE)
  - 3.2.4 Penyediaan dan penyelenggaraan PPE
  - 3.2.5 Keanggotaan dan keahlian
- 3.3 Kenderaan dan Peralatan
  - 3.3.1 Sijil atau geran perakuan kelayakan yng sah
  - 3.3.2 Pindah hak milik
  - 3.3.3 Program pemeriksaan jentera
  - 3.3.4 Penyelenggaraan berjadual



- 3.4 Latihan Pasukan
  - 3.4.1 Latihan mingguan yang ditetapkan
  - 3.4.2 Latihan bersendirian
  - 3.4.3 Latihan Bersama Balai
- 3.5 Aktiviti Pemeriksaan dan Pembersihan Pili Bomba
  - 3.5.1 Pemeriksaan dan pembersihan Pili Bomba
  - 3.5.2 Program Teman Pili Bomba
- 3.6 Bantuan Kehadiran Operasi Kebombaan dan Penyelamatan
  - 3.6.1 Operasi pemadaman kebakaran
  - 3.6.2 Khidmat khas
  - 3.6.3 Lain-lain perkhidmatan seperti gotong-royong

### GAMBAR-GAMBAR AUDIT TAHUNAN PBS BAGI TAHUN 2017



## 6. LAWATAN BALAI PBS DAN PBB

Dalam mengekalkan tahap prestasi yang memberangsangkan, selain daripada latihan yang dilaksanakan, konsep turun padang dan memantau situasi di lapangan juga perlu dalam melakukan penambahbaikan dari aspek kesiapsiagaan anggota PBB dan PBS bagi sesuatu pengoperasian. Selain itu, konsep ini juga dilakukan bagi melihat tahap perancangan yang dilakukan oleh Ketua Balai dalam mengkoordinasi PBB dan PBS bagi menyelaras dan melaksanakan tugas sama ada tugas di balai atau pengoperasian insiden dan bencana. Perancangan yang sedia ada juga boleh ditambahbaik dengan cetusan dan perkongsian idea serta pendapat dari kedua-dua belah pihak.

Selain itu, pendekatan seperti ini juga membolehkan sebarang permasalahan dan isu-isu berkaitan diaju dan diselesaikan secara terus melalui komunikasi dua hala dari pihak pelaksana dengan pihak pengurusan. Berlandaskan konsep komunikasi dua hala ini secara tidak langsung penjelasan dapat diberikan dengan lebih efisien dan berkesan.



Adalah diharapkan dengan pelaksanaan pendekatan seperti ini oleh pegawai yang telah dipertanggungjawabkan dapat meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan sesuatu pengurusan terutamanya di peringkat balai sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Standard Operating Procedure (SOP) oleh pihak Jabatan.

### GAMBAR-GAMBAR AUDIT TAHUNAN PBS BAGI TAHUN 2017



# UNIT PENGESAN

Unit Pengesan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan unit khas yang telah ditubuhkan pada 26 April 2002. Unit Pengesan ataupun lebih dikenali dengan nama 'UNIT K9' adalah salah satu unit khas dalam JBPM yang menggunakan khidmat anjing-anjing pengesan yang terlatih. Ini adalah kerana **kemampuan deria bau (hidung) anjing pengesan** sangat berkesan iaitu **lebih kurang 200 kali ganda** berbanding dengan deria bau kita manusia. Tujuan penubuhan unit ini adalah sebagai pasukan bantuan di dalam kerja-kerja operasi mencari dan menyelamatkan atau penyiasatan kebakaran kepada pasukan operasi yang sedia ada di setiap negeri yang memerlukan khidmat anjing pengesan. Unit ini mempunyai **empat (4) tugas utama (disiplin)** iaitu *Search And Rescue (SAR) Urban Disaster Canine, Wilderness Canine, Cadaver Canine* dan *Fire Investigation Canine*.

Peranan setiap disiplin anjing pengesan ini adalah seperti berikut:-

- SAR Urban Disaster Canine* ialah untuk **mengesan mangsa hidup** yang terperangkap di dalam runtutan bangunan dan tanah runtuh.
- SAR Wilderness Canine* ialah untuk **mengesan jejak mangsa** yang hilang (sesat) dalam hutan, gua dan tanah tinggi.
- SAR Cadaver Canine* ialah untuk **mengesan mangsa yang telah meninggal dunia (mayat)** sama ada di darat ataupun di air/sungai.
- Fire Investigation Canine* ialah untuk membantu pegawai penyiasatan kebakaran (FIO) bagi **mengesan punca-punca kebakaran** yang sukar dikenalpasti atau dipercayai ada kes khianat (sengaja dibakar).

## VISI

Menjadikan pasukan Unit Pengesan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai sebuah pasukan yang bertaraf antarabangsa setanding dengan pasukan –pasukan Anjing Penyelamat yang sedia ada.

## MISI

Meningkatkan keberkesanan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan dengan lebih cepat serta mengurangkan risiko kemalangan terhadap mangsa yang ditimpa bencana dan juga anggota penyelamat.

## OBJEKTIF

- Bagi meningkatkan keberkesanan kerja-kerja penyelamatan dengan lebih cepat, efektif serta mengurangkan risiko kemalangan kepada mangsa-mangsa yang ditimpa bencana mahupun kepada pihak penyelamat.
- Memberi bantuan kepada Unit Penyiasatan Kebakaran dalam menyiasat dan mengenalpasti punca-punca kebakaran yang melibatkan kes-kes arson ataupun punca-punca kebakaran yang sukar dikenalpasti.
- Meningkatkan keyakinan orang awam terhadap tugas, peranan, fungsi dan tanggungjawab Jabatan sejajar dengan visi jabatan iaitu kearah sebuah perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan bertaraf antarabangsa.

## PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memberi perkhidmatan bantuan bagi meningkatkan keberkesanan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan serta penyiasatan kebakaran dengan lebih cekap dan cepat.

Dengan itu, Kami Berjanji akan:

- Mengeluarkan pasukan bantuan (K9) dalam tempoh 15 minit dari mula loceng dibunyikan.
- Mengemukakan laporan khidmat bantuan dalam tempoh 7 hari dari tarikh tamat Operasi.





## LATIHAN DAN KURSUS

Tajuk : Kursus / latihan pemanduan berhemah bagi kenderaan Khas Unit K9  
 Tempat : Persekitaran Unit Pengesan (K9)  
 Tarikh : 19 April 2017  
 Masa : 08:00 pagi – 17:00 petang  
 Jumlah Pegawai Terlibat : 19 orang  
 Tenaga Pengajar : PBT Azahar (JBPM Selangor)  
 Tujuan : Untuk memberikan pendedahan tentang tatacara pemanduan berhemah dan meningkatkan kemahiran pemandu di unit ini.



Tajuk : Kursus / latihan pengukuhan pemegang dan anjing pengesan Disiplin Fire Investigation  
 Tempat : Persekitaran Unit Pengesan (K9), dan Markas SMART, Pulau Meranti, Puchong, Selangor.  
 Tarikh : 03 - 07 April 2017  
 Masa : 08:30 pagi – 17:00 petang  
 Agensi Terlibat :  
 1. Unit Pengesan (11 orang peserta)  
 2. Veterinar Cheras (3 orang pegawai perubatan yang standby di lokasi)  
 Tenaga Pengajar : 2 orang Pegawai Unit Pengesan (K9)  
 Jumlah Terlibat : 17 orang  
 Tujuan : Meningkatkan kemahiran dan menilai prestasi semasa pemegang dan anjing pengesan Disiplin Fire Investigation.





Tajuk : Kursus TOT Bagi Disiplin Urban Disaster dan Disiplin Fire Investigation

Tempat : Persekitaran Unit Pengesan (K9), dan Petaling Jaya, Selangor.

Tarikh : 05 – 15 September 2017

Masa : 08:30 pagi – 17:00 petang

Agensi Terlibat :

1. Unit Pengesan (14 orang peserta)
2. Veterinar Cheras (3 orang pegawai perubatan yang standby di lokasi)

Tenaga Pengajar : 4 orang Pegawai Unit Pengesan (K9)

Jumlah Terlibat : 21 orang

Tujuan : Memberikan pendedahan dan mengajar peserta kursus untuk merancang, mengendalikan serta melaksanakan latihan anjing pengesan.



Tajuk : Kursus Heat Stroke Management and First Aid Kits For Dog

Tempat : UPM

Tarikh : 05 – 07 Julai 2017 (siri 1)

26 – 27 Julai 2017 (siri 2)

Masa : 08:00 pagi – 17:00 pagi

Jumlah Pegawai Terlibat : 10 orang peserta

Tenaga Pengajar : Pegawai perubat UPM

Tujuan: Untuk meningkatkan kemahiran dan mempelajari teknik tentang tatacara pengurusan rawatan kecemasan anjing pengesan.





Tajuk : Kursus / latihan pengukuhan pemegang dan anjing pengesan Disiplin Urban Disaster  
 Tempat : Markas SMART, Pulau Meranti, Puchong, Selangor.  
 Tarikh : 15 - 19 Mei 2017  
 Masa : 09:00 pagi – 17:00 petang  
 Agensi Terlibat :  
 1. Unit Pengesan (10 orang peserta)  
 2. Veterinar Cheras (3 orang pegawai perubatan yang standby di lokasi)  
 Tenaga Pengajar : 2 orang Pegawai Unit Pengesan (K9)  
 Jumlah Terlibat : 15 orang  
 Tujuan : Meningkatkan kemahiran dan menilai prestasi semasa pemegang dan anjing pengesan Disiplin Urban Disaster.



Tajuk : Latihan Confine Space Search  
 Tempat : Markas SMART, Pulau Meranti, Puchong, Selangor  
 Tarikh : 17 Ogos 2017  
 Masa : 09:00 pagi – 17:00 petang  
 Agensi Terlibat :  
 1. Unit Pengesan (14 orang Peserta)  
 2. Veterinar Cheras (4 orang pegawai perubatan yang standby di lokasi)  
 3. SMART (5 orang peserta dan pemerhati)  
 Tenaga Pengajar : 3 orang Pegawai Unit Pengesan (K9)  
 Jumlah Terlibat : 26 orang  
 Tujuan : Membiasakan dan meningkatkan keyakinan pemegang dan anjing pengesan bekerja ditempat/ ruang yang sempit.





## OPERASI

Jenis Operas : Tanah Runtuh (Land Slide)  
No Bil. Ops : 39/2017  
Alamat : Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah, Pulau Pinang.  
Tarikh Kejadian : 21 Oktober 2017  
Masa Kejadian : 08:57hrs  
Hasil Pengesanan : Positif



Jenis Operasi : Kebakaran Kedai Perabot  
No Bil. Ops : 42/2017  
Alamat : Jalan 1, Pekan Batu 9 Hulu Langat Cheras, Selangor.  
Tarikh Kejadian : 09 April 2017  
Masa Kejadian : 21:04hrs  
Hasil Pengesanan : Positif





Jenis Operasi : Kebakaran Stor  
No Bil. Ops : 52/2017 (Temujanji)  
Alamat : Stor Narkotik Balai Polis Seksyen 15, Shah Alam, Selangor..  
Tarikh Kejadian : 29 Mei 2017  
Masa Kejadian : 03:44hrs  
Hasil Pengesanan : Negatif



Jenis Operasi : Kebakaran Stor Plastik  
No Bil. Ops : 75/2017  
Alamat : Lot 1131. Taman Perindustrian Pulau Meranti Utama, Dengkil, Selangor.  
Tarikh Kejadian : 24 Ogos 2017  
Masa Kejadian : 04:37hrs  
Hasil Pengesanan : Positif



Jenis Operasi : Kebakaran Rumah  
No Bil. Ops : 94/2017  
Alamat : Jalan Jeti Kampong Yup Chun, Bagan Serai Perak.  
Tarikh Kejadian : 20 Oktober 2017  
Masa Kejadian : 03:58hrs  
Hasil Pengesanan : Positif





## AKTIVITI UNIT K9

Tajuk : Ceramah Pencegahan Leptospirosis dan pengambilan simple darah

Tempat : Unit Pengesan (K9)

Tarikh : 18 April 2017

Masa : 09:00 pagi – 15:00 petang

Jumlah Pegawai Terlibat : 24 orang

Peceramah : Pegawai Perubatan daripada UPM

Tujuan: Untuk memberikan pendedahan tentang risiko dan langkah-langkah mencegah / mengawal penyakit leptospirisis tersebut.



Tajuk : Lawatan dari Community Emergency Respond Team dari Puchong, Selangor

Tempat : Unit Pengesan (K9)

Tarikh : 28 Oktober 2017

Masa : 09:00 pagi – 12:30 petang

Tujuan : Untuk mengetahui peranan Unit Pengesan dan di samping mengeratkan hubungan / silaturahmi.





Tajuk : Pemeriksaan Aset Hidup  
Tempat : Unit Pengesan (K9)  
Tarikh : 23 Februari 2017  
Masa : 10:00 pagi – 13:00 petang  
Jumlah Pegawai : 4 orang (daripada Ibu Pejabat JBPM)  
Tujuan: Untuk memantau dan menilai tahap / status kesihatan anjing pengesan.



Tajuk : Competency Standard Assessment And Acceptance Test Untuk Perolehan 28 Ekor Anjing Pengesan.  
Tempat : Vikkas Canine Services Ltd., Lincoln, England.  
Tarikh : 04.11.2017 hingga 11.11. 2017  
Jumlah Pegawai Terlibat : 4 orang (termasuk seorang Doktor Veterinar)  
Tujuan: Untuk menjalankan 'Pre-Delivery Inspection (PDI)' bagi menilai kompetensi dan membuat pemeriksaan kesihatan anjing pengesan sebelum di hantar ke Malaysia (JBPM).



Tajuk : Taklimat Penjagaan, Pengawalan Makanan Dan Ubatan Anjing Pengesan  
Tempat : Unit Pengesan (K9)  
Tarikh : 15 Mac 2017  
Masa : 09:00 pagi – 14:30 petang  
Tujuan : Untuk memberikan pendedahan tentang cara penjagaan, pengawalan makanan dan pemberian ubat yang sesuai kepada anjing pengesan.





Tajuk : Penggambaran Majalah TV3  
 Tempat : Unit Pengesan (K9)  
 Tarikh : 17 Oktober 2017  
 Anjuran: Bahagian Siasatan Kebakaran Ibu Pejabat JBPM dengan Stesen TV3  
 Tujuan : Untuk penggambaran Program Siasatan Kebakaran Bahagian Ibu Pejabat dalam dukumentari Majalah TV3.



Tajuk : Fogging  
 Tempat : Unit Pengesan (K9)  
 Tarikh : 27 April 2017  
 Masa : 17:30 petang – 18:30 petang  
 Agensi : Pegawai daripada DBKL  
 Tujuan : Sebagai langkah pencegahan / mengawal bagi memastikan kawasan Unit Pengesan sentiasa selamat dan tiada pembiakan nyamuk.




Tajuk : Lawatan Sambil Belajar daripada Peserta Kursus MTCP (FRAM KKB), dari Fire Services And Civil Defence Department Of bangladesh  
 Tempat : Unit Pengesan (K9)  
 Tarikh : 17 Jun 2017  
 Masa : 10:00 pagi – 13:00 petang  
 Jumlah Pegawai : 31 peserta  
 Tujuan: Untuk mengetahui peranan dan tugas Unit K9 JBPM .





# BAHAGIAN LATIHAN

## CARTA FUNGSI BAHAGIAN LATIHAN



## PIAGAM PELANGGAN

Kami berjanji akan:-

1. Mengeluarkan Laporan Analisa Keperluan Kursus dalam tempoh satu bulan selepas siapnya kajian
2. Merancang dan membangunkan Rancangan Program Latihan Tahunan mengikut keperluan perkhidmatan teras satu bulan sebelum bermula tahun fiskal
3. Mengemukakan Program Latihan Tahunan kepada bahagian, akademi dan negeri dalam tempoh dua minggu selepas kelulusan Jawatankuasa Latihan Kementerian
4. Memaklumbalas sebarang pertanyaan dan surat menyurat dalam tempoh lima hari dari tarikh penerimaan
5. Menghasilkan Laporan Keberkesanan Latihan dalam tempoh satu bulan selepas siapnya kajian penilaian
6. Merancang dan melaksanakan program tujuh hari minima kursus setahun bagi setiap kakitangan jabatan sebagai memenuhi tuntutan Jabatan Perkhidmatan Awam



## PROGRAM / AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN

Secara ringkasnya, sejajar dengan 'core business' bahagian, pada tahun 2017 Bahagian Latihan JBPM telah berjaya melaksanakan program dan aktiviti di bawah fungsi seperti berikut:

- Pengubalan Dasar dan Garispanduan berhubung kait dengan latihan kebombaanan.
- Merancang dan mengkoordinasi program latihan / kursus.
- Melaksanakan program tahunan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Melaksanakan program kerjasama latihan kebombaanan bersama Institusi dalam dan luar Negara.
- Mengurus perkembangan kareer dan kemajuan diri kakitangan JBPM.

### A. Pengubalan dasar dan garispanduan berhubung kait dengan latihan kebombaanan.

- Sejumlah 1 garispanduan telah digubalkan dalam 1 siri bengkel yang diadakan sepanjang tahun 2017. Garispanduan tersebut adalah seperti berikut:

Garispanduan : Perintah Tetap Ketua Pengarah : Reben Perkhidmatan dan Pingat Kebesaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
 Tarikh : Oktober 2017  
 Tempat : Ibu Pejabat JBPM Putrajaya  
 Catatan : PTKP yang dikeluarkan dapat memberi garis panduan yang jelas berkenaan tatacara pemakaian reben perkhidmatan dan pingat kebesaran mengikut kelayakan. PTKP ini merupakan satu terma rujukan seragam yang digunakan oleh setiap pegawai JBPM seluruh negara

## PENCAPAIAN AKTIVITI BAHAGIAN LATIHAN BAGI TAHUN 2017

### 1. KUIZ PERMODALAN NASIONAL BERHAD (BADAN BERUNIFORM)

Tarikh : 28 September – 1 Oktober 2017  
 Tempat : Putrajaya International Convention Centre (PICC)  
 Anjuran : Permodalan Nasional Berhad  
 Penyertaan : 76 orang daripada pelbagai Jabatan  
 Peserta JBPM : 10 Orang  
 Keputusan : Peringkat Separuh Akhir



Peserta pertandingan PNB

### 2. AMALAN 5S JBPM

Idea memperkenalkan Amalan 5s peringkat JBPM tercetus sewaktu lawatan YAS Ketua Pengarah ke Sabah pada 18-19 September 2015. Rentetan dari itu YAS Ketua Pengarah mengarahkan ia dilaksanakan peringkat JBPM dan mensasarkan persijilan pada tahun 2016. Bahagian Latihan telah dipilih oleh YAS Ketua Pengarah sebagai pengerusi program 5S Induk Bermula 6 Januari 2016 Jawatankuasa Induk telah dibentuk. Pada tahun 2017 semua Ibu Pejabat JBPM Negeri berjaya dapat pensijilan semula Sijil 5S.



Logo Amalan 5S Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Sijil Pencapaian Amalan 5S yang diterima oleh Ibu Pejabat JBPM



BIL.	IBU PEJABAT / AKADEMI / NEGERI	TARIKH TERIMA SIJIL
1.	Ibu Pejabat JBPM & JBPM Putrajaya	22 November 2017
2.	Ibu Pejabat JBPM Kuala Lumpur	15 November 2017
3.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Selangor	28 November 2017
4.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Johor	19 September 2017
5.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Melaka (EKSA)	Proses Persijilan EKSA
6.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Sembilan (EKSA)	15 November 2016
7.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Perak	27 November 2017
8.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Pulau Pinang	16 November 2017
9.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Kedah	28 September 2017
10.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Perlis	23 November 2017
11.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Pahang	3 November 2017
12.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Terengganu	15 November 2017
13.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Kelantan	13 Oktober 2016
14.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Sarawak	20 Julai 2017
15.	Ibu Pejabat JBPM Negeri Sabah	16 November 2017
16.	Ibu Pejabat JBPM Labuan	27 Oktober 2017
17.	ABPM Wilayah Utara	15 Februari 2017
18.	ABPM Wilayah Tengah	8 November 2017
19.	ABPM Wilayah Timur	7 Disember 2017
20.	ABPM Wilayah Sarawak	5 Mei 2017
21.	ABPM Wilayah Sabah	16 Ogos 2017

\* Sijil 5S dikemaskini setiap 1 tahun \* Sijil EKSA dikemaskini setiap 2 tahun

Jadual 11: Ibu Pejabat JBPM, ABPM dan Negeri yang menerima sijil 5S pada tahun 2016 dan 2017



Mesyuarat bersama pegawai MPC dan Ahli-Ahli Jawatankuasa 5s JBPM Sarawak



Pemeriksaan dokumen oleh pegawai MPC

### 3. PERBARISAN TAHUNAN 2017

- Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
 Penyertaan : Kontinjen daripada Ibu Pejabat JBPM, JBPM Selangor, JBPM WP Kuala Lumpur, ABPM Wilayah Tengah dan Penganjur JBPM.  
 Tempat : Ibu Pejabat, JBPM Putrajaya  
 Tarikh : 19 Januari 2017  
 Jumlah Peserta : 450 anggota pelbagai pangkat
- Perbarisan Kehormat : 110 orang
  - Urusetia dan jurulatih : 20 orang
  - Pancaragam : 40 orang
  - Detachment : 280 orang

- Senarai detachment :
  - I. Pegawai Bomba Lelaki
  - II. Pegawai Bomba Wanita
  - III. Pemadaman Kebakaran
  - IV. Unit Pengesan
  - V. Bahagian-bahagian Ibu Pejabat, JBPM



Pengurusan Tertinggi Jabatan bersama peserta detasmen



Pasukan Kawalan Kehormat yang terlibat dalam Perbarisan Tahunan 2017

#### 4. PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA 2017

- Anjuran : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Penyertaan : Kontinjen daripada JBPM, Kelab 3K, Skwad Bomba Pondok, Kadet Bomba, Guru Kadet, Pasukan Bomba Sukarela, Pasukan Keselamatan Kebakaran, Bomba Komuniti, Kor Siswa Bomba, Bomba TLDM, Bomba Pelabuhan, Airport Fire & Rescue Service, Pesara Bomba dan Perisma
- Tempat : Dataran Keretapi Ipoh, Perak
- Tarikh : 4hb Mei 2017
- Jumlah Peserta : 1568 anggota pelbagai pangkat
- Perbarisan Kehormat : 120 orang
  - Urusetia dan jurulatih : 20 orang
  - Pancaragam : 70 orang
  - Detachment : 1538 orang
  - Senarai detachment :
    - I. Pembawa Bendera
    - II. Pegawai Bomba Lelaki
    - III. Pegawai Bomba Wanita
    - IV. Pemadaman Kebakaran
    - V. Special Tactical Operational Rescue Team of Malaysia (STORM)
    - VI. Hazardous Material Team (HAZMAT) Chemical, Biological, Radioactive, Nuklear & Explosion Team (CBRNE)
    - VII. High Rise Building Rescue Team
    - VIII. Emergency Medical Rescue Services
    - IX. Unit Udara
    - X. Road Traffic Accident
    - XI. Fire Investigation Officer
    - XII. Pasukan Penyelamat di Air
    - XIII. Unit Pengesan

Majlis ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Perak Darul Ridzuan. Baginda turut diiringi oleh DYMM Raja Permaisuri Perak, DYTM Raja Muda Perak, DYTM Raja Puan Besar Perak, DYAM Raja Di Hilir Perak dan DYAM Raja Puan Muda Perak. Majlis turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Perak, YB Menteri KPKT, Timbalan Menteri KPKT, Ketua Setiausaha KPKT, Pihak pengurusan tertinggi Jabatan yang terdiri daripada YAS Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong Ketua Pengarah setiap Bahagian dan setiap Pengarah Bomba Negeri turut sama menjayakan Sambutan Hari Anggota Bomba 2017 bertempat di Dataran Keretapi Ipoh, Perak.



Kontinjen Pemadaman



Pemeriksaan perbarisan kehormatan disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah Sultan Perak

## 5. PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2017

- Anjuran : Kementerian Komunikasi dan Multimedia  
 Penyertaan : Ibu Pejabat JBPM, Akademi Bomba Penyelamat Malaysia Wilayah Tengah, Akademi Bomba Penyelamat Malaysia Wilayah Utara dan Pancaragam JBPM
- Tempat : Dataran Merdeka, Kuala Lumpur  
 Tarikh : 31hb Ogos 2017  
 Jumlah Peserta : 263 anggota pelbagai pangkat
- Perbarisan : 203 orang
  - Pancaragam : 60 orang
  - Kontinjen Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah daripada 10 pasukan khas yang dimulai dengan :
    - I. Pegawai Bomba Lelaki
    - II. Pegawai Bomba Wanita
    - III. Pasukan Pemadam Kebakaran
    - IV. Hazardous Material Team (HAZMAT)
    - V. Chemical, Biological, Radioactive, Nuklear & Explosion Team (CBRNE)
    - VI. Unit Udara
    - VII. Road traffic Accident Team
    - VIII. Pasukan Penyiasatan Kebakaran
    - IX. High Angle Rescue Team
    - X. Special Tactical Operational Rescue Team of Malaysia (STORM)



Pasukan pancaragam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Kontinjen Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

## 6. MESYUARAT KOMANDAN DAN PENOLONG PENGARAH BAHAGIAN LATIHAN NEGERI

Pada tahun 2017, Bahagian Latihan Ibu Pejabat, Putrajaya telah mengadakan tiga kali mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri. Mesyuarat sebegini diadakan bagi memastikan pelaksanaan kursus-kursus di peringkat Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM) dan Bahagian Latihan Negeri berjalan mengikut jadual yang ditetapkan. Selain itu, mesyuarat ini juga bertujuan bagi memantau prestasi perbelanjaan kewangan ABPM dan Bahagian Latihan Negeri.



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri Bil.1/2017 di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sabah pada 6hb hingga 7hb Mac 2017



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri Bil.2/2017 di Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Johor pada 31hb Julai hingga 2hb Ogos 2017



Mesyuarat Komandan dan Penolong Pengarah Bahagian Latihan Negeri Bil.3/2017 di Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pulau Pinang pada 30hb Oktober hingga 1hb November 2017

# BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN

## OBJEKTIF

Untuk menetapkan dasar keselamatan kebakaran dan memastikan perlaksanaannya mengikut undang-undang yang berkaitan melalui:

- Menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 di bawah peruntukan perakuan bomba dan penghapusan bahaya kebakaran.
- Mengemaskini peraturan-peraturan dan arahan-arahan Bahagian Keselamatan Kebakaran berhubung perakuan bomba, penghapusan bahaya kebakaran, perakuan bangunan dan perakuan perlesenan supaya menjadi lebih relevan dengan keperluan semasa.
- Memastikan keperluan perlindungan sistem pasif dan aktif di semua premis menepati kehendak-kehendak di dalam peruntukan undang-undang dan kod amalan semasa.
- Menggubal keperluan peraturan dan piawaian dengan kerjasama agensi penyelidikan dalam negara berkaitan penggunaan bahan-bahan dan sistem pemasangan keselamatan kebakaran.
- Menilai dan memastikan pemasangan keselamatan kebakaran menepati peraturan-peraturan dan piawaian semasa.
- Membudayakan kesedaran keselamatan kebakaran kepada semua lapisan masyarakat melalui kempen yang relevan mengikut kumpulan sasaran.

## FUNGSI

Fungsi Bahagian Keselamatan Kebakaran menerusi cawangan-cawangan yang ada di bawah Bahagian Keselamatan Kebakaran

### 1. Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran

- Mengkaji aspek perundangan berkaitan dengan keperluan Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK).
- Menyediakan dasar, arahan dan panduan pelaksanaan pengeluaran perakuan keselamatan kebakaran.
- Mengkaji dasar dan keperluan pelaksanaan penggunaan Performance Based atau Fire Safety Engineering Approach.
- Menyediakan panduan pemeriksaan dan pengujian PKK.
- Mengkaji penggunaan PKK yang terkini.
- Mengkaji aspek teknologi keselamatan kebakaran yang terkini dan berkesan.
- Memantau pelaksanaan pengeluaran perakuan keselamatan.

### 2. Cawangan Perakuan Pelesenan Bangunan

- Menyediakan dasar, arahan dan panduan pelaksanaan pengeluaran perakuan pelesenan.
- Mengkaji keperluan perundangan berkaitan dengan penggunaan bangunan atau premis yang selamat.
- Memantau pelaksanaan pengeluaran perakuan pelesenan bangunan.



### 3. Cawangan Penghapusan Bahaya Kebakaran

- Menyediakan dasar dan arahan berkaitan dengan pelaksanaan penghapusan bahaya kebakaran.
- Menyediakan pelan strategik penghapusan bahaya kebakaran tahunan dan 5 tahun.
- Mengkaji keperluan perundangan dalam melaksanakan penghapusan bahaya kebakaran.
- Menyediakan panduan pemeriksaan ke atas premis atau bangunan.
- Mengkaji keberkesanan penghapusan bahaya kebakaran dalam mengurangkan bilangan kebakaran.
- Memantau pelaksanaan penghapusan bahaya kebakaran.

### 4. Cawangan Perakuan Bomba

- Menyediakan dasar dan arahan berkaitan dengan pelaksanaan perakuan bomba.
- Menyediakan pelan strategik perakuan bomba tahunan dan 5 tahun.
- Mengkaji keperluan perundangan dalam melaksanakan perakuan bomba.
- Menyediakan panduan pemeriksaan ke atas premis atau bangunan.
- Mengkaji keberkesanan perakuan bomba dalam mengurangkan bilangan kebakaran.
- Memantau pelaksanaan perakuan bomba.

### 5. Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran

- Memproses setiap permohonan pendaftaran.
  - o Kontraktor Keselamatan Kebakaran.
  - o Fire Inspection.
  - o Kemudahan Keselamatan Kebakaran
  - o Fire Safety Engineer.
  - o Fire Safety Manager
  - o Fire Safety Officer
- Mengeluarkan senarai pendaftaran.
- Mengkaji keperluan peralatan Pemasangan Keselamatan Kebakaran (PKK).
- Mengkaji keberkesanan peralatan untuk menguji dan memeriksa PKK.

### 6. Cawangan Program Kesedaran Keselamatan Kebakaran

- Menyediakan dasar dan pelan strategik keselamatan negara tahunan dan 5 tahun.
- Mengumpul dan menganalisis maklumat keperluan latihan.
- Menentukan keperluan latihan jabatan kepada orang awam.
- Merangka dan melaksanakan program kesedaran awam.
- Memantau pelaksanaan program kesedaran keselamatan awam.

### 7. Cawangan Piawaian Keselamatan Kebakaran

- Mengkaji keperluan sesuatu kemudahan Pemasangan Keselamatan Kebakaran.
- Mengemukakan kepada SIRIM keperluan penggubalan sesuatu piawaian.
- Mengurus penggubalan dan penggunaan standard.
- Membuat pemantauan penggunaan dan pematuhan standard di tapak pembinaan.
- Mengkaji dan menilai keberkesanan sesuatu peralatan di makmal penyelidikan.





## PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memastikan semua premis terhindar dari risiko kebakaran. Dengan itu kami berjanji akan:

- Mengeluarkan perakuan pelan teknikal dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan yang lengkap.
- Mengeluarkan surat pelepasan/sokongan menduduki bangunan (CCC/CFO) dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh pemeriksaan dengan syarat semua pemasangan keselamatan kebakaran telah diuji baik dan disempurnakan.
- Memproses permohonan sokongan lesen perniagaan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan yang lengkap.
- Mengeluarkan Sijil Perakuan Bomba dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh pembayaran fi dibuat.
- Memproses permohonan Sijil Perakuan Bahan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh permohonan yang lengkap.

## PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN BAHAGIAN KESELAMATAN KEBAKARAN



Aktiviti latihan pemadaman kebakaran oleh skuad bomba pondok



Penglibatan Pasukan MYBOMBA JPP



Lawatan pemeriksaan keselamatan kebakaran ke sekolah tahfiz / pondok



Latihan penggunaan alat pemadam api (APA) kepada Skuad Bomba Pondok

# BAHAGIAN PERANCANGAN & PENYELIDIKAN

## 1. Piagam Pelanggan:

- 1.1. Komitmen kami adalah untuk memastikan pelaksanaan perancangan dan penyelidikan berkaitan aspek kebombaan dilaksanakan secara profesional.
- 1.2. Dengan itu kami berjanji:
  - 1.2.1. Mengeluarkan hasil penyelidikan dan Kajian (Empirikal dan Konsep) dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat penyelidikan dan Kajian.
  - 1.2.2. Mengeluarkan hasil analisa keberkesanan produk dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat kajian dan analisa.
  - 1.2.3. Mengeluarkan hasil spesifikasi dan rekomendasi perolehan jabatan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tamat kajian.

## 2. Fungsi




- 2.1. Kajian Operasi Pemdaman Kebakaran:
  - 2.1.1. Menganalisa data-data berkaitan dengan kebakaran
  - 2.1.2. Kajian & penyelidikan keberkesanan peralatan/ perkakasan pemdaman kebakaran
  - 2.1.3. Penyelidikan mengenai taktik-taktik operasi pemdaman kebakaran yang baru dan berkesan
  - 2.1.4. Mengkaji & membuat penyelidikan spesifikasi teknikal peralatan/ perkakasan baru pemdaman kebakaran
  - 2.1.5. Membuat ujian produk/ peralatan pemdaman kebakaran terkini
  - 2.1.6. Membuat kajian keberkesanan pemdaman kebakaran untuk risiko kebakaran khas
  - 2.1.7. Membuat kajian & penyelidikan keberkesanan pengendalian bencana yang melibatkan CBRNE (Chemical, Biology, Radiology, Nuclear & Explosion)
- 2.2. Kajian Operasi Penyelamatan:
  - 2.2.1. Menganalisa data-data berkaitan dengan penyelamatan
  - 2.2.2. Kajian & penyelidikan keberkesanan peralatan/ perkakasan penyelamatan
  - 2.2.3. Penyelidikan mengenai taktik-taktik operasi penyelamatan yang baru dan berkesan
  - 2.2.4. Mengkaji & membuat penyelidikan spesifikasi teknikal peralatan/ perkakasan baru penyelamatan
  - 2.2.5. Membuat ujian produk/ peralatan penyelamatan terkini
  - 2.2.6. Membuat kajian keberkesanan penyelamatan untuk bencana industri & bencana alam
- 2.3. Kajian Pemasangan Keselamatan Kebakaran:
  - 2.3.1. Membuat kajian & penyelidikan ke atas PKK bangunan
  - 2.3.2. Penyelidikan mengenai faktor kemanusiaan & persekitaran berkaitan keselamatan kebakaran bangunan
  - 2.3.3. Melaksanakan ujian keberkesanan & Perakuan PKK bangunan yang terkini / baru
  - 2.3.4. Kajian ke atas piawaian/ standard/ spesifikasi PKK bangunan
  - 2.3.5. Membuat cadangan kajian dan penyelidikan untuk digunapakai dan dipasarkan di negara
  - 2.3.6. Membuat kajian Sains & Teknologi Keselamatan Kebakaran
  - 2.3.7. Menyelaraskan penyelidikan & pembangunan industri Keselamatan Kebakaran



- 2.4. Kajian Fire Behaviour:
  - 2.4.1. Kajian human behaviour, fire science & persekitaran semasa kebakaran, bencana industri & alam
  - 2.4.2. Mengkaji & membuat penyelidikan behavioural anggota kecemasan dalam pelaksanaan operasi pemadaman
  - 2.4.3. Menjalankan kajian saintifik fire behaviour bahan binaan & kaitannya keselamatan kebakaran bangunan.

### 3. Program dan Aktiviti Tahunan

- 3.1. Kajian:
  - 3.1.1. Nama Kajian : Penilaian Faktor Risiko Kematian Dalam Kalangan Ahli Bomba Malaysia (Death Risk Factors Assessment Among Malaysian Firefighters)
  - 3.1.2. Objektif Kajian
    - 3.1.2.1. Objektif Umum:  
Mengkaji faktor risiko yang menyumbang kepada kematian dalam kalangan anggota bomba.
    - 3.1.2.2. Objektif Khusus:
      - a. Mengenalpasti risiko CVD dalam kalangan anggota bomba.
      - b. Mengenalpasti kerosakan DNA dalam kalangan anggota bomba.
      - c. Mengenalpasti aras aktiviti fizikal dalam kalangan anggota bomba.
      - d. Mengenalpasti corak tidur dalam kalangan anggota bomba.
  - 3.1.3. Kaedah Kajian.
    - 3.1.3.1. Populasi dan sampel kajian:
      - a. 189 orang dari 4 zon di Semenanjung Malaysia.
      - b. Data Demografi:



- 3.1.4. Penemuan Kajian.
  - 3.1.4.1. Mengenalpasti risiko CVD (Cardiovascular Disease) dalam kalangan anggota bomba:
    - A. Menggunakan kaedah:
      - a. Indeks Jisim Tubuh (BMI)(kg/m<sup>2</sup>)
        - I. Penjelasan:
          - i. Mengenalpasti tahap obesiti.
          - ii. Terlebih berat/ obesiti - lebihan lemak mengganggu peredaran darah - diabetes, CVD
        - II. Skala:
          - i. Kurang berat : <18.5
          - ii. Normal : 18.5-24.9
          - iii. Terlebih berat : 25.0-29.0
          - iv. Obes : >30
        - III. Penemuan:
          - i. Kurang berat : 0.1%.
          - ii. Normal : 23.2%
          - iii. Terlebih berat/ Obes : 75.2%

## IV. Gambar berkaitan:



## b. Ukur Lilit Pinggang:

## I. Penjelasan:

- Pengumpulan lemak disekeliling perut atau abdomen.
- Berisiko mendapat penyakit kronik seperti CVD, diabetes, iskemia (bekalan darah yang tidak mencukupi untuk organ atau bahagian badan, terutamanya otot jantung) dll.

## II. Skala:

- Normal :  $<90$  cm
- Obesiti abdomen :  $\geq 90$ cm

## III. Penemuan:

- Normal : 47.1%
- Obesiti abdomen : 52.9%

## IV. Gambar berkaitan:



## c. Tekanan Darah:

## I. Penjelasan:

- Mengenalpasti prevalen (sering berlaku atau sering terjadi) hipertensi.
- Hipertensi - strok, serangan jantung, kerosakan mata dan buah pinggang

## II. Skala:

- Hypotensi :  $<120/60$  mmHg
- Normal :  $120/80$  mmHg
- Hypertensi :  $>120/80$  mmHg

## III. Penemuan:

- Hypotensi : 22.8%
- Normal : 42.3%
- Hypertensi : 34.9%

## IV. Gambar berkaitan:



## d. Glukosa:

## I. Penjelasan:

- Glukosa : mengenalpasti prevalen hiperglisemia (tahap glukosa darah (gula darah) yang luar biasa tinggi).
- Hiperglisemia - darah tinggi - kencing manis (DM) - kerosakan buah pinggang, kebutaan dll.

## II. Skala:

- Hypoglisemia :  $<3.89$  mmol/L
- Normal :  $3.89-5.83$  mmol/L
- Hyperglisemia :  $>5.83$  mmol/L

## III. Penemuan:

- Hypoglisemia : 0.5%
- Normal : 75.5%
- Hyperglisemia : 24%

## e. Profil Lipid (Kolesterol, Trigliserida, HDL, LDL)

## I. Penjelasan:

- Profil lipid : mengenalpasti prevalen dyslipidemia (jumlah lipid yang tidak normal dalam darah).
- Dislipidemia - obesiti - peningkatan tekanan darah - penyakit jantung/ strok dll.

## II. Skala:

## i. Aras kolesterol:

## 1. Skala:

- Normal :  $<5.2$  mmol/L
- Aras Batasan :  $5.2-6.21$  mmol/L
- Tinggi :  $>6.21$  mmol/L




- 2. Penemuan:
  - 2.I. Normal : 16.9%
  - 2.II. Aras Batasan : 36.5%
  - 2.III. Tinggi : 46.6%
- ii. Aras Trigliserida (Lemak dalam darah)
  - 1. Skala:
    - 1.I. Normal : <1.7 mmol/L
    - 1.II. Aras Batasan : 1.7- 2.25 mmol/L
    - 1.III. Tinggi : >2.25 mmol/L
  - 2. Penemuan:
    - 2.I. Normal : 55.6%
    - 2.II. Aras Batasan : 14.3%
    - 2.III. Tinggi : 23.3%
- iii. Aras kolesterol HDL:
  - 1. Skala:
    - 1.I. Rendah : <1.04 mmol/L
    - 1.II. Sederhana : 1.05-1.56 mmol/L
    - 1.III. Tinggi : >1.56 mmol/L
  - 2. Penemuan:
    - 2.I. Rendah : 0.00%
    - 2.II. Sederhana : 1.6%
    - 2.III. Tinggi : 98.4%
- iv. Aras Kolesterol LDL
  - 1. Skala:
    - 1.I. Normal : <3.3 mmol/L
    - 1.II. Aras Batasan : 3.3-4.1 mmol/L
    - 1.III. Tinggi : >4.1 mmol/L
  - 2. Penemuan:
    - 2.I. Normal : 45.5%
    - 2.II. Aras Batasan : 28.2%
    - 2.III. Tinggi : 26.1%
- f. Aras Kortisol:
  - I. Penjelasan:
    - i. Mengenalpasti prevalen stress.
    - ii. Stres - peningkatan tekanan darah - penyakit jantung/ strok dll
  - II. Kaedah ELISA: Skala:
    - i. Hypokortisolimia : <50 ng/ml
    - ii. Normal : 50-230 ng/ml
    - iii. Hyperkortisolimia : ≥231 ng/ml
  - III. Penemuan:
    - i. Hypokortisolimia : 0.00%
    - ii. Normal : 55.3%
    - iii. Hyperkortisolimia : 44.7%
- g. Aras Troponint:
  - I. Penjelasan:
    - i. Mengenalpasti risiko tahap kecederaan otot jantung.
  - II. Kaedah ELISA: Skala:
    - i. Tiada Kecederaan Jantung : <0.01 ng/ml
    - ii. Aras Batasan : 0.01-0.09 ng/ml
    - iii. Berisiko Kecederaan Otot Jantung : >0.09 ng/ml

- III. Penemuan:
  - i. Tiada Kecederaan Jantung : 9.5%
  - ii. Aras Batasan : 63.5%
  - iii. Berisiko Kecederaan Otot Jantung : 27%
- 3.1.4.2. Mengenalpasti kerosakan DNA dalam kalangan anggota bomba:
  - A. Penjelasan:
    - a. Penanda bagi pengenalpastian kerosakan kepada bahan perwarisan iaitu faktor genetic.
    - b. Jika kerosakan terlalu teruk dan tidak dapat diperbaiki, ini akan menyebabkan berlaku mutasi pada bahan genetik yang seterusnya meningkatkan risiko penyakit kronik seperti kanser.
  - B. Skala:
    - a. Tahap Normal:
      - I. Intensity Ekor : <10
      - II. Momen Ekor : <5
    - b. Terdapat Kerosakan DNA:
      - I. Intensity Ekor : >10
      - II. Momen Ekor : >5
  - C. Penemuan:
    - a. Purata Tahap Kerosakan DNA berdasarkan purata % intensiti ekor DNA dan momen ekor adalah di bawah nilai batasan kerosakan DNA.
    - b. Walau bagaimanapun terdapat subjek yang mempunyai kerosakan DNA diperolehi dari kesemua zon kajian. Ini menunjukkan terdapatnya risiko mutasi gen dikalangan pegawai bomba .
    - c. Namun kesemua kerosakan DNA yang masih boleh dibaikpulih dari kesemua zon kajian.
  - D. Gambar berkaitan:



- 3.1.4.3. Mengenalpasti tahap kerosakan kromosom bagi penilaian risiko kanser dalam kalangan anggota bomba:
  - A. Penjelasan:
    - a. Sel epitelium mulut merupakan antara sel sasaran bagi pembentukan kanser melalui inhalasi atau ingesti (penafasan dan pemakanan).

- B. Penemuan:  
a. Tiada kerosakan kromosom bagi penanda risiko kanser diperolehi dari semua subjek zon kajian.
- C. Gambar berkaitan



- 3.1.4.4. Mengenalpasti corak tidur dalam kalangan anggota bomba.
- A. Penjelasan:  
a. Mengenalpasti kualiti dan corak tidur.  
b. Instrumen : Global Pittsburgh Sleep Quality Index (PSQI).
- B. Skala:  
a. Bagus :  $<5$   
b. Tidak Bagus :  $\geq 5$
- C. Penemuan:  
a. Skor PSQI = 7.38 iaitu melebihi 5. Ini menunjukkan corak tidur adalah tidak bagus.  
b. Tempoh tidur = 5.09 jam.
- 3.1.4.5. Mengenalpasti aras aktiviti fizikal dalam kalangan anggota bomba
- A. Penjelasan:  
a. Dikaitkan dengan risiko diabetes, hipertensi, penyakit arteri koronari, modifikasi tahap toleransi glukosa atau profil lipid, dll  
b. Instrumen : Soal Selidik Aktiviti Fizikal Global (GPAQ-M)
- B. Skala:  
a. Tidak Aktif :  $< 600$  MET min/minggu.  
b. Aktif :  $\geq 600$  MET min/minggu.
- C. Penemuan:  
a. Tidak Aktif : 35.4%.  
b. Aktif : 64.6%.
- 3.1.4.6. Mengenalpasti aduan muskuloskeletal dalam kalangan anggota bomba.
- A. Tujuan:  
a. Mengenalpasti ketidakselesaan /kesakitan sendi, ligamen, otot, saraf, tendon & struktur yang menyokong anggota badan  
b. Instrumen: Borang soal selidik NORDIC (SNMQ)
- B. Faktor Risiko:  
a. Umur  
b. Kecergasan fizikal  
c. Antropometri  
d. Pendedahan pekerjaan  
Cth : angkat objek berat, melakukan ketegangan berulang kali, postur janggal.
- C. Implikasi:  
a. Berisiko mendapat kecederaan  
b. Terbatas melakukan pergerakan, mengangkat objek, membengkok / melentur badan.



- D. Penemuan: Frekuensi Aduan Muskuloskeletal
  - a. Leher : 50.8%.
  - b. Bahu : 49.2%.
  - c. Siku : 13.8%
  - d. Tangan : 34.4%
  - e. Belakang Atas : 39.7%
  - f. Belakang Bawah : 49.2%
  - g. Paha : 18.5%.
  - h. Lutut : 52.9
  - i. Kaki : 48.1%
  
- 3.1.5. Faktor risiko yang mempengaruhi kematian anggota bomba:
  - 3.1.5.1. Gaya Hidup.
  - 3.1.5.2. Fizikal.
  - 3.1.5.3. Tahap Kesihatan.
  
- 3.2. Kajian Outcome:
  - 3.2.1. Nama Kajian Outcome:  
 Penilaian Outcome Perolehan 200 Unit Jentera Emergency Medical Rescue Services (EMRS).
  
  - 3.2.2. Objektif Kajian:
    - 3.2.2.1. Objektif Umum:
      - a. Mengukur Tahap Kepuasan Anggota Unit EMRS Terhadap Penggunaan dan Perolehan Jentera EMRS
      - b. Mengukur Tahap Kepuasan Mangsa Terhadap Perkhidmatan Unit EMRS.
    - 3.2.2.2. Objektif Khusus:
      - a. Menilai Tahap Kejayaan (success rate) Penyelamatan Menggunakan Jentera EMRS
      - b. Mengukur masa bertindak pasukan EMRS
  
  - 3.2.3. Skop Kajian:
    - 3.2.3.1. Mengukur kekerapan penggunaan jentera EMRS bagi merawat dan membawa mangsa yang tercedera dari tahun 2015-2016.
    - 3.2.3.2. Menilai tahap keberkesanan operasi pasukan EMRS
    - 3.2.3.3. Mengukur masa bertindak pasukan EMRS
    - 3.2.3.4. Menilai kepuasan pelanggan dalaman dan luaran
  
  - 3.2.4. Metodologi Kajian.
    - 3.2.4.1. Populasi dan sampel kajian.
      - A. Sasaran: 75 % mangsa berpuas hati dengan perkhidmatan EMRS:
        - a. Jumlah populasi : 6,718 orang.
        - b. Jumlah sampel kajian : 365 orang. Mengikut Uma Sekaran (1975),  $N=7,000$ ,  $n = 365$ , dimana  $N =$  jumlah populasi, manakala  $n =$  jumlah sampel.
      - B. Sasaran: 75 % anggota berpuas hati dengan perolehan jentera dan perkhidmatan EMRS
        - a. Jumlah populasi : 1,672 orang.
        - b. Jumlah sampel kajian : 383 orang. Mengikut Uma Sekaran (1975),  $N=2,000$ ,  $n = 322$ , dimana  $N =$  jumlah populasi, manakala  $n =$  jumlah sampel.
    - 3.2.4.2. Alat kajian.
      - A. Data Primer:
        - a. Borang soal selidik
        - b. Temubual kepada mangsa, anggota EMRS & KKM
        - c. Pemeriksaan fizikal jentera EMRS dan peralatan

## B. Data Sekunder:

- a. Laporan tahunan jabatan
- b. Data kekerapan perkhidmatan jentera EMRS
- c. Keratan akhbar/ majalah
- d. Data respon ambulan KKM

## 3.2.5. Penemuan Kajian.

- 3.2.5.1. 100% mangsa tercedera yang terlibat dalam kemalangan yang dihadiri jentera EMRS mendapat perkhidmatan perawatan awal .
- 3.2.5.2. Perkhidmatan perawatan lebih awal 2 minit berbanding perkhidmatan ambulan lain.
- 3.2.5.3. Hanya seramai 1,672 (70%) anggota EMRS di seluruh negara telah ditauliahkan.
- 3.2.5.4. Peningkatan sumbangan bilangan perkhidmatan EMRS kepada KKM sebanyak 0.23%.
- 3.2.5.5. Mendapat pengiktirafan orang ramai.
- 3.2.5.6. 100% mangsa berpuas hati dengan perkhidmatan EMRS.
- 3.2.5.7. 89.7 % anggota berpuas hati dengan perolehan jentera dan perkhidmatan EMRS.


## 3.2.6. Gambar berkaitan.



## 3.3. Kajian peralatan baru melalui taklimat dan demonstrasi:

- 3.3.1. Bilangan Syarikat : 14
- 3.3.2. Bilangan produk : 17
- 3.3.3. Gambar berkaitan.





3.4. Pengurusan Inovasi:

3.4.1. Pertandingan Inovasi.

3.4.1.1. Tarikh. 15 & 16 Oktober 2017

3.4.1.2. Tempat. Grand Darul Makmur Hotel, Kuantan, Pahang

3.4.1.3. Juri.

Bil	Nama	Agensi
1.	PgKB I Mohd Zain bin Salleh	JBPM
2.	En Mohd Rashid bin Hussain	JBPM
3.	Dr Khairuddin bin Salleh	MOSTI
4.	En Burhanuddin bin mamat	MYIPO

3.4.1.4. Pemenang.

Kedudukan	Negeri	Kumpulan	Tajuk
Johan	Sabah	Marudu B	Garuda Hook
Naib Johan	Perak	Snail	Cervical collar
Ketiga	Kelantan	Ajyad	Detection system

3.4.1.5. Gambar berkaitan.



### 3.4.2. Anugerah Inovasi.

#### 3.4.2.1. Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2017, MPC

- Peringkat : MPC Peringkat Kebangsaan.
- Tarikh anugerah : 14-16 /11/2017
- Pencapaian : Emas 3 bintang.
- Tajuk inovasi : Operasi Menangani Tumpahan Minyak di Jalanraya
- Nama kumpulan : Permata P.G.
- Balai Bomba : Pasir Gudang.
- Negeri : Johor.
- Gambar berkaitan:



#### 3.4.2.2. Sambutan Hari Inovasi KPKT 2017.

- Peringkat : KPKT Peringkat Kebangsaan.
- Tarikh anugerah : 07/11/2017
- Pencapaian : Tempat Kedua Anugerah Inovasi Menteri KPKT.
- Tajuk inovasi : Propeller Boat Protection.
- Nama kumpulan : Matahari.
- Balai Bomba : Kota Bharu.
- Negeri : Kelantan.
- Gambar berkaitan.



#### 3.4.2.3. Sambutan Hari Inovasi KPKT 2017.

- Peringkat : KPKT Peringkat Kebangsaan.
- Tarikh anugerah : 07/11/2017
- Pencapaian : Tempat Ketiga Anugerah Inovasi Menteri KPKT.
- Tajuk inovasi : Prosix Power Hook
- Nama kumpulan : Progresif Dedikasi.
- Balai Bomba : Port Dickson.
- Negeri : Negeri Sembilan.
- Gambar berkaitan.





- 3.4.2.4. Sambutan Hari Inovasi KPKT 2017.
- Peringkat : KPKT Peringkat Kebangsaan.
  - Tarikh anugerah : 07/11/2017
  - Pencapaian : Naib Johan, Anugerah KIK Horizon Baharu KPKT (Teknikal).
  - Tajuk inovasi : Propeller Boat Protection
  - Nama kumpulan : Matahari.
  - Balai Bomba : Kota Bharu.
  - Negeri : Kelantan.
- 3.4.2.5. Sambutan Hari Inovasi KPKT Peringkat Kebangsaan.
- Tarikh anugerah : 07/11/2017
  - Pencapaian : Naib Johan, Anugerah KIK Horizon Baharu KPKT (Pengurusan).
  - Tajuk inovasi : Smart Information Board
  - Nama kumpulan : SAR.
  - Balai Bomba : Bahau.
  - Negeri : Negeri Sembilan.
  - Gambar berkaitan:



- 3.4.2.6. Sambutan Hari Inovasi KPKT 2017.
- Peringkat : KPKT Peringkat Kebangsaan.
  - Tarikh anugerah : 07/11/2017
  - Pencapaian : Ketua Kumpulan Terbaik, Anugerah KIK Horizon Baharu KPKT.
  - Nama : Mohd Izwan Md Said
  - Nama kumpulan : Kumpulan Pemikir 12 (KP12).
  - Balai Bomba : Telok Kemang.
  - Negeri : Negeri Sembilan.
- 3.4.2.7. Sambutan Hari Inovasi KPKT 2017.
- Peringkat : KPKT Peringkat Kebangsaan.
  - Tarikh anugerah : 07/11/2017
  - Pencapaian : Pameran Terbaik, Anugerah KIK Horizon Baharu KPKT
  - Nama kumpulan : Kumpulan SETIA IV.
  - Balai Bomba : JBPMN WP Labuan & Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional.
  - Negeri : WP Labuan.
- 3.4.2.8. Sambutan Hari Inovasi KPKT 2017.
- Peringkat : KPKT Peringkat Kebangsaan.
  - Tarikh anugerah : 07/11/2017
  - Pencapaian : Dokumen Terbaik, Anugerah KIK Horizon Baharu KPKT.
  - Nama kumpulan : Kumpulan Pemikir 12 (KP12).
  - Balai Bomba : Telok Kemang.
  - Negeri : Negeri Sembilan.

- 3.4.2.9. Konvensyen Team Excellent MPC Wilayah Selatan 2017.
- Peringkat : Wilayah Selatan
  - Tarikh anugerah : 30/10/ 2017
  - Pencapaian : Emas
  - Tajuk inovasi : JLB LPV Camera.
  - Nama kumpulan : JLB Team.
  - Balai Bomba : Jelebu.
  - Negeri : Negeri Sembilan.
  - Gambar berkaitan:



### 3.5. Kajian Customer Satisfaction Index (CSI) :

#### 3.5.1. Objektif Kajian.

Mengukur persepsi tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan utama yang telah diberikan oleh JBPM dalam tahun 2016.

#### 3.5.2. Skop Kajian.

Kajian ini memfokuskan kepada 2 perkhidmatan teras JBPM iaitu perkhidmatan operasi kebombaan dan keselamatan kebakaran. Responden adalah terdiri daripada pelanggan jabatan di seluruh negara sepanjang tahun 2016.

#### 3.5.3. Kaedah Kajian.







3.5.3.1. Pengumpulan data dilaksanakan melalui soal selidik yang dibuat ke atas sampel secara rawak mudah iaitu seramai 8500 responden di seluruh negara. Jumlah keseluruhan responden ini bertambah sebanyak 368 orang berbanding 8132 orang pada tahun 2015. Pengumpulan data kaedah rawak mudah ini mungkin terpengaruh dengan faktor response bias, namun ia adalah munasabah untuk mendapatkan maklum balas dari perspektif persepsi pelanggan.

3.5.3.2. Untuk memastikan setiap negeri diwakili dalam sampel, sebanyak 30% daripada jumlah tahunan maklum balas yang diperolehi di setiap negeri akan diambil sebagai sampel.

3.5.3.3. Terdapat sebanyak 26 item dalam borang soal selidik. Item-item tersebut terbahagi kepada 3 bahagian iaitu 6 item bagi soalan yang berkaitan biodata responden, 7 item bagi soalan berkaitan operasi kebakaran dan 13 item bagi soalan berkaitan keselamatan kebakaran. Setiap item diukur dengan menggunakan 5 skala likert iaitu Sangat Tidak Memuaskan (1 markah), Tidak Memuaskan (2 markah), Memuaskan (3 markah), Baik (4 markah) dan Sangat Baik (5 markah).



3.5.4. Penemuan Kajian.  
 3.5.4.1. Analisa Soalselidik



3.5.4.2. Tahap Kepuasan Pelanggan Bahagian Operasi:

BIL	SOALAN KAJIAN	SANGAT BAIK/ BAIK/ MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN/ KURANG MEMUASKAN
A	Jangkamasa tiba di tempat kejadian bagi operasi pemadaman dan penyelamat/khidmat khas	99.7%	0.3%
B	Kecekapan dan kemahiran anggota semasa operasi pemadaman dan penyelamatan/khidmat khas	99.9%	0.1%
C	Kelengkapan/peralatan melaksanakan tugas semasa operasi pemadaman dan penyelamatan/khidmat khas	99.9%	0.1%
D	Layanan komunikasi panggilan kecemasan (operator telefon)	99.7%	0.3%
E	Kesediaan menjawab panggilan komunikasi panggilan kecemasan (operator telefon)	98.8%	1.2%
F	Bantuan khidmat kebombaian bagi penyelenggaraan/pengawasan pili bomba	99%	1%
G	Bantuan khidmat kebombaian bagi peranan/khidmat Bomba Sukarela	95.9%	4.1%
	<b>Min</b>	<b>98.99%</b>	<b>1.01%</b>

## 3.5.4.3. Tahap Keuasan Pelanggan Bahagian Keselamatan Kebakaran

BIL	SOALAN KAJIAN	SANGAT BAIK/ BAIK/ MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN/ KURANG MEMUASKAN
A	Persekitaran kaunter	99%	1%
B	Tempoh masa menunggu bagi mendapatkan khidmat di kaunter	99.1%	0.9%
C	Layanan pegawai (kemesraan dan maklumat yang diberikan) semasa perkhidmatan di kaunter	99.3%	0.7%
D	Urusan melalui telefon di kaunter	99.1%	0.9%
E	Tempoh masa surat temu janji pemeriksaan	99.1%	0.9%
F	Komunikasi pegawai semasa pemeriksaan penguatkuasaan undang-undang	99.2%	0.8%
G	Khidmat nasihat semasa penguatkuasaan undang-undang	99.3%	0.7%
H	Jangkamasa mendapatkan perbincangan teknikal di kaunter	99.3%	0.7%
I	Syor/cadangan yang diberikan oleh pegawai semasa perbincangan teknikal	99.2%	0.8%
J	Kandungan informasi yang diberikan semasa Ceramah/Demonstrasi/ Pameran Kebombaan	99.2%	0.8%
K	Tahap kefahaman informasi semasa Ceramah/Demonstrasi/ Pameran Kebombaan	99.4%	0.6%
L	Tahap kesedaran kepada anda berkaitan dengan keselamatan kebakaran semasa Ceramah/Demonstrasi/Pameran Kebombaan	99.1%	0.9%
M	Kekerapan ceramah/demonstrasi/ pameran yang diadakan	99%	1%
	<b>Min</b>	<b>99.18%</b>	<b>0.82%</b>

## 3.5.4.4. Prestasi Indeks Mengikut Jenis Perkhidmatan:

Berdasarkan kepada hasil soal selidik, petunjuk min prestasi indeks keseluruhan bagi kajian yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

A	Perkhidmatan Operasi	98.99%
B	Perkhidmatan Keselamatan Kebakaran	99.18%
	<b>INDEKS KESELURUHAN</b>	<b>99.09%</b>



### 3.5.5. SYOR

- 3.5.5.1. Nilai peratusan ketidakpuasan hati pelanggan yang melebihi 1% perlu diberi perhatian untuk penambahbaikan.
- 3.5.5.2. Bagi Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat perkara yang perlu diberi perhatian ialah
- a. Bantuan khidmat kebombaan bagi penyelenggaraan / pengawasan pili bomba yang mendapat peratusan ketidakpuasan hati pelanggan sebanyak 1%. Jumlah ini adalah sama dengan jumlah ketidakpuasan pelanggan terhadap pengurusan pili bomba pada tahun 2015.
  - b. Manakala khidmat Bomba Sukarela pula mendapat peratusan ketidakpuasan hati pelanggan sebanyak 4.1%. Jumlah ini didapati semakin baik berbanding pada tahun 2015 yang mendapat sebanyak 7%.
  - c. Jabatan perlulah mempergiatkan lagi aktiviti pemantauan terhadap penyelenggaraan pili bomba disamping menggalakkan lebih ramai masyarakat menyertai program Teman Pili Bomba.
  - d. Selain itu, latihan dan aktiviti yang kerap serta mewujudkan lebih banyak pasukan bomba sukarela di kawasan-kawasan yang perlu di seluruh negara juga adalah penting.
- 3.5.5.3. Bagi Bahagian Keselamatan Kebakaran pula, perkara yang perlu diberi perhatian ialah
- a. Persekitaran kaunter perlu diberi perhatian. Ini kerana peratusan ketidakpuasan hati pelanggan ialah sebanyak 1%. Jumlah ini didapati bertambah baik berbanding pada tahun 2015 yang mendapat skor sebanyak 1.2%.
  - b. Bahagian Keselamatan Kebakaran perlu mengambil inisiatif untuk menambahbaik persekitaran kaunter perkhidmatan bagi memberi keselesaan yang wajar kepada para pelanggan.
  - c. Didapati sebanyak 1% responden kurang berpuas hati terhadap kekerapan ceramah dan demonstrasi yang dianjurkan oleh pihak jabatan. Oleh yang demikian, kekerapan ceramah dan demonstrasi perlulah dipertingkatkan lagi bagi memberi input dan kesedaran kepada masyarakat terhadap keselamatan kebakaran

### 3.5.6. RUMUSAN

- 3.5.6.1. Pencapaian indeks keseluruhan bagi tahun 2016 sebanyak 99.09% adalah satu pencapaian yang memberansangkan. Indeks keseluruhan ini berada dalam kategori sangat baik.
- 3.5.6.2. Walau bagaimanapun, pencapaian ini didapati merosot sedikit sebanyak 0.01% berbanding indeks keseluruhan kepuasan pelanggan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 99.1%. Walaupun pencapaian kepuasan pelanggan keseluruhan bagi tahun 2016 berada di tahap yang memberansangkan, namun nilai lebihan sebanyak 1% yang tidak berpuashati dengan perkhidmatan jabatan perlulah diberi perhatian.
- 3.5.6.3. Jika dilihat dari setiap item soalan yang dikaji, mana-mana nilai ketidakpuasan pelanggan yang melebihi 1% perlulah diberi perhatian untuk peluang penambahbaikan pada masa akan datang.



### 3.6. Pengurusan Bank Halon:

- 3.6.1. Penerimaan gas Halon (kg):
  - 3.6.1.1. Halon 1301: 880.00
  - 3.6.1.2. Halon 1211: 00.00
- 3.6.2. Pemprosesan gas Halon (kg):
  - 3.6.2.1. Halon 1301: 1,450.00
  - 3.6.2.2. Halon 1211: 5,511.00
- 3.6.3. Penjualan gas Halon (kg):
  - 3.6.3.1. Halon 1301: 100.00
  - 3.6.3.2. Halon 1211: 00.00

### 3.7. Kursus Anjuran PUSPEK:

- 3.7.1. Dalam tahun 2017, PUSPEK telah menganjurkan 4 kursus dalaman.
- 3.7.2. Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran berkenaan peralatan yang terdapat di PUSPEK.
- 3.7.3. Kursus ini dihadiri oleh pegawai PUSPEK dan pegawai bahagian lain.
- 3.7.4. Kursus tersebut telah diadakan di PUSPEK.
- 3.7.5. Kursus ini terdiri dari teori dan amali.
- 3.7.6. Kursus yang dianjurkan oleh PUSPEK adalah sebagaimana berikut:
  - 3.7.6.1. Kursus FTIR-NIR : 22-24/11/2017
  - 3.7.6.2. Kursus Indicative Furnace : 6-28/11/2017
  - 3.7.6.3. Kursus Research And Data Cleansing (Course on Introduction of Textile Materials and Evaluation) : 21-25/08/2018
  - 3.7.6.4. Latihan Flash Point Tester Open Cup and Close Cup, Oxygen Index Flammability Tester and 45 Deg flammability Tester : 4 dan 5 Januari 2017.
- 3.7.7. Gambar berkaitan.







### 3.8. MOU:

- 3.8.1. Nama MOU:  
Memorandum Persefahaman (MOU) Antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Dengan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- 3.8.2. Nama agensi terlibat.  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 3.8.3. Tujuan MOU.  
Membuat kajian Bersama JBPM (PUSPEK) - UKM " Prototaip Segmen Terowong Konkrit  
Kekuatan Tinggi Rintang Api Nano Silika dengan Abu Terbang ".
- 3.8.4. Gambar berkaitan.



# BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

## PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memastikan semua penyiasatan kebakaran dan penyediaan kertas siasatan pelanggaran kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan:

- Melengkapkan kertas penyiasatan kebakaran dalam tempoh empat belas (14) hari selepas penyiasatan kebakaran dimulakan.
- Menyiapkan kertas siasatan pelanggaran kesalahan berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh aduan diterima.

## FUNGSI

### 1. Cawangan Penyiasatan Kebakaran

- Menyediakan dasar dan Perintah Tetap Ketua Pengarah berkaitan pelaksanaan penyiasatan kebakaran.
- Menyediakan Perintah Tetap Ketua Pengarah berkaitan dengan pengambil milik premis dan harta benda di bawah seksyen 46 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Menyediakan prosedur pengumpulan sampel dan data-data sebagai bahan-bahan bukti.
- Menyediakan prosedur soal-siasat saksi berdasarkan seksyen 42 dan 43 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Mengkaji teknik-teknik sains forensik dalam penyiasatan kebakaran
- Mengkaji keperluan perundangan untuk melaksanakan penyiasatan.
- Menjalankan penyiasatan kebakaran bagi kes besar dan mempunyai kepentingan negara serta yang melibatkan bangunan kerajaan.
- Menjadi saksi pakar di mahkamah.
- Menyediakan panduan dan prosedur penganalisaan sampel di makmal.
- Menganalisa hasil-hasil siasatan untuk dijadikan dasar dan prosedur bagi sesuatu industri dan JBPM

### 2. Cawangan Pendakwaan Kebombaan

- Menyediakan dasar dan Perintah Tetap Ketua Pengarah pendakwaan yang berkesan.
- Mengkaji keperluan perundangan dalam pendakwaan.
- Menjalankan penyiasatan bagi kes pelanggaran Akta menurut kuasa di bawah seksyen 38, 39, 41, 42 dan 43 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Menjalankan pendakwaan kes di mahkamah.
- Menjalankan pengkompaunan kesalahan.
- Penerbitan Jurnal Kes Pendakwaan.

### 3. Cawangan Perundangan Kebombaan

- Membuat kajian keperluan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan undang-undang subsidiari.
- Menyemak dan menyediakan draf pindaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Menyemak dan menyediakan draf peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.
- Memberi khidmat nasihat dari segi perundangan berkaitan Akta dan undang-undang subsidiari di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988.



## PROGRAM BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

### 1.0 Majlis Perhimpunan Bulanan Bagi Tahun 2017

Majlis Perhimpunan Bulanan Peringkat Ibu Pejabat JBPM telah berjaya dianjurkan oleh Bahagian penyiasatan Kebakaran pada 27 Oktober 2017. Majlis ini diadakan bertujuan menyampaikan maklumat dan perkembangan terkini jabatan kepada seluruh warga Ibu Pejabat JBPM. Majlis ini telah dilaksanakan di Dewan Sutera Ibu Pejabat JBPM Putrajaya dan dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan jabatan serta seluruh anggota warga kerja Ibu Pejabat JBPM.

Perhimpunan pada kali ini juga telah diadakan satu Majlis Menandatangani Ikrar Bebas rasuah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dengan Kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Pada Majlis ini juga telah diadakan lafaz ikrar bebas rasuah yang diketuai oleh YAS Dato' Sri Haji Wan Mohd Nor bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan dalam Majlis Perhimpunan Bulanan



Ucapan oleh YAS Ketua Pengarah



Majlis Sambutan Hari Lahir

### 2.0 Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran Dan Pegawai Makmal Bil. 1 / 2017

Mesyuarat Penolong-penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal Bilangan 1/2017 telah diadakan pada 23 hingga 26 Julai 2017 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang.

Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh YAS Dato' Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JBPM. Dalam mesyuarat tersebut, beberapa perkara telah dibincangkan termasuk pencapaian bagi tahun 2016 dan perancangan Bahagian Penyiasatan Kebakaran bagi tahun 2017. Perkara-perkara berkaitan penyiasatan serta menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil dalam merealisasikan peranan Penyiasatan Kebakaran turut dibincangkan. Ini penting agar apa yang dirancang dan ditetapkan di peringkat Ibu Pejabat dapat disampaikan kepada semua Penolong-Penolong Pengarah Negeri.



Perasmian oleh YAS Dato' Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah Operasi



Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri Bahagian Penyiasatan Kebakaran dan Pegawai Makmal



Sesi bergambar bersama YAS Timbalan Ketua Pengarah Operasi

### 3.0 Kursus Arson Investigation di International Law Enforcement Academy (ILEA), Bangkok, Thailand

Pada 09 September hingga 20 Oktober 2017, Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah menghantar dua orang pegawai kanan iaitu PgKB II Mazwan bin Kamisan dan PgKB II Azlan bin Rahmat bagi mengikuti kursus Arson Investigation di International Law Enforcement Academy (ILEA), Bangkok, Thailand.

Kursus ini merupakan kursus yang telah dikhususkan kepada pegawai-pegawai penguatkuasa peringkat pertengahan, pegawai-pegawai penyiasat dan pegawai-pegawai yang lain. Kursus ini memfokuskan kepada topik-topik yang penting kepada pegawai penyiasat seperti *fire dynamic*, *fire scene investigation*, *building construction* dan *safety and health*.



Sesi Praktikal



Sesi Taklimat oleh Tenaga Pengajar kepada peserta Kursus



Sesi bergambar bersama tenaga pengajar dan peserta kursus

### 4.0 Program Naziran ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran Negeri-Negeri

Sebuah organisasi yang cemerlang sentiasa mempunyai asas yang kukuh dari akar umbinya. Peranan dalam merealisasikan aspirasi jabatan perlu didokong sepenuhnya dari peringkat negeri hingga ke peringkat tertinggi jabatan. Justeru, bagi memastikan pegawai-pegawai negeri dapat melaksanakan penyiasatan kebakaran, penyediaan kertas siasatan dan pendakwaan di mahkamah secara berkesan mengikut prosedur yang ditetapkan serta dapat menepati sasaran Jabatan, pegawai-pegawai dari Bahagian Penyiasatan Kebakaran Ibu Pejabat telah melaksanakan program naziran di negeri-negeri. Penilaian markah juga dilakukan bagi menentukan Bahagian Penyiasatan Kebakaran terbaik bagi sambutan Hari Inovasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Tahun 2017. Kesempatan ini turut memberi peluang kepada pegawai-pegawai di negeri untuk bertemu dan berkongsi pendapat dengan pegawai-pegawai dari ibu pejabat dalam pelbagai aspek berkaitan tugas yang dijalankan serta menaikkan semangat



Naziran di Cawangan Pendakwaan



Pemeriksaan Peralatan Penyiasatan Kebakaran



### 5.0 Kursus Sains Forensik kepada Pelajar Universiti Sains Malaysia

Pada 26 hingga 30 November 2017, telah diadakan Kursus Penyiasatan Kebakaran kepada pelajar Sains Forensik USM di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Wakaf Tapai, Terengganu. Kursus ini telah dihadiri seramai 44 orang pelajar. Sekali lagi pegawai dari Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah dijemput menjadi tenaga pengajar kepada pelajar tersebut. YS PKP Bahagian Penyiasatan Kebakaran turut dijemput memberi ceramah kepada pelajar-pelajar tersebut. Sesi simulasi kebakaran juga turut diadakan kepada para pelajar yang merupakan sebahagian dari silibus kursus tersebut.



Sesi YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran Menyampaikan Ceramah kepada Pelajar USM



Sesi Praktikal Penyiasatan Kebakaran oleh Pelajar Sains Forensik USM



Sesi bergambar Pelajar USM

### 6.0 Pertandingan Debat Sempena Sambutan Hari Inovasi JBPM 2017

Pada 15 & 16 Oktober 2017, telah diadakan pertandingan debat peringkat separuh akhir dan akhir yang diadakan di Hotel Grand Darul Makmur Kuantan, Pahang. Pasukan dari negeri Perlis, Terengganu, Johor dan Sarawak telah berjaya melayakkan diri ke peringkat separuh akhir pertandingan debat setelah peringkat kumpulan diadakan. Pasukan dari Negeri Perlis telah dinobatkan sebagai Juara Pertandingan Debat pada edisi tahun 2017 manakala pasukan dari Negeri Terengganu selaku naib juara. Pasukan dari Negeri Johor dan Negeri Sarawak berkongsi kedudukan di tempat ketiga.



Johan Debat Hari Inovasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2017



Naib Johan Debat Hari Inovasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2017



Peserta Debat Hari Inovasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia 2017 Peringkat Akhir



## 7.0 Penyiasatan Kebakaran Bagi Kes Kebakaran Besar (Major Fire)

### 7.1 Kebakaran Kapal KD Jebat di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lumut, Perak

Pada 02 Jun 2017, telah berlaku satu kebakaran Kapal Perang Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), KD Jebat di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia, Lumut, Perak. Kapal ini telah dilancarkan sebagai KD Jebat pada 27 Mei 1995 dan telah mendapat pentauliahian pada 20 November 1999. KD Jebat telah digunakan oleh pihak Tentera Laut Di Raja Malaysia dengan nombor pennant F29 yang berpangkalan di TLDM Lumut, Perak. Kejadian ini didapati berlaku pada jam 3.15 pagi, ketika sedang dalam proses penyediaan makanan untuk bersahur. Pasukan Penyiasat dari Ibu Pejabat yang diketuai oleh YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, PKPjB Edwin Galan Teruki, pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran dari Ibu pejabat dan JBPM Negeri Perak telah melakukan penyiasatan bagi kes kebakaran ini.



Sesi Taklimat bersama Pegawai Kanan Tentera Laut



Keadaan Kebakaran Kapal KD Jebat

### 7.2 Kebakaran Pusat Tahfiz Darul-Quran Ittifaqiyah, Jalan Keramat Hujung, Kampung Datuk Keramat 54000 Kuala Lumpur.

Kredibiliti Penyiasatan Kebakaran JBPM telah diuji lagi dengan kejadian kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang telah mengorbankan 21 orang pelajar dan 2 orang tenaga pengajar. Kejadian ini didapati berlaku pada jam 5.25 pagi, 14 September 2017, ketika pelajar tahfiz dan tenaga pengajar tersebut sedang tidur di dalam asrama. Kebakaran ini telah disiasat oleh pasukan penyiasatan kebakaran daripada Ibu Pejabat, JBPM yang diketuai oleh YS Penolong Ketua Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran, PKPjB Edwin Galan Teruki dan pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran dari Ibu pejabat dan JBPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Keadaan Kebakaran  
Pusat Tahfiz Darul-Quran Ittifaqiyah



Pasukan Penyiasatan Kebakaran  
sedang menjalankan penyiasatan



## PENCAPAIAN BAHAGIAN PENYIASATAN KEBAKARAN

Sepanjang tahun 2017 Bahagian Penyiasatan Kebakaran telah berjaya menyasat 5,552 kes kebakaran struktur dan 2,507 kes kenderaan. Jika dibandingkan dengan tahun 2016, jumlah penyiasatan kes kebakaran menunjukkan penurunan sebanyak 799 kes. Hal ini adalah disebabkan oleh jumlah bilangan kes kebakaran bagi tahun 2017 mencatatkan penurunan jika dibandingkan dengan tahun 2016. Bahagian Penyiasatan Kebakaran juga telah berjaya mencatatkan kadar pengenalpastian punca kebakaran sebanyak 99.79%. Pengalaman dan ilmu pengetahuan yang tinggi dalam bidang penyiasatan kebakaran telah membantu dan memberi impak positif kepada jabatan dalam usaha untuk mengurangkan bilangan kes kebakaran punca yang tidak dapat dipastikan di samping penggunaan peralatan yang lebih sofistikated semasa penyiasatan kebakaran dijalankan.

Dalam pelaksanaan kes pendakwaan di mahkamah, sebanyak 222 kes telahpun didaftarkan di mahkamah di sepanjang tahun 2017. Dari jumlah tersebut sebanyak 195 pertuduhan telah disabitkan kesalahan dengan aman yang dikutip sebanyak Rm497,400. Walaupun bilangan pertuduhan yang disabit dengan kesalahan bagi tahun 2017 menunjukkan penurunan jika dibandingkan dengan tahun 2016, namun peratusan pertuduhan daripada bilangan kes yang didaftarkan di mahkamah menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4%. Ini menunjukkan kredibiliti pegawai pendakwaan dalam siasatan kes pelanggaran di bawah Akta 341 telah meningkat.

Bagi menjamin tahap profesionalisme pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran, Jabatan telah mewujudkan satu makmal elektrik yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan yang canggih bagi menjalankan ujian atau analisa sampel kebakaran yang berkaitan dengan elektrik. Jabatan juga telah menghantar pegawai-pegawai berkursus ke Bangkok di dalam bidang penyiasatan kebakaran yang dikendalikan oleh tenaga pakar dari ATF dan NIST. Dua orang pegawai telah dihantar menghadiri kursus ini disepanjang tahun 2017 bagi memberi pendedahan berguna berkaitan dengan pelaksanaan penyiasatan kebakaran khususnya di rantau Asia Pasifik.

Seterusnya pegawai-pegawai penyiasatan kebakaran juga telah bertindak sebagai saksi-saksi pakar dan telah berjaya memberi keterangan saksi pakar di mahkamah bagi kes-kes civil dan jenayah.

## KESIMPULAN

Bahagian Penyiasatan Kebakaran sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran pegawai serta membekalkan mereka dengan peralatan canggih, supaya pegawai penyiasat Jabatan ini dapat berdiri sebaris dengan pakar-pakar forensik kebakaran di persada antarabangsa.

Sejajar dengan hasrat Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi yang berprestasi tinggi, kemahiran pegawai penyiasat ditingkatkan dengan menghantar mereka untuk menghadiri pelbagai aktiviti seperti seminar dan kursus yang diadakan di luar negara.

Selain itu, program kolaborasi atau penyelidikan yang dijalankan bersama institusi pendidikan awam dilihat mampu untuk melahirkan ramai pakar dalam bidang forensik kebakaran di negara ini pada masa akan datang.

Usaha serta langkah proaktif dalam penyiasatan kebakaran yang melibatkan kes-kes kebakaran besar telah memberi impak positif dengan penemuan-penemuan yang boleh dijadikan pengajaran pada pihak yang terlibat.

Pemahaman masyarakat terhadap bahaya kebakaran perlu diberi perhatian terutamanya dalam aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran. Masyarakat perlu didedahkan dengan lebih jelas faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kebakaran serta langkah-langkah pencegahan supaya risiko kebakaran dapat dikurangkan.

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN

## OBJEKTIF BAHAGIAN

- Melaksanakan pembangunan prasarana kebombaian secara bersepadu dan strategik di seluruh negara
- Mempertingkatkan keupayaan jentera dan peralatan kebombaian mengikut perubahan teknologi terkini.
- Mewujudkan budaya penyelenggaraan yang berterusan dan mampan ke atas bangunan balai, kuarters, bengkel, jentera, peralatan, pili bomba, sistem komunikasi dan sebagainya di seluruh Negara.


## PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memastikan pengurusan perancangan pembangunan, perolehan dan pembayaran dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan:

1. Merancang, memantau dan memastikan pembangunan balai bomba dan lain-lain kemudahan disediakan dalam tempoh 30 bulan selepas diluluskan agensi pusat.
2. Menguruskan bayaran bil kepada pembekal dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.
3. Mengesahkan dokumen projek yang diterima daripada pihak perunding/kontraktor dalam tempoh 1 hari.
4. Memantau dan mengemaskini Sistem Pemantauan Projek(SPP II) di bawah Unit Pelaksanaan Projek (ICU), Jabatan Perdana Menteri supaya sentiasa berstatus 100% dikemaskini.

## CARTA ORGANISASI







## AKTIVITI BAHAGIAN PEMBANGUNAN 2017

1. Majlis Menandatangani Perjanjian (MoU) Penswastaan bagi Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Mukim Cheng, Melaka pada 4 Disember 2017



2. Majlis Penyerahan Balai Bomba dan Kwarters Beluran, Sabah pada 29 Oktober 2017



3. Majlis Perasmian Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Hitam, Johor oleh YB Menteri pada 15 Mei 2017



# BAHAGIAN KEJURUTERAAN JENTERA

## OBJEKTIF DAN FUNGSI

- \* Untuk memastikan peralatan dan jentera Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia berfungsi dengan baik, berekonomi, selamat dan dikemaskini bagi memberi perkhidmatan kebombaam yang berkesan.
- \* Mengurus, menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan, jentera dan peralatan kebombaam berenjin
- \* Menyediakan perkhidmatan pembangunan, latihan dan kajian Bahagian Kejuruteraan Jentera merangkumi kemudahan woksyp, peralatan woksyp, latihan kakitangan dan sistem penyelenggaraan pelbagai jentera dan peralatan kebombaam berenjin.
- \* Merangka, menyelaras dan melaksana aktiviti-aktiviti penyelenggaraan pencegahan kerosakan (preventive maintenance) bagi pelbagai kenderaan, jentera dan peralatan Bomba
- \* Memberi khidmat nasihat dan kajian teknikal dalam hal-hal pembelian kenderaan utiliti, jentera dan peralatan Bomba.

## PIAGAM PELANGGAN

1. Kami berjanji program penyelenggaraan servis berkala Kenderaan Bomba dan Peralatan Kebombaam Berenjin dijalankan sekurang-kurangnya seperti ketetapan berikut:-

Bil.	Kategori	Program Penyelenggaraan Berkala
1	Jentera Bomba	2 kali setahun
2	Kenderaan Khas	2 kali setahun
3	Kenderaan Utiliti	3 kali setahun
4	Kenderaan Marin	2 kali setahun
5	Peralatan Kebombaam Berenjin	2 kali setahun



2. Kami berjanji kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan akan disediakan seperti ketetapan berikut:-

Bil.	Kategori	Kriteria
1	Penyelenggaraan Pembaikan Kecil	<b>Tempoh:</b> 1 hari hingga 7 hari  <b>Kos:</b> Kurang RM 5,000.00
2	Penyelenggaraan Pembaikan Sederhana	<b>Tempoh:</b> 2 minggu hingga 4 minggu  <b>Kos:</b> RM 5,000.00 - RM 20,000.00
3	Penyelenggaraan Pembaikan Besar	<b>Tempoh:</b> 3 bulan hingga 6 bulan  <b>Kos:</b> RM 20,000.00 ke atas

3. Kami berjanji memproses permohonan pesanan kerajaan dalam tempoh 7 hari bekerja ke Bahagian Kewangan selepas menerima dokumen yang lengkap.

## AKTIVITI TAHUNAN BAHAGIAN KEJURUTERAAN JENTERA

17.10.2017 : Mesyuarat Penyelarasan Pembaikan TTL



25.05.2017 : Kursus Hybrid Mercedes Benz di Wisma Mercedes, Kiara





06-17.11.2017 : Kursus Asas Mekanik



09.12.2017 : Perhimpunan Bulanan Anjuran Bahagian Kejuruteraan Jentera



31.08.2017 : Persediaan Jentera Antik dan Jawatankuasa Perarakan semasa Hari Bomba 2017



Mesyuarat Ketua Bahagian Kejuruteraan Bil. 1/2017





06.11.2017- 17.11.2017 : Kursus Maintenance Ariel Ladder Platform



26.11.2017 : Pemeriksaan dan Penerimaan Alat ganti Turn Table Ladder (TTL)



22.11.2017 : Audit Pembaharuan Persijilan 5S di Pusat Kejuruteraan Jentera



30.12.2017 : Pengujian dan Penerimaan Teknikal bagi Perolehan Kenderaan Unit Pengesan K9



# BAHAGIAN UDARA

## MISI

Melaksanakan operasi kebombaan melalui udara secara strategik, cepat dan berkesan demi menyelamatkan nyawa, harta benda dan alam sekitar

## OBJEKTIF

Menyediakan perkhidmatan udara untuk melaksanakan misi-misi kebombaan.

## PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk memastikan perkhidmatan udara berkaitan penyelamatan dan kebakaran dilaksanakan dengan cekap.

Dengan itu kami berjanji akan:

- Menyediakan perkhidmatan udara pada sebarang masa.
- Meminimumkan kerosakan harta benda dan kemusnahan alam sekitar.
- Memberikan perkhidmatan paramedik (bantuan dan sokongan) untuk mengurangkan risiko kematian kepada mangsa
- Menyalurkan khidmat kemasyarakatan secara cekap dan professional

Majlis perhimpunan bulanan untuk bulan Julai 2017 yang bertemakan "GO GREEN" dianjurkan oleh Bahagian Udara JBPM dan telah disempurnakan oleh YAS Datuk Wira Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim.





Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima dua buah pesawat jenis AW189 dalam membantu dan memantapkan lagi operasi Jabatan



Latihan bersama pengurusan perkhidmatan penyelamatan udara MAEReT yang telah dianjurkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang diadakan di FRAM Wakaf Tapai, Terengganu. Jabatan jabatan yang terlibat adalah KKM, APMM, ATM dan Jabatan Bomba sendiri.



**Date:** 1/3/2017

**Aktiviti :** Lawatan sambil belajar di Kumpulan Media Karang kraf bertempat di Seksyen 15, Shah Alam. Satu pendedahan ilmu yang sangat tidak ternilai. Jika hari ini kita hanya tahu membaca, dan sekarang kita tahu bagaimana senaskhah buku itu dihasilkan. Sesungguhnya kami amat berterima kasih kepada Kumpulan Media Karang kraf Sdn Bhd kerana sudi menerima lawatan dari pihak kami dengan layanan yang sangat mesra dan penuh dengan input yang berguna



**Date:** 2/6/2017

**Callsign :** BOMBA 534

**Operasi :** Penerbangan medevac bagi mengambil seorang pesakit kanak-kanak yang demam panas, cirit birit dan muntah-muntah selama 3 hari di Kampung Sungai Kelab, Gua Musang.

Krew AW 139 PUJBPM Bertam telah ditugaskan untuk melaksanakan operasi tersebut telah membawa pesakit ke BBP Gua Musang bagi menerima rawatan lanjut.





**Date: 3/2/2017**

**Callsign : BOMBA 509**

**Operasi:** Penerbangan medevac di Pos Belatim bagi mengambil seorang wanita warga orang asli berusia 23 tahun yang mengalami panas badan, pening kepala dan lelah serta tiada selera makan selama 3 hari.

Krew AW 139 PUJBPM Bertam yang telah ditugaskan untuk melaksanakan operasi tersebut telah bertindak dengan menghantar pesakit terbabit ke Hospita Gua Musang bagi menerima rawatan lanjut.



**Date: 4-8/9/2017**

Latihan pengukuhan payung terjun Bomba dan Paskal di Airstrip. Seramai 10 orang penerjun dari BOMBA dan 21 orang dari PASKAL.



**Date: 6/6/2017**

**Callsign : BOMBA 536**

**Operasi:** Penerbangan medevac bagi mengambil seorang pesakit wanita berusia 26 tahun yang demam panas dan muntah-muntah sakit selama 10 hari di Pos Simpoh, Gua Musang.

Krew AW 139 PUJBPM Bertam telah ditugaskan untuk melaksanakan operasi tersebut telah membawa pesakit ke BBP Gua Musang bagi menerima rawatan lanjut.







**Date:** 9/1/2017

**Callsign :** BOMBA 502

**Operasi:** Penerbangan medevac bagi mengambil seorang lelaki warga orang asli berumur 52 tahun yang mengalami demam panas, menggigil seluruh anggota badan dan muntah-muntah di Kg Huk.

Krew AW 139 PUJBPM Bertam telah ditugaskan untuk melaksanakan operasi tersebut telah membawa pesakit ke Hospital Gua Musang bagi menerima rawatan lanjut.



**Date:** 26/1/2017

**Operasi:** Krew MI-171 yang berpangkalan di Miri, Sarawak telah ditugaskan untuk melakukan penghantaran bekalan makanan ke sekitar Kg Pitas yang telah terputus hubungan melalui jalan darat akibat banjir yang berlaku di kawasan tersebut.

**BANTUAN MENGHANTAR UNIT K9 KE TANJUNG BUNGAH, P. PINANG**

1 x Pesawat M1 17 ditugaskan utk melakukan penghantaran unit K9 seramai 5 orang(+5 ekor anjing) bersama Tn Edwin kelokasi kejadian tanah runtuh di Tanjung Bungah, P.Pinang yang dikhuatiri menimbus beberapa mangsa pekerja binaan perumahan ditereng bukit tersebut.



**27 Mei 2017**

Lawatan daripada Fire Rescue And Civil Defense Department of Bangladesh seramai 50 orang.



# BAHAGIAN PENGURUSAN KORPORAT

## VISI

Untuk menjadi penggerak kecemerlangan tadbir urus korporat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang berkesan dan dinamik.

## MISI

Komited untuk menginstitusi, memperkukuhkan budaya dan sistem korporat yang dihormati melalui pengurusan data dan maklumat yang berkesan.

## OBJEKTIF

Untuk memastikan semua perkara berhubung dengan pengurusan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diurus dengan baik dan terancang melalui penyelarasan aktiviti-aktiviti bahagian-bahagian untuk mengekalkan persefahaman dengan pelanggan Jabatan dalam pelbagai bidang di peringkat nasional dan antarabangsa.

## FUNGSI

Bahagian Pengurusan Korporat dan Perhubungan Awam terbahagi kepada 5 unit iaitu Unit Perancangan Dasar, Unit Komunikasi Korporat, Unit Inspektorat, Unit Kebajikan Pekerja dan Unit Pengurusan Kualiti dan Inovasi.



## Unit Perancangan Dasar

- Merancang dan mengkaji Pelan Strategik Jabatan.
- Merancang ketetapan dasar sejajar dengan perundangan dan peraturan yang ada.
- Menerajui, merancang dan penggubalan dasar-dasar baru berhubung dengan teras Jabatan.
- Mengkaji dan menganalisa isu-isu kebombaan dan keberkesanan dasar berasaskan kepada penanda aras.
- Memberi khidmat nasihat dan perundingan dalam aspek perancangan dan penggubalan dasar-dasar berhubung dengan teras Jabatan.
- Mengenalpasti dan menganalisa isu-isu semasa dalam negara dan antarabangsa yang memberi kesan kepada perkhidmatan kebombaan.
- Menilai dan menyelaras keberkesanan pelaksanaan program di setiap bahagian supaya sejajar dengan penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Perancangan Kerja Tahunan (RKT) Jabatan / Kementerian.
- Menyelaraskan urusan parlimen di peringkat jabatan.
- Bertindak sebagai urusetia di peringkat Jabatan bagi mesyuarat-mesyuarat berkaitan dasar di peringkat Kementerian.

## Unit Komunikasi Korporat

- Merancang dan mengurus secara berkala perhubungan media dan publisiti.
- Merancang, melaksana dan menganalisa program-program utama, sosial dan keagamaan Jabatan.
- Merancang peningkatan kerjasama Jabatan dalam kegiatan-kegiatan antarabangsa.
- Merancang penyertaan Jabatan dalam mesyuarat-mesyuarat dan konvensyen-konvensyen peringkat antarabangsa.
- Mengurus dan menyediakan khidmat kaunter pelanggan.
- Mengurus dan menyelaras perkara-perkara berkaitan dengan pengaduan awam serta menyediakan khidmat meningkatkan keberkesanan dasar/program.
- Merancang dan menguruskan protokol lawatan.
- Menguruskan penerbitan jurnal/laporan/tahunan/buletin/buku.
- Menyelaraskan maklumat-maklumat laman sesawang Jabatan.

## Unit Inspektorat

- Menganalisa pelaksanaan Akta 341 dan peraturan-peraturannya serta perundangan yang berkaitan.
- Menganalisa pematuhan terhadap dasar/arahan/garis panduan yang dikeluarkan.
- Merancang, menyasihat dan menyediakan laporan mengenai sesuatu aduan.
- Menganalisa tahap kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dan mencadangkan penambahbaikan.
- Menganalisa sistem penyampaian perkhidmatan kebombaan bagi tujuan penarafan bintang (Sistem Star Rating).

## Unit Pengurusan Kualiti Dan Inovasi

- Merancang dan menyediakan dasar dan objektif kualiti JBPM yang terkini.
- Merancang dan mengurus :
  - Jawatankuasa Pemandu Inovasi Jabatan
  - Jawatankuasa Pemandu Kualiti Jabatan
  - Jawatankuasa Pemandu KPI Jabatan
- Merancang dan menyelaras pelaksanaan dokumentasi MS ISO 9001:2008 JBPM yang terkini.
- Merancang dan mengurus pengauditan dalaman MS ISO JBPM.
- Merancang dan menguruskan program-program penambahbaikan Sistem Kualiti JBPM.
- Menganalisa pelaksanaan program inovasi sebagai wacana terkini.
- Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

## Unit Kebajikan Pekerja

- Merancang dan menyelaraskan aktiviti Jabatan seperti berikut :
  - Majlis Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan Jabatan
  - Persatuan Kebajikan Bomba
  - Persatuan Suri Anggota Wanita Bomba dan Penyelamat (PERISMA)
  - Persatuan Veteran Bomba
  - Kesatuan Pekerja Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Menganalisa keperluan persatuan dan kesatuan.
- Menjadi urusetia kepada semua persatuan dan kesatuan.
- Menguruskan mesyuarat-mesyuarat berkala.
- Urusetia Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

## PIAGAM PELANGGAN

Komitmen kami adalah untuk menyampaikan dan menghebahkan maklumat-maklumat lengkap berhubung dengan aktiviti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada masyarakat secara berkesan dan profesional.

Dengan itu kami berjanji akan:

- Sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat perhubungan awam dengan cekap dan berkesan serta memberikan kepuasan kepada pelanggan.
- Memastikan dan menentukan aspek-aspek perhubungan awam dilaksanakan dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab.
- Membantu Jabatan dalam menjaga, mengendalikan dan meningkatkan perhubungan dengan sektor awam, swasta dan dalam Jabatan sendiri.
- Memastikan proses pengendalian aduan pelanggan Jabatan disiasat dan diambil tindakan dalam tempoh yang telah ditetapkan seperti berikut:
  - i. Aduan Kategori Mudah  
≤ 5 hari bekerja selepas maklumat lengkap diperolehi.
  - ii. Aduan Kategori Sederhana  
≤ 15 hari bekerja selepas maklumat lengkap diperolehi.
  - iii. Aduan Kategori Kompleks  
≤ 15 hari bekerja, maklum balas awal.  
≤ 365 hari selepas maklumat lengkap, penyelesaian diperolehi.



## MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL.1/2017 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

23 hingga 24 Januari 2017 – YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mempengerusikan Mesyuarat Pengarah-Pengarah Bomba Negeri Bil.1/2017 JBPM. Mesyuarat tersebut telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat JBPM pada 23 hingga 24 Januari 2017.

Turut hadir ialah YAS Dato' Hj. Soiman bin Jahid, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Penolong-Penolong Ketua Pengarah serta semua Pengarah-Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri.

Antara agenda mesyuarat ialah membincangkan isu-isu daripada negeri-negeri, bertukar pendapat mengenai penyelesaian masalah mengenai pengoperasian serta program-program utama jabatan yang akan diadakan dalam masa yang terdekat.



# CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

## OBJEKTIF


Bertanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan ICT yang lengkap dan mantap yang dapat membantu Jabatan menjalankan tugas dan fungsi-fungsinya dengan cekap dan berkesan.

## FUNGSI

Merancang, membangun, mengurus dan memantau:

- Strategi-strategi dan dasar ICT Jabatan
- Rangkaian Local Area Network (LAN) dan Wide Area Network (WAN) JBPM
- Sistem aplikasi
- Laman web rasmi JBPM
- E-mel rasmi JBPM
- Perolehan ICT
- Operasi harian dan keselamatan pusat data
- Keselamatan ICT
- Penyelenggaraan ICT
- Bantuan teknikal dan khidmat nasihat berkaitan ICT kepada pengguna
- Program latihan dan pembudayaan ICT secara berterusan

**CARTA ORGANISASI CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**





## PENGISIAN PERJAWATAN PEGAWAI IT JBPM NEGERI-NEGERI

Bil	Negeri	F32	F29	FT17
1	Perlis	-	1	-
2	Kedah	1	-	-
3	Pulau Pinang	1	-	-
4	Perak	1	-	-
5	Selangor	1	-	1
6	WP Kuala Lumpur	1	-	-
7	Negeri Sembilan	-	1	-
8	Melaka	-	1	-
9	Johor	1	-	1
10	Pahang	1	-	-
11	Terengganu	-	1	-
12	Kelantan	-	1	-
13	Sabah	1	-	-
14	Sarawak	1	-	-
15	WP Labuan	-	1	-
16	WP Putrajaya	-	1	-
17	ABPM Wakaf Tapai	1	-	1
18	ABPM KKB	-	1	-
<b>Jumlah</b>		<b>10</b>	<b>8</b>	<b>3</b>

## SENARAI MESYUARAT 2017

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JBPM Bagi Tahun 2017

- Mesyuarat JPICT JBPM Bil 1/2017 pada 8 Mac 2017
- Mesyuarat JPICT JBPM Bil 2/2017 pada 15 Ogos 2017

## MAKMAL LATIHAN ICT

Makmal Latihan ICT telah mula digunakan pada Jun 2015. Buat masa ini, ianya boleh memuatkan seramai 20 orang peserta. Berikut adalah jadual penggunaan makmal tersebut pada tahun 2017:

Bil	Nama Kursus	Anjuran	Tarikh
1	Kursus SPA dan SPS	JBPM Negeri Sembilan	14-16 Feb 2017
2	Kursus Tuntutan Perjalanan Pegawai Perkhidmatan Awam	Cawangan Pengurusan Kewangan, Ibu Pejabat JBPM	17-18 Feb 2017
3	Sesi Konsultasi Tatacara Penggunaan TM Smartmap	Bahagian Pengurusan Korporat	28 Mac 2017
4	Lab Mengunci Masuk Secara Atas Talian Bagi Kerangka Keberhasilan Dan Cadangan Anggaran Belanja Mengurus Bagi Tahun 2018	Cawangan Pengurusan Kewangan, Ibu Pejabat JBPM	30-31 Mac 2017
5	Kursus Pembangunan Aplikasi Mobile : Cordova + Ajax Tahap 1	Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat JBPM	18-20 Apr 2017
6	Mesyuarat Pelarasan dan Semakan Data Smartmap	Bahagian Pembangunan	16 Mei 2017
7	Taklimat Unit Bekalan	Cawangan Pengurusan Kewangan, Ibu Pejabat JBPM	1 Jun 2017

Bil	Nama Kursus	Anjuran	Tarikh
8	Bengkel HRMIS	Cawangan Sumber Manusia, Ibu Pejabat JBPM	11-21 Sept 2017
9	Kursus Adobe Indesign	Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat JBPM	25-27 Sept 2017
10	Kursus Rekabentuk Grafik (Adobe Premiere)	Cawangan Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat JBPM	24-26 Okt 2017
11	Kursus Chem Data	Bahagian Latihan	2 Nov 2017
12	Mesyuarat Pengurusan Fail Meja	Cawangan Sumber Manusia, Ibu Pejabat JBPM	13-14 Nov 2017
13	Bengkel SPA	Unit Pengurusan Aset	22-24 Nov 2017

## LATIHAN DAN KURSUS ICT

Pada tahun 2017 Cawangan Teknologi Maklumat telah berjaya menganjurkan latihan dan kursus teknikal berkaitan ICT bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran personel IT di Jabatan. Senarai kursus dan latihan yang telah dianjurkan oleh Cawangan Teknologi Maklumat adalah seperti berikut :

1. Kursus Pembangunan Aplikasi Mobile : Cordova + Ajax Tahap 1 pada 18 hingga 20 April 2017 di Makmal Latihan ICT, Ibu Pejabat JBPM.
2. Kursus Adobe Indesign pada 25 hingga 27 September 2017 di Ibu Pejabat JBPM , Terengganu.
3. Kursus Rekabentuk Grafik (Adobe Premiere) pada 24 hingga 26 Oktober 2017 di Makmal Latihan ICT, Ibu Pejabat JBPM.

## PENGGUNAAN RANGKAIAN 1Gov\*Net

JBPM telah menggunakan talian Wide Area Network (WAN) 1Gov\*Net sejak tahun 2011. Sehingga 31 Disember 2017, sejumlah 295 buah lokasi atau premis Jabatan telah dipasangkan dengan talian 1Gov\*Net ini.

Dengan menggunakan talian 1Gov\*Net, capaian kepada aplikasi-aplikasi e-Kerajaan, aplikasi dalaman agensi dan internet adalah lebih selamat dan diyakini melalui kualiti perkhidmatan yang diuruskan secara berpusat oleh MAMPU.

Dari semasa ke semasa sepanjang tahun 2017, JBPM telah berusaha memohon untuk menaiktaraf kelajuan bandwidth bagi lokasi-lokasi yang mempunyai tahap penggunaan yang tinggi dan bilangan pengguna yang ramai. Bagaimanapun, kelulusan dan pelaksanaan naiktaraf ini adalah bergantung kepada pertimbangan pihak MAMPU.

Bilangan lokasi JBPM mengikut kelajuan bandwidth talian 1Gov\*Net adalah seperti berikut:

Bil	Kelajuan	Kuantiti (Lokasi)	Catatan
1	20Mbps	2	ABPM Wakaf Tapai ABPM Kuala Kubu Bharu
2	10Mbps	6	Ibu Pejabat JBPM Ibu Pejabat JBPM Negeri Kedah Ibu Pejabat JBPM Negeri Pulau Pinang Ibu Pejabat JBPM Negeri Selangor ABPM Negeri Sabah ABPM Kuching
3	8Mbps	1	JBPM Putrajaya
4	6Mbps	104	
5	2Mbps	180	
6	1Mbps	2	BBP Tenom BBP Kudat





## PERKHIDMATAN E-MEL 1GovUC

JBPM telah menggunakan perkhidmatan e-mel rasmi 1GovUC sejak 1 November 2013. Sehingga akhir Disember 2017, terdapat sejumlah 2,373 bilangan akaun e-mel yang telah diwujudkan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan Jabatan. Dari semasa ke semasa, pemantauan dan semakan dilakukan oleh Jabatan bagi mengenalpasti akaun-akaun yang tidak aktif dan boleh dihapuskan bagi menyokong langkah penjimatan oleh Kerajaan kerana ianya berkonsep 'Pay Per User'. 1GovUC adalah sebahagian daripada perkhidmatan sistem cloud kerajaan yang diletakkan di dalam Pusat Data Sektor Awam yang menggunakan perkhidmatan rangkaian 1Gov\*Net.



## PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH JBPM – iBOMBA



Aplikasi mudah alih iBOMBA diwujudkan bagi memudahkan orang ramai untuk membuat aduan berhubung keselamatan kebakaran seperti pintu rintangan api yang terhalang atau dikunci. Selain menjadi platform aduan, iBomba turut memaparkan tips keselamatan kebakaran dan cara mencegahnya.

Objektif pembangunan aplikasi ini adalah bagi meningkatkan mutu perkhidmatan Jabatan kepada rakyat melalui saluran yang mudah iaitu menggunakan aplikasi mudah alih. Orang awam mempunyai alternatif yang pelbagai untuk mendapat informasi terkini berkenaan Jabatan. Aplikasi berkenaan ini turut membolehkan pemantauan aduan yang dibuat boleh dilaksanakan dengan lebih komprehensif menggunakan fungsi dashboard yang dibangunkan. Ianya dilihat seiring dengan teknologi terkini yang menggunakan maklumat di hujung jari.

Aplikasi ini mula dibangunkan pada bulan November 2017 dan boleh dimuat turun ke telefon pintar android melalui Google Play Store.

Antara menu-menu yang terdapat dalam iBOMBA adalah seperti berikut :

- Login
- Pendaftaran
- Carta Organisasi
- Direktori
- Info Terkini
- Cadangan Penambahbaikan
- Aduan dan Maklumbalas



- Pautan Media Sosial
- Tips Keselamatan
- Statistik
- Sejarah Aduan dan Cadangan
- Profil

### SEWAAN PENCETAK A3

Pada tahun ini, Cawangan Teknologi Maklumat telah membuat perolehan bagi perkhidmatan penyewaan 3 Unit Mesin Pencetak secara lease to own di Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi tempoh setahun. Perolehan mula diiklan pada 20 Mac 2017 dan penghantaran kesemua pencetak ini telah selesai dilakukan pada 11 Mei 2017. Syarikat yang berjaya dalam sebutharga adalah GB Information Station Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM40,888.80. Model pencetak yang dibekalkan adalah Pencetak A3 Warna Fuji Xerox Docuprint C5005D.

### SISTEM MyAPPS

Sistem MyAPPS telah dibangunkan sebagai memenuhi keperluan Jabatan dimana ia mengandungi aplikasi / sistem yang dibangunkan secara inhouse dan outsource yang boleh dicapai dengan satu log masuk (single sign on).

Penyelenggaraan bagi aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam sistem MyApps telah dilaksanakan dari semasa ke semasa sepanjang tahun 2017. Berikut merupakan aplikasi-aplikasi yang terdapat dalam MyApps:



#### Sistem

- Profil Pengguna
- MyRecord
- Direktori Kakitangan JBPM
- Profil Organisasi JBPM
- eProfil Balai
- eLog Operasi
- Sistem Pelaporan Insiden (SPI)
- Sistem Pelaporan Penyiasatan Kebakaran
- eLog Latihan
- Sistem Pengurusan Pili Bomba (SPPB)
- Sistem Aduan & Teman Pili Bomba
- Sistem Maklumat Sambung Belajar
- ePasukan Bomba Sukarela
- ePasukan Bomba Bantuan
- ePasukan Khas Bomba
- eDokumen
- Individual Physical Proficiency Test (IPPT)
- Sistem Pematuhan DKICT
- eKebajikan
- eAduan Kerosakan Perkakasan ICT
- Kod Rasmi JBPM
- Muat Turun Perisian

### PELAKSANAAN SISTEM ePERTUKARAN

Sistem ini dibangunkan khusus untuk mengurus pertukaran pegawai-pegawai beruniform Jabatan sahaja. Pelaksanaan sistem ini bermula pada 1 Julai 2017. Buat permulaan, sistem ini digunakan bagi permohonan pertukaran pegawai gred KB19 yang sudah berkhidmat selama 3 tahun di tempat bertugas semasa. Sistem ini boleh diakses melalui url <http://app2.bomba.gov.my/epertukaran>. Pemilik sistem ini adalah Cawangan Sumber Manusia, Ibu Pejabat JBPM.



## TENDER SEWAAN PERKAKASAN ICT

Pada tahun ini, satu perolehan bagi Perkhidmatan Penyewaan Perkakasan ICT telah dilaksanakan secara tender. Kelulusan JPICT KPKT telah diperolehi pada 26 April 2017 dan iklan tender dibuka pada 2 Mei 2017. Mesyuarat Lembaga Perolehan 'B' KPKT telah bersidang pada 14 September 2017 dan syarikat yang berjaya adalah Syarikat Redajaya Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM5,120,520.80 (termasuk GST). Ia melibatkan perolehan bagi semua JBPM Negeri dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sewaan selama tiga tahun ini melibatkan 695 unit komputer, 60 unit komputer riba, 70 unit projektor dan 103 unit pencetak A4 Warna. Sewaan akan berakhir pada 30 November 2020.

## SEBUTHARGA ANTIVIRUS

Pada tahun ini juga, satu perolehan bagi Perkhidmatan Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji dan Mentauliah Perisian Antivirus telah dilaksanakan secara Sebutharga. Lesen antivirus sebanyak 3000 unit ini adalah untuk digunapakai di seluruh JBPM Negeri, Zon, Balai-balai serta Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tempoh lesen adalah selama tiga tahun dan akan berakhir pada 30 Disember 2020. Syarikat pembekal adalah Novatis Resources Sdn. Bhd. dengan kos sebanyak RM435,000.00 (tidak termasuk GST).

## PENGURUSAN LAMAN WEB JABATAN



Melalui penilaian Provider-Based Evaluation (ProBE) kategori Web & Portal Kerajaan 2016 yang dikeluarkan pada tahun 2017 oleh pihak Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), laman Web Jabatan telah mendapat pengiktirafan sebanyak empat bintang.

Laman web Jabatan yang baharu telah dimuatnaik pada 4 Disember 2017 yang memaparkan fungsian yang lebih dinamik disamping antaramuka yang lebih menarik bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan dan makluman Jabatan kepada orang awam.

# UNIT INTEGRITI

## 1 UNIT INTEGRITI

Penubuhan Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah berdasarkan kepada PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2013 - PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM. Tujuan Pekeliling Perkhidmatan tersebut adalah untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

Ke arah ini, Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini diharapkan akan dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah memperakukan penubuhan Unit Integriti melalui surat rujukan JPA. BPO(S)253/2/5-3Jld.60(65) bertarikh 30 Oktober 2013. Manakalan Kementerian Kewangan melalui surat rujukan: KK/BPB(19.00)/202/1/2-1JD.19s.k(6)(3) bth 14 November 2013 telah bersetuju untuk meluluskan perakuan penubuhan tersebut dengan Waran Perjawatan Bil. 224 Tahun 2013 bertarikh 14 November 2013. Dengan itu Unit Disiplin Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah dimansuhkan.

### 1.1 PIAGAM PELANGGAN


Komitmen kami adalah untuk memberi perkhidmatan berikut kepada semua lapisan masyarakat dengan cekap dan berkesan.

Dengan itu kami berjanji akan :

- Memberi Maklum Balas Terima Aduan kepada pengadu dalam masa 3 hari daripada tarikh terima aduan;
- Menyelesaikan aduan bertaraf mudah dalam masa 5 hari bekerja;
- Menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan susulan ke atas setiap aduan peringkat sederhana yang diterima dalam masa 14 hari bekerja;
- Menjalankan siasatan dan mengesyorkan tindakan susulan ke atas setiap aduan bertaraf kompleks yang diterima dalam masa 365 hari.



1.2 CARTA ORGANISASI UNIT INTEGRITI adalah seperti berikut :



RINGKASAN PERJAWATAN	GRED	PENGISIAN
<b>PENGUASA BOMBA</b> (Penolong Pesuruhjaya Bomba)	KB52	1
<b>PENGUASA BOMBA</b> (Penguasa Kanan Bomba I)	KB48	0
<b>PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK</b>	M48	1
<b>PENGUASA BOMBA</b> (Penguasa kanan Bomba II)	KB44	2
<b>PEN. PENGUASA BOMBA</b> (Penolong Kanan Penguasa Bomba)	KB32	1
<b>PEN. PEGAWAI TADBIR KANAN</b>	N32	1
<b>PEN. PEGAWAI TADBIR</b>	N27	0
<b>PEMBANTU TADBIR (P/O)</b>	N17	2
<b>JUMLAH</b>		<b>8</b>

### 1.3 FUNGSI

Penubuhan Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

**(i). Menyelaras Program Pengukuhan Integriti Jabatan**

Melaksanakan kegiatan penggalakan, penerapan dan penghayatan serta pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika untuk membangunkan anggota dalam jabatan yang mempunyai daya tahan yang tinggi, beretika dan berintegriti. Pembudayaan dan penerapan nilai-nilai murni dan kod etika perlu disepadukan dalam pelaksanaan dasar, perundangan, peraturan serta sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan untuk mengekang warga kerja daripada melakukan sebarang bentuk perlakuan negatif.

**(ii). Menyelaras Program Pengurusan Aduan**

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi; Melaksanakan kajian analisis dan mengemukakan laporan berkaitan dengan aduan yang telah diselesaikan.

**(iii). Menyelaraskan Program Tadbir Urus**

Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan; Membuat peraturan-peraturan baru atau panduan-panduan berkaitan dengan Tadbir Urus. Menentukan semua penjawat awam dalam jabatan semua peringkat melaksanakan tanggungjawabnya secara telus, berakuntabiliti dan berhemat dari segi pengambilan keputusan dan penyampaian hasil. Objektif tadbir urus adalah bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan jabatan untuk melaksanakan dasar yang telah dimandatkan.

"Tadbir urus merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Eksekutif/Ketua Jabatan dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemat dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (stakeholders) dan proses di mana agensi awam diurus/diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui".

(Tan Sri Mohd. Sidek Hj. Hassan, 2007)

**(iii). Menyelaraskan Program Pematuhan**

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;

**(iv). Menyelaraskan Program Pengesanan, Pengesanan**

Mengesan dan mengesahkan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil. Melaporkan salah laku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;

**(v). Menyelaraskan Program Pengurusan Tatatertib**

Melaksanakan fungsi pengurusan tatatertib. Melaksanakan kajian analisis ke atas data-data kes tatatertib untuk mengenalpasti isu, trend bagi cadangan penambahbaikan dan mengambil tindakan pencegahan dan pembedahan dengan segera berdasarkan peruntukan undang-undang dan peraturan sedia ada.



## 2 PROGRAM DAN AKTIVITI TAHUNAN

### 2.1. FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI

Integriti adalah satu elemen yang penting dan sangat ditekankan di dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sepanjang tahun 2017, Unit Integriti telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memastikan setiap pegawai di dalam JBPM khususnya dan penjawat awam dapat menghayati penerapan sikap berintegriti secara konsisten dan berterusan. Forum Pemerksaan Integriti anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah diiktiraf sebagai suatu wacana tabdir urus yang baik (good governance) oleh pihak Kementerian. Di antara aktiviti yang dijalankan semasa forum berlangsung termasuklah perbincangan ilmiah dan soal balas serta pameran integriti antaranya oleh badan penguatkuasa seperti SPRM, JKDM, JPM, JPJ, KKM, AKPK dan PDRM.

Bil.	Tajuk Program	Tarikh/Tempat	Jumlah Peserta
1.	Forum Pemerksaan Integriti Siri 1/2017 Peringkat Zon Tengah	31 Julai 2017 / Auditorium, Jabatan Penerangan Negeri Perak.	350 orang
2.	Forum Pemerksaan Integriti Siri 2/2017 Peringkat Zon Borneo	28 Ogos / Auditorium, Institut Tadbiran Awam Negara(INTAN), Kuching, Sarawak.	350 orang
3.	Forum Pemerksaan Integriti Siri 3/2017 Peringkat Zon Selatan	21 September 2017 / Dewan Taming Sari, Kerajaan Negeri Melaka.	350 orang
4.	Forum Pemerksaan Integriti Siri 4/2017 Peringkat Zon Timur	25 Oktober 2017 / Auditorium Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur, Terengganu	350 orang

Program Forum Pemerksaan Integriti ini merupakan satu inisiatif oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk meningkatkan kefahaman nilai murni dalam perkhidmatan awam dan memantapkan integriti sebagai penjawat awam.

Melalui aktiviti yang dijalankan, kesedaran dipupuk kepada penjawat awam untuk menghindari perbuatan rasuah, membina suasana kerja yang bebas dari korupsi dan menyedarkan peserta kepada kesan-kesan buruk sikap tidak berintegriti kepada Negara selaras dengan visi Unit Integriti iaitu memperkasakan INTEGRITI dan TADBIR URUS di kalangan penjawat awam dalam merealisasikan Organisasi Kebombaan dan Penyelamatan yang berprestasi tinggi.



Forum Pemerksaan Integriti Siri 1/2017 Peringkat Zon Tengah di Perak



Forum Pemeraksanaan Integriti Siri 2/2017  
Peringkat Zon Borneo di Sarawak



Forum Pemeraksanaan Integriti Siri 3/2017  
Peringkat Zon Selatan di Melaka



Forum Pemeraksanaan Integriti Siri 4/2017  
Peringkat Zon Timur di FRAM Wilayah Timur Terengganu

## 2.2. EXECUTIVE TALK

Bagi memperkasakan lagi integriti di kalangan warga jabatan sendiri, Unit Integriti juga telah berjaya menganjurkan dua siri program *Executive Talk*. Siri pertama telah berjaya dianjurkan pada 23.03.2017 dan siri kedua pada 06.11.2017. Kedua-dua program tersebut telah dilangsungkan di Dewan Galleria, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Siri pertama ceramah disampaikan oleh YBhg. Prof. Khaeruddin bin Sudharmin dari Senior Research Fellow, School of Management, AeU Panel Penasihat & Profesor Adjung OYAGSB UUM, yang bertajuk Integriti Pemacu Organisasi Berprestasi Tinggi. Siri kedua telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Yusof bin Din, Pengarah, Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM), Jabatan Perdana Menteri, yang bertajuk Integriti Dalam Menangani Isu-Isu Semasa.







### 2.3. MESYUARAT URUSETIA LEMBAGA TATATERTIB

Mesyuarat ini telah diadakan pada 13 Januari 2016, dimana YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim selaku Pengerusi Lembaga Tatatertib Jabatan serta Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dapat berjumpa dan meluangkan masa dengan semua Urus Setia Lembaga Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri.

Perjumpaan ini dijadikan platform sebagai wadah dan wacana separa formal untuk peningkatan kefahaman dan pelaksanaan integriti dan tatatertib dalam Jabatan. Pengerusi mesyuarat menyatakan hasrat agar setiap Urus Setia Lembaga Tatatertib dapat memastikan pengurusan kes-kes tatatertib dalam Jabatan lancar dan meminimakan kesilapan prosedur tatatertib dan memastikan hala tuju Jabatan sebagai satu Jabatan yang berprestasi tinggi tercapai. Melaksanakan penekanan dan perhatian serius turut perlu dititikberatkan oleh urus setia di peringkat negeri terutamanya dalam perkara melibatkan tatacara perolehan dan pengurusan aset.



### 2.4. NAZIRAN PEMATUHAN INTEGRITI DAN TATATERTIB

Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib (NPITT) telah diadakan, bertujuan untuk melihat pematuhan terhadap prosiding dan prosedur tatatertib yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam serta peraturan-peraturan dalaman Jabatan yang sedang berkuatkuasa. Negeri-negeri yang terlibat adalah JBPM Perlis, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak dan Putrajaya.

Naziran ini juga dijalankan untuk mendidik, menunjuk ajar dan merundingkan cara pendekatan terbaik yang boleh diambil oleh setiap negeri yang telah dipilih. Laporan ini turut dipanjangkan kepada YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi tujuan pemakluman, komen dan teguran dari semasa ke semasa terhadap proses dan prosiding tatatertib di JBPM Negeri dan seluruh Jabatan.



## 2.5. BENGKEL TACARA RISIKAN DAN SIASATAN

Bagi memantapkan lagi pengetahuan Kor Siasatan Integriti (KSI) di dalam penyediaan kertas siasatan, Unit Integriti telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Tatabara Risikan dan Siasatan khusus bagi KSI, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Bengkel yang dilaksanakan pada 2 - 3 Oktober 2017 bertempat di Dewan Galeria, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Selain berperanan sebagai platform percambahan minda, ahli KSI turut didedahkan oleh tenaga pengajar dengan peraturan dan prosedur berhubung pengurusan kertas siasatan dan tatabara risikan yang perlu difahami dengan sebaik-baiknya oleh pegawai penyiasat. Bengkel ini juga telah dapat membantu pegawai penyiasat dalam mengenal pasti isu-isu berkaitan dengan pelanggaran tatabartib dan integriti.

Tenaga pengajar bagi bengkel ini telah dijemput khas dari Institut Wasatiyyah Malaysia, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Tahniah diucapkan kepada Tuan Haji Mohamad Fadzil bin Omar Baki, PgKB I Ismail bin Yasin dan PgKB II Aswadi bin Hj. Ismail diatas input yang disampaikan. Syabas juga kepada semua peserta yang telah memberikan komitmen di dalam bengkel ini.

## 2.6. BENGKEL INTEGRITI DAN TATATERTIB URUSETIA LEMBAGA TATATERTIB

Bagi memastikan urusan tatabartib dapat dibuat dengan cepat, tepat dan berkesan serta mengikut prosedur yang ditetapkan, Bengkel Integriti dan Tatabartib Urus Setia Lembaga Tatabartib di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur telah diadakan pada 27 hingga 29 Mac 2017 dimana seramai 40 orang *desk officer* tatabartib dan urus setia tatabartib dari semua JBPM Negeri telah terlibat.

Para peserta telah didedahkan dengan penyediaan dokumen-dokumen tatabartib dan dokumen sokongan yang diperlukan bagi melicinkan urusan tatabartib dan pelaksanaan hukuman di Jabatan.

Penceramah bagi bengkel ini adalah Encik Norazmi bin Mohd Narawi, Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Ilyani binti Md Razak, Ketua Penolong Pengarah, Urus Setia Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Encik Mohamad Nawwar Faiq bin Mohamad Noh, Penolong Setiausaha Bahagian Naik Pangkat dan Tatabartib, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Antara tajuk ceramah yang disampaikan adalah, Lembaga Rayuan Tatabartib Perkhidmatan Awam, Kelaziman Pengurusan Tatabartib. Peranan dan Fungsi Urusertia Lembaga Tatabartib dan Pengerusi Tatabartib.





## 2.7. PROGRAM LAWATAN DAN PEMERIKSAAN MENGEJUT BALAI

Pemeriksaan mengejut/berkala ke balai-balai JBPM merupakan salah satu daripada aktiviti utama Unit Integriti. Antara tujuan utama pelaksanaan aktiviti ini adalah untuk membuat pemantauan pematuhan disiplin dan tatasusila pegawai bomba serta membuat cadangan penambahbaikan bagi memastikan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan kebomba dan penyelamatan kepada masyarakat/pelanggan.

Sepanjang tahun 2017, Unit Integriti telah melaksanakan melaksanakan 20 pemeriksaan balai iaitu:-

- (a) BBP Wakaf Tapai, Terengganu – 27 Mac 2017
- (b) BBP Kuala Berang, Terengganu - 28 Mac 2017
- (c) BBP Marang, Terengganu – 29 Mac 2017
- (d) BBP Kuala Dungun, Terengganu – 30 Mac 2017
- (e) BBP Kemaman, Terengganu – 30 Mac 2017
- (f) BBP Temerloh, Pahang – 31 Mac 2017
- (g) BBP Karak, Pahang – 31 Mac 2017
- (h) BBP Sungai Siput, Perak – 2 Mei 2017
- (i) BBP Kuala Kangsar, Perak – 3 Mei 2017
- (j) BBP Tapah, Perak – 4 Mei 2017
- (k) BBP Pontian, Johor – 15 Ogos 2017
- (l) BBP Serian, Sarawak – 24 Ogos 2017
- (m) BBP Tuaran, Sabah – 28 November 2017
- (n) BBP Kota Belud, Sabah – 28 November 2017
- (o) BBP Ranau, Sabah – 29 November 2017
- (p) BBP Simbulan, Sabah – 29 November 2017
- (q) BBP Kajang, Selangor – 4 Disember 2017
- (r) BBP Senawang, Negeri Sembilan – Disember 2017
- (s) BBP Port Dickson, Negeri Sembilan – Disember 2017
- (t) BBP Teluk Kemang, Negeri Sembilan – Disember 2017



Antara elemen-elemen yang terkandung dalam aktiviti pemeriksaan ini adalah membuat ujian panggilan kecemasan supaya mematuhi MS ISO 9001 : 2008 Perkara 4.27 – Pengukuran 60 saat adalah dikira daripada terima panggilan hingga jentera keluar dari Bay Jentera. Manakala perkara-perkara yang terkandung dalam semakan semasa pemeriksaan meliputi panggilan baris, personaliti pegawai, keadaan jentera dan kenderaan utiliti, keadaan balai dan kuarters, kawasan balai, bilik bersedia anggota, bilik makan, bilik rehat, bilik sembahyang / surau, bilik kawalan / awasan dan bay jentera.

## 2.8. PEMANTAUAN PELAKSANAAN SARINGAN AIR KENCING

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menetapkan pelaksanaan saringan air kencing sebanyak 2 kali setahun iaitu secara berjadual dan secara mengejut. Tujuan program ini diadakan adalah bagi memastikan tiada warga Jabatan yang terlibat dengan gejala dadah serta menjadikan Jabatan Bebas Dadah. Sepanjang tahun 2017 seramai 1,545 pegawai jabatan telah melaksanakan saringan air kencing di seluruh negara dimana daripada jumlah berkenaan didapati bahawa 4 orang pegawai didapati positif dan sampel urin telah dihantar ke Makmal Patologi untuk pengesahan. Pegawai akan dirujuk kepada Pegawai Perubatan Kerajaan sekiranya sekiranya laporan makmal menunjukkan keputusan positif.



Bagi peringkat Ibu Pejabat, JBPM Putrajaya, Unit integriti dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah mengadakan Program Saringan Ujian Air Kencing secara mengejut kepada 83 orang pegawai Ibu Pejabat yang gagal mengikuti saringan pertama yang diadakan sebelum ini. Dalam program tersebut Unit Integriti dan AADK telah melaksanakan program ceramah kepada pegawai-pegawai tersebut, yang bertajuk "Sayangi Diri Anda". Program ini merupakan kesinambungan saringan air kencing yang dilaksanakan sebelum ini. Di samping itu, pada 13 Jun 2017 saringan air kencing dilaksanakan terhadap 2 orang pegawai daripada Bahagian Kejuruteraan yang pernah didapati positif pada saringan yang diadakan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun saringan tersebut didapati negatif. Saringan air kencing secara rawak juga di buat terhadap seorang pegawai dari Bahagian Kejuruteraan dan didapati positif, walau bagaimanapun hasil daripada ujian yang dibuat oleh Jabatan Patologi mendapati bahawa sampel tersebut negatif.

## 2.9. PEMANTAUAN KETERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS

Keterhutangan kewangan yang serius mengikut Peraturan 13(1) 'Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa cara-apa cara menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius'. P.U. (A) 395/1993

Dalam Peraturan 13(7) dinyatakan bahawa ungkapan "keterhutangan kewangan yang serius" ertinya keadaan keterhutangan seseorang pegawai yang setelah diambil kira amaun hutang yang ditanggung olehnya, telah sebenarnya menyebabkan kesusahan kewangan yang serius kepadanya.

Sehubungan itu Unit Integriti sentiasa memantau mana-mana pegawai yang terlibat dalam masalah keterhutangan kewangan yang serius selari dengan hasrat Kementerian yang sentiasa mengambil berat tentang isu ini.

Mana-mana pegawai yang didapati terlibat dalam masalah ini akan dipantau sehingga mereka bebas dari belunggu keterhutangan. Pegawai akan diminta merujuk secara individu dengan pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi membantu menyelesaikan masalah ini.



## 2.10. MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)

Pemantapan sistem pengurusan kerajaan telah dipertingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bagi menggantikan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU) melalui Arahan YAB Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2014 menggantikan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009.

Sehubungan dengan itu Unit Integriti selaku penggerak utama dalam memastikan pelaksanaan arahan ini, dan bertanggungjawab selaku urus setia jawatankuasa ini diperingkat Kementerian dan jabatan.

Pada tahun 2017 Unit Integriti telah bertanggungjawab melaksanakan Mesyuarat JITU Peringkat Jabatan pada 2 Mac, 11 Ogos dan 6 November. Dalam Mesyuarat tersebut beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh JBPM Negeri dan Bahagian untuk diperbincangkan di peringkat pengurusan tertinggi jabatan berdasarkan 6 terma yang terdapat dalam JITU.

Selain itu diperingkat Kementerian Mesyuarat Jawatankuasa Kerja kepada JITU yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KSU, mesyuarat telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu 11 April 2017, 5 Oktober dan 28 November 2017.

Manakala Mesyuarat JITU Peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh YB Menteri KPKT telah diadakan pada 15 Mac 2017, 11 Ogos dan 10 November 2017 dimana isu yang dibincangkan adalah berdasarkan penemuan Laporan Ketua Audit Negara. Antara isu jabatan yang diberi perhatian serius oleh pengerusi dalam mesyuarat tersebut adalah berkenaan keterhutangan kewangan serius dikalangan pegawai jabatan.

## 2.11. PROGRAM KEMPEN ANTI RASUAH “SPRM DAN MASYARAKAT”

Bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan satu Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 5 Jun 2017.



Dalam program tersebut, YBhg. Datuk Zulkifli Ahmad, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bersama dengan rombongannya telah disambut oleh YAS Datuk Wira Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Pengurusan Tertinggi JBPM. Antara aturcara yang berlangsung adalah ucapan dari YBhg KP SPRM sempena kempen “SPRM dan Masyarakat” dan disusuli ucapan balas YAS Ketua Pengarah JBPM serta agihan poster kempen anti rasuah “SPRM dan Masyarakat”. Acara agihan bubur lambuk turut diadakan yang disampaikan YBhg. KP SPRM kepada Pengurusan Tertinggi JBPM. Majlis seterusnya diakhiri dengan sesi bergambar KP SPRM bersama-sama delegasi dengan Pengurusan Tertinggi JBPM.

## 2.12. IKRAR BEBAS RASUAH JBPM

Pada 27 Oktober 2017 (Jumaat), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah melafazkan dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bagi memastikan pegawai dan kakitangannya tidak mengambil, menyokong tindakan rasuah atau salah guna kuasa. YAS Dato' Sri Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim telah mengetuai dalam melafazkan Ikrar Bebas Rasuah yang telah disaksikan oleh Dato' Hj Abdul Samat bin Kasah Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS).

Ikrar Bebas Rasuah ini telah diadakan bersempena dengan Majlis Perhimpunan Bulanan yang dihoskan oleh Bahagian Penyiasatan Kebakaran. Majlis telah dihadiri oleh semua Penolong-Penolong Ketua Pengarah Bahagian dan Pengarah Bahagian serta pegawai dan kakitangan termasuklah JBPM Putrajaya.



Objektif program IBR adalah untuk:

- Menjadi peringatan kepada individu agar menjauhi rasuah
- Jaminan pimpinan organisasi kepada warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah
- Komitmen individu dalam pembanterasan rasuah.
- Bukti bahawa organisasi telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah



### IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) (Corruption Free Pledge) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bahawa saya adalah dengan sesungguhnya dan suci hati berikrar sepanjang saya dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,;

- i. Saya akan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- ii. Saya akan membenci dan menolak sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam mencegah sebarang perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;
- iii. Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- iv. Saya akan memastikan kakitangan di bawah seliaan saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa jua urusan berkaitan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
- v. Saya akan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan seberapa segera, sebarang bentuk perlakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau kakitangan di bawah seliaan saya.



### 3 STATISTIK DAN ANALISA

#### 3.1. STATISTIK TATATERTIB


Sepanjang tahun 2017, Lembaga-lembaga Tatatertib Jabatan di peringkat ibu pejabat dan negeri telah bersidang sebanyak 47 kali, menyelesaikan sebanyak 108 kes melibatkan berbagai kesalahan dan pelanggaran tatatertib. Sebanyak 43 daripada kes tersebut adalah kes-kes yang dikendalikan oleh Ibupejabat JBPM dimana 21 pegawai telah dibuang kerja manakala 65 kes lagi telah kendalikan di peringkat JBPM negeri seperti yang ditunjukkan dibawah:

Statistik Kes Tatatertib Yang Telah Selesai Pada Tahun 2017				
Bil.	Peringkat	2015	2016	2017
1	Ibu Pejabat JBPM	70 (32 Buang Kerja)	58 (44 Buang Kerja)	43 (21 Buang Kerja)
2	JBPM Negeri	45	50	65
Jumlah		115	108	108

Penurunan kadar hukuman buang kerja terhadap pegawai yang melakukan kesalahan tatatertib menunjukkan keberkesanan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) yang dilaksanakan. Penglibatan pegawai Penyelia dalam membendung permasalahan dari peringkat awal menunjukkan pelanggaran tatatertib yang serius berkurangan terutamanya kes tidak hadir bertugas, penyalahgunaan dadah serta memalsukan sijil cuti sakit.

#### 3.2. STATISTIK ADUAN

Graf 1 : Jumlah Aduan Bagi Tahun 2017 Mengikut Saluran Aduan



Sepanjang tahun 2017, Unit Integriti telah menerima sebanyak 48 aduan integriti berbanding 47 aduan pada tahun 2016 menunjukkan penurunan sebanyak 1%. Pelbagai saluran aduan yang diterima termasuklah melalui emel, media sosial, surat rasmi, surat layang, telefon, melalui pegawai JBPM dan agensi lain seperti KPKT, SPRM, dan BPA. Aduan yang diterima melalui surat layang dan agensi lain mencatatkan bilangan tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 13 kes, diikuti aduan melalui emel sebanyak 10 kes, melalui media sosial seperti Facebook, Twitter, Whatsapp sebanyak 5 kes, melalui pegawai JBPM 3 dan melalui telefon dan surat rasmi masing-masing 2 kes

Kebanyakan aduan integriti yang diterima adalah berkaitan dengan isu salah laku pegawai awam menurut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993. Selain daripada itu, terdapat juga aduan yang berkaitan tuduhan rasuah, salah guna kuasa serta pelanggaran prosedur kerja.

### 3.2.1 JUMLAH KESELURUHAN ADUAN 2015 DAN 2016

Hasil daripada inisiatif-inisiatif pembudayaan, pengukuhan dan pemerkasaan integriti yang dijalankan oleh Unit Integriti JBPM, indeks jumlah aduan pada tahun 2017 telah meningkat sebanyak 17% kepada 48 kes berbanding 40 kes pada tahun 2015.

Trend peningkatan aduan integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dari tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti Jadual berikut:

Jenis Saluran	2015	2016	2017
	Jumlah Kes	Jumlah Kes	Jumlah Kes
Emel	12	3	10
Internet	3	5	5
Surat Rasmi	8	11	2
Surat Layang	6	14	13
Telefon	4	3	2
Pegawai JBPM	7	3	3
Agensi Lain (SPRM/BPA/KPKT)	-	8	13
<b>JUMLAH</b>	<b>40</b>	<b>47</b>	<b>48</b>

Data 1 – Data jumlah keseluruhan aduan 2015 dan 2017

Peningkatan ini menunjukkan bahawa kefahaman masyarakat terhadap isu-isu yang melibatkan pelanggaran tatatertib semakin meningkat. Keyakinan untuk menyalurkan aduan yang tepat kepada Unit Integriti bagi mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap isu yang diketengahkan.






## 4 PENCAPAIAN DAN PERBANDINGAN TAHUNAN

### 4.1. PENERBITAN JURNAL TATATERTIB JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Setelah 4 tahun penubuhan, Unit Integriti telah berjaya menghasilkan Jurnal Tatatertib JBPM pada tahun 2017. 10 kes tatatertib telah dipilih dalam jurnal ini. Adalah diharapkan dengan penghasilan jurnal ini ia akan dapat dijadikan contoh dan tauladan kepada pegawai jabatan agar tidak melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dikenakan tatatertib.



### 4.2. PENERBITAN BULETIN INTEGRITI

Unit Integriti meneruskan lagi penerapan nilai-nilai murni melalui penerbitan Buletin Integriti. Sebanyak 2000 naskah Buletin Integriti yang mengandungi 2 edisi pada tahun 2017, bertindak sebagai medium komunikasi visual telah diterbitkan bertujuan menyebarkan informasi berkaitan aktiviti pengukuhan integriti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017.

Objektif penerbitan Buletin Integriti tersebut adalah untuk memberi pendidikan dan mempengaruhi masyarakat ke arah perubahan sikap dan tingkah laku yang lebih baik. Buletin Integriti telah diedarkan ke 16 buah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia peringkat negeri termasuk di 282 buah Balai Bomba dan Penyelamat. Sebanyak 42 buah agensi kerajaan juga telah menerima edaran Buletin Integriti Jabatan.



## 5 KESIMPULAN

Fungsi teras yang telah diamanahkan kepada Unit Integriti akan digalas dengan sebaiknya dalam menentukan bahawa aktiviti pemantapan tadbir urus dan pematuhan; pengukuhan integriti dan pengurusan aduan; serta tugas pengesanan, pengesanan dan tatatertib seperti yang termaktub dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.6 Tahun 2013, akan di jalankan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti.

Aktiviti pemupukan etika dan nilai murni akan terus diperkasakan melalui Pelan Integriti Bomba (PIB) dan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) yang telah dikuatkuasakan pada tahun 2016 merupakan salah satu wadah dalam menentukan bahawa hasrat Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi kebombaam dan penyelamatan yang berprestasi akan menjadi realiti.

Unit Integriti sentiasa komited untuk memainkan peranan penting untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan mematuhi khususnya Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, serta Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) 2003.

Dengan sokongan dan komitmen pengurusan tertinggi dan warga jabatan keseluruhannya kita percaya jabatan akan dapat mencapai visi yang telah digariskan dan akan dapat mendepani cabaran dengan penuh yakin serta menentukan jati diri warga jabatan tetap kukuh, kental dan ampuh dalam menegakkan prinsip integriti.

Dalam aspek pendisiplinan, pelbagai program-program yang dijalankan adalah bagi mendorong pegawai mengikuti dan mematuhi pelbagai peraturan dan standard sehingga penyelewengan dapat dicegah. Aspek-aspek kesedaran tentang kewujudan peraturan-peraturan pendisiplinan dan tatasusila Pegawai Bomba juga telah dibincangkan bersama anggota.

Unit Integriti sentiasa komited untuk memainkan peranan penting untuk memastikan semua pegawai dan kakitangan jabatan mematuhi Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] serta Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Tatasusila Pegawai Bomba) yang sedang berkuatkuasa seterusnya mendokong visi dan misi jabatan.

Unit Integriti berharap semua pegawai jabatan dapat menghayati dan membudayakan integriti disemua peringkat selaras dengan hasrat YAS Ketua Pengarah untuk menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebuah organisasi kebombaam dan penyelamatan berprestasi tinggi berteraskan kepada pembudayaan integriti dan tadbir urus yang baik dan mapan.



# PROGRAM UTAMA JABATAN

**LAPORAN TAHUNAN**

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAY MALAYSIA



# PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENGURUSAN AWAM (DPA)


13 Januari 2017



# PERBARISAN TAHUNAN 2017

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

19 Januari 2017



# MAJLIS PELANCARAN OPS MUSIM PERAYAAN DAN KAYUHAN DIRAJA TAHUN 2017

24 Januari 2017



# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2016

26 Januari 2017

PERINGKAT IBU PEJABAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



# RETREAT JBPM DI ABPM WILAYAH UTARA

8 Februari 2017





LAWATAN KERJA RASMI  
PEGAWAI MAPO KOREA SELATAN  
KE IBU PEJABAT JBPM

21 Februari 2017



KUNJUNGAN HORMAT FIRE COMMISSIONER  
OF SEOUL METROPOLITAN FIRE & DISASTER  
HEADQUARTERS KE JBPM NEGERI SARAWAK

10 Mac 2017



MESYUARAT AGUNG  
PERSATUAN KEMAJLISAN

16 Mac 2017



PERSIDANGAN PERWAKILAN  
MASKAB

17 Mac 2017



MAJLIS TAMAT LATIHAN  
KURSUS DIPLOMA SAINS KEBOMBAAN SIRI 1/2016  
DAN KURSUS SIJIL SAINS KEBOMBAAN SIRI 2/2016





# MAJLIS PERASMIAN PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN PERINGKAT NEGERI TERENGGANU 2017

15 Mac 2017



# SUKAN EMPAT PENJURU (SUKEP) 2017

29-30 April 2017



# SAMBUTAN HARI ANGGOTA BOMBA SEDUNIA TAHUN 2017

4 Mei 2017



# MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAHLIL SHAB 2017

5 Mei 2017



# MAJLIS PERASMIAN BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT AYER HITAM

15 Mei 2017





## LARIAN BERSAMA BOMBA KALI KE XV TAHUN 2017 ANJURAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

6 Mei 2017



## PERKHEMAHAN KADET BOMBA PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-27 TAHUN 2017

17-20 Mei 2017



## PERKHEMAHAN KADET BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN ZON BORNEO 2017



## MAJLIS PENUTUPAN PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN, ALUNAN AZAN DAN QASIDAH

15 Jun 2017

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA TAHUN 2017



## PROGRAM RETREAT PELAN ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI DAN DASAR KEBOMBAAN JBPM 2017

5-7 Julai 2017



## SEMINAR PENGENDALIAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA DAN KERJASAMA INTER AGENSI SEMASA KECEMASAN

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI TERENGGANU  
10 Julai 2017





### MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KEJOHANAN SUKAN BOMBA MALAYSIA (SUKBOM) 2017

17 Julai 2017



### MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL. 3/2017

DI GRAND RIVERVIEW HOTEL, KOTA BHARU, KELANTAN

17 Julai 2017



### MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN JBPM

19 Julai 2017



### PERHIMPUNAN BULANAN BULAN JULAI 2017 JBPM

21 Julai 2017



### SEMINAR KESIAPSIAGAAN "EMERGENCY RESPONSE TEAM"

HOTEL-HOTEL MENGHADAPI SUKAN SEA KE 29 DAN SUKAN PARA ASEAN KE 9 2017

26 Julai 2017



### MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN TAHUN 2016 JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SABAH

4 Ogos 2017







## LAWATAN KE BBP SOOK, SABAH

5 Ogos 2017



## MAJLIS DEMONSTRASI DAN PENGUJIAN PRODUK MELAWAN KEBAKARAN

14 Ogos 2017



## MAJLIS PENGANUGERAHAN PINGAT KEBESARAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA PERINGKAT JBPM NEGERI SARAWAK

24 Ogos 2017



## LARIAN OBOR SUKAN SEA

DI DATARAN GEMILANG, PUTRAJAYA

11 Ogos 2017



## PERHIMPUNAN BULANAN BULAN OGOS 2017 JBPM

18 Ogos 2017



## FORUM PEMERKASAAN INTEGRITI PERINGKAT ZON BORNEO SIRI 2 TAHUN 2017

24 Ogos 2017





**LAWATAN KERJA  
KETUA PENGARAH  
JBPM KE PBS BARIO,  
SARAWAK**

25 Ogos 2017



**LAWATAN KERJA**

YAS KETUA PENGARAH JBPM KE BBP MARUDI,  
SARAWAK

25 Ogos 2017



**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN  
PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN PERINGKAT  
KEBANGSAAN KALI KE-19 TAHUN 2017**

DI AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TIMUR, MARANG TERENGGANU

14 September 2017



**ISTIADAT MENGARAK PANJI-PANJI  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

19 September 2017



**FORUM PEMERKASAAN  
INTEGRITI ZON SELATAN**

ANJURAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
MALAYSIA NEGERI MELAKA

21 September 2017





## ISTIADAT SAMBUTAN HARI PAHLAWAN TAHUN 2017

2 Oktober 2017



## PERASMIAN KURSUS PEMBANGUNAN KEPIMPINAN PENGUASA KANAN BOMBA II (KB44) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

7-12 Oktober 2017



## MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH BOMBA NEGERI BIL. 4/2017 DI HOTEL ZENITH, KUANTAN, PAHANG

16 Oktober 2017



## SAMBUTAN HARI INOVASI 2017

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

14-18 Oktober 2017



## MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESEDARAN KESELAMATAN AKTIVITI DI AIR (MKA)

25 Oktober 2017



## MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KESELAMATAN KEBAKARAN "MENINGKATKAN KESEDARAN KESELAMATAN KEBAKARAN DI PREMIS"

26 Oktober 2017



## PERASMIAN KEMPEN KESELAMATAN AKTIVITI AIR PERINGKAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KELANTAN

4 November 2017







**"CEPAT DAN MESRA"**



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA,  
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250 PUTRAJAYA.**

**No. Tel : 03-8892 7600 | No. Faks : 03-8888 0840 | E-mel : korporat.bomba@1govuc.gov.my  
[www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)**